

PELAKSANAAN E-BOOK DALAM SUBJEK
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
RENDAH DI KEMAMAN,
TERENGGANU

NURUL ADZHA BINTI GHAZALI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

**PELAKSANAAN E-BOOK DALAM SUBJEK
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
RENDAH DI KEMAMAN,
TERENGGANU**

NURUL ADZHA BINTI GHAZALI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan E-Book dan kelas maya, pencapaian murid-murid di dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun serta persepsi guru Pendidikan Islam dari segi pencapaian murid dan keberhasilan objektif pembelajaran dan pengajaran menggunakan E-Book dan kelas maya. Skop kajian merangkumi murid-murid tahun 4 dan 5 serta guru-guru Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah di daerah Kemaman, Terengganu. Fokus kajian ialah di dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Payoh yang mendapat kemudahan E-Book tanpa kelas maya dan Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong yang mendapat kemudahan E-Book dan kelas maya. Kaedah temu bual dan pemerhatian dijalankan bagi mendapatkan data kualitatif. Bagi data kuantitatif pula, markah pencapaian peperiksaan pertengahan dan akhir tahun murid tahun 4 dan 5 telah dianalisis dengan mengaplikasi kaedah statistik bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan menggunakan program *Statistical Package For The Social Science* (SPSS). Min digunakan untuk menganggar taburan skor respon secara umum. Data kuantitatif menunjukkan peningkatan prestasi murid dari markah pertengahan tahun ke markah akhir tahun di kedua-dua buah sekolah selepas pemberian E-Book ialah (53.14 ± 21.38) berbanding markah akhir tahun (62.85 ± 21.03) di kedua-dua buah sekolah pada tahun 2014. Terdapat perbezaan yang signifikan ($p > 0.05$) terhadap markah peperiksaan pertengahan tahun dengan markah peperiksaan akhir tahun bagi kedua-dua buah sekolah. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa markah min dengan penggunaan E-Book sahaja (58.99 ± 22.98) berbanding E-Book dan kelas maya (66.20 ± 20) dalam Peperiksaan Akhir Tahun. Ujian-t sampel bebas juga dijalankan untuk membandingkan min bagi kedua-dua kumpulan. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan yang signifikan ($p > 0.05$) terhadap markah peperiksaan akhir tahun bagi sekolah yang menggunakan E-Book sahaja berbanding E-Book dan kelas maya. Persepsi guru

menunjukkan E-Book dan kelas maya sangat baik bagi proses pembelajaran murid sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Islam dan perkembangan teknologi dalam pendidikan. Guru-guru Pendidikan Islam menyambut baik dan berterima kasih atas program yang telah dirancang dan dilaksanakan Kerajaan Negeri Terengganu yang telah menelan belanja jutaan ringgit setahun. Pemberian E-Book kepada murid sekolah kebangsaan oleh Kerajaan Negeri Terengganu telah ditamatkan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, kelas maya diteruskan seperti biasa dengan menggunakan *Chromebook* di bawah projek penyeliaan peralatan Makmal Komputer secara konsep mudah alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengagihan *Chromebook* ke sekolah-sekolah kebangsaan bermula 18 Mac 2013 sehingga 17 Mac 2014 menggunakan konsep yang sama seperti E-Book iaitu *Virtual Learning Environment*. Program ini bersesuaian dengan hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Gelombang 1 (2013-2015) mempertingkatkan asas ICT kepada murid dan guru. Keutamaan yang akan diberi termasuk memastikan murid dan guru mempunyai akses cukup kepada peralatan ICT dan menyediakan sistem pendidikan dengan platform pembelajaran dan jaringan lebar jalur yang mencukupi bagi penggunaan perkhidmatan ICT. Program selama sepuluh tahun ini diteruskan dan disambut baik oleh Kerajaan Malaysia seterusnya dilaksanakan di semua sekolah di Malaysia menggunakan Google Chrome.

ABSTRACT

The study aims to determine the learning and teaching method by using E-Book and virtual class, students' performance in mid-semester and final semester assessment as well as Islamic Studies teachers' perception towards the effectiveness of learning and teaching using E-Book and virtual class. The research scope involves year 4 and year 5 students, also the Islamic Studies teachers in several schools in Kemaman, Terengganu. The study is focusing on Sekolah Kebangsaan Payoh which received E-Book without virtual class and Sekolah Kebangsaan Telok Kalong which received both E-Book and virtual class. Interviews and observation are conducted to gain the qualitative data. The quantitative data is collected from the year 4 and year 5 students' mid-semester and final semester assessment marks and analyzed by SPSS. The mean score is used to record the response. The quantitative data shows that the students' achievement in mid-semester assessment after receiving E-Book was (53.14 ± 21.38) as compared to final semester assessment which was (62.85 ± 20.03) in both schools for the year of 2014. There was a significant difference ($p > 0.05$) on the mid-semester assessment score with final semester assessment scores for both schools. The results show that the mean values of using E-Book was (58.99 ± 22.98) as compared to E-Book and virtual class (66.20 ± 20.00) in final semester assessment. Independent sample tests were also conducted to compare the mean of the two groups. However, there was no significant difference ($p > 0.05$) on the final semester assessment for schools using E-Book only compared to E-Book and virtual classes. Teacher's perception also shows both E-Book and virtual class are very relevant for the learning process which in line with the National Education Philosophy, Islamic Education Philosophy and development of technology in education. The E-Book usage has been terminated by the government of Terengganu in 2015. Meanwhile, the virtual class concept is being continued with the substitution of Chromebook under the project named 'Makmal Komputer Secara Konsep Mudah Alih' by the Ministry of Education

(MOE) starting from 18 March 2013 until 17 March 2014. This suits the mission of Malaysia Education Blueprint 2013-2015. The teachers of Islamic Studies subject were welcomed and thanked the Terengganu state government for this programme. This 10 years programme is being continued by the Malaysia government to be implemented in all primary schools in Malaysia by using Google Chrome.

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah S.W.T., selawat serta salam buat junjungan nabi besar kita Muhammad S.A.W., para sahabat, ahli keluarga Baginda serta pengikut-pengikut yang setia menjejak langkah perjuangan baginda sehingga hari akhirat, Amin.

Pertamanya, ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada yang dihormati, Dr. Rushdi bin Ramli yang sudi menyelia dan banyak membantu penulis di dalam menyiapkan penulisan disertasi ini. Semoga Allah S.W.T melimpahkan rahmatNya dan memberi ganjaran yang sewajarnya atas segala ilmu, bimbingan, nasihat serta semangat yang telah diberikan. Di samping penulis juga merakamkan ucapan terima kasih ini kepada semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam yang turut membantu secara langsung atau tidak.

Ucapan terima kasih juga terutamanya kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Pejabat Pendidikan Daerah, para pentadbir sekolah, semua Guru Pendidikan Islam Daerah Kemaman terutamanya Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Payoh, Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong. Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Sekolah Kebangsaan Bukit Kuang, Sekolah Kebangsaan Chukai dan Sekolah Kebangsaan Pusat.

Tidak lupa juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah berbesar hati memberikan hadiah biasiswa (Hadiah Latihan Persekutuan) untuk penulis menyambung pengajian. Semoga pengurniaan biasiswa tersebut menjadikan penulis lebih bersemangat, berdedikasi dalam mendidik anak bangsa terutama bangsa Melayu beragama Islam. Juga kepada ahli dan sahabat-sahabat Badan Bukan Kerajaan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang banyak memberi pengalaman, perkongsian idea dan

sebagainya dengan penulis.

Penghargaan khas turut dirakamkan buat ayahanda tercinta, Haji Ghazali bin Che Awang, arwah ibu tersayang Abidah binti Yaacob, ibu mertua Hajjah Halimah Abd Jalil dan ayah mertua Haji Ibrahim bin Mat dan yang tidak jemu memberi sokongan dan dorongan serta prihatin terhadap usaha anakanda sehingga berjaya ke tahap ini. Juga istimewa buat suami tersayang, Haji Mohd Zulkifli bin Haji Ibrahim dan anak-anak Usamah, Nusaibah, Zaid, Hamimah dan Arwa Raihanah yang terlalu memahami dan banyak berkorban serta membantu penulis di samping sentiasa memberi dorongan, semangat dan doa dalam menghadapi segala masalah sehinggalah penulisan ini berjaya diselesaikan. Tidak lupa juga kepada semua abang, kakak yang sentiasa membantu dan memahami.

Terima kasih ini juga ditujukan kepada semua sahabat yang terlalu banyak membantu penulis Ukhti Nura Ruhaya, Cikgu Fatiyah Hadi, Solehah, Ummu Izzah, saudari Roziah Ghazi dan ramai lagi yang tidak lokek memberi bantuan daripada segi masa, bahan-bahan, terjemahan dan lain-lain.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Kemaman.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGAKUAN	
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI KEPENDEKAN	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
PANDUAN TRANSLITERASI	x
ISI KANDUNGAN	xiv

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Definisi Tajuk	11
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Batasan Kajian	18
1.9	Kajian Literatur	19
1.10	Metodologi Kajian	27
	1.10.1 Pengenalan	27
	1.10.2 Kaedah Pengumpulan Data	29
	i) Kajian Perpustakaan	29
	ii) Dokumentasi	29
	iii) Kajian Lapangan	30
	a) Temu bual	30
	b) Pemerhatian	33

1.10.3	Sampel Kajian	35
1.10.4	Instrumen Kajian	35
1.10.5	Analisis Data	35

BAB DUA : PENDIDIKAN ISLAM, E-BOOK DAN KELAS MAYA

2.1	Pengenalan	37
2.2	Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam	37
2.2.1	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	37
2.2.2	Falsafah Pendidikan Islam	39
i)	Tujuan Falsafah Pendidikan Islam	39
ii)	Konsep-Konsep Falsafah Pendidikan Islam	40
iii)	Syarat-syarat Falsafah Pendidikan Islam	41
2.3	Pendidikan Islam di Malaysia	42
2.3.1	Matlamat Pendidikan Islam	43
2.3.2	Objektif Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah	45
2.3.3	Subjek Pendidikan Islam Tahap Dua Sekolah Kebangsaan	45
2.3.4	Sukatan Mata Pelajaran Pendidikan Islam	47
2.4	Pelaksanaan E-book dan kelas maya di Terengganu.	54
2.4.1	Pengenalan	54
2.4.2	E-book	56
2.4.3	Kelas Maya	58
2.5	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah	60
2.5.1	Pengenalan	60
2.5.2	Definisi Teknologi	62
2.5.3	Definisi Komunikasi	63
2.5.4	Faedah TMK dalam PdP Pendidikan Islam	64
2.6	Pendekatan, Kaedah, Teknik dan Strategi Pengajaran	67
2.6.1	Pendekatan	67

2.6.2	Kaedah	69
2.6.3	Teknik	71
2.6.4	Strategi	71
2.6.5	Perbezaan Antara Pendekatan, Kaedah, Strategi dan Teknik Pengajaran	71
2.7	Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Guru Pendidikan Islam.	72
2.7.1	Pengenalan	72
2.7.2	Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan	74
	a) Guru	74
	b) Murid	76
	c) Kelas	76
2.7.3	Kaedah PdP Pendidikan Islam di Sekolah yang Mempunyai Kelas Maya	77
2.7.4	Kaedah PdP Pendidikan Islam Bagi Sekolah yang Tidak Mempunyai Kelas Maya	84
	a) Syarahan	84
	b) Cerita	87
	c) Soal Jawab	87
	d) Lakonan/Simulasi	88
	e) Latih Tubi	89
	f) Hafalan	90
	g) Tunjuk Cara	90

BAB TIGA : DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

3.1	Pengenalan	93
3.2	Latar Belakang Responden	93
3.3	Dapatan Kajian dan Analisis	94
	- Bilangan Murid Berdasarkan Sekolah	94
	- Pembahagian Murid Mengikut Jantina	94
	- Pecahan Sampel Murid Berdasarkan Tahun Pembelajaran	95

- Pecahan Penyerahan E-Book Mengikut Tahun Pembelajaran	95
- Bilangan Murid-Murid yang Menggunakan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya	95
- Markah Purata Perbezaan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun	96
- Markah Purata Perbezaan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya dalam Peperiksaan Akhir Tahun	97
- Perbezaan Markah Pertengahan dan Akhir Tahun	98
- Dapatan Markah Murid Lelaki dan Perempuan	104

BAB EMPAT : PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PELAKSANAAN E-BOOK DAN KELAS MAYA BERDASARKAN KEPADA PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM

4.1 Pengenalan	106
4.2 Persepsi Guru Pendidikan Islam Mengenai E-Book	108
4.3 Persepsi Guru Pendidikan Islam Tentang Kelas Maya	108
4.4 Bilangan Kursus/ Taklimat Yang Pernah Dihadiri Berkaitan E-Book dan Kelas Maya	109
4.5 Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kejayaan Pelaksanaan E-Book dan Kelas Maya	110
4.6 Kesan E-Book di Kelas Maya kepada Murid	112
4.7 Bebanan Kepada Guru?	114
4.8 Masalah-Masalah yang Dihadapi semasa PdP Pendidikan Islam Menggunakan E-Book dan Kelas Maya	116
4.9 Persepsi Para Murid Mengenai E-Book dan Kelas Maya	120
Kelas Maya	
4.9.1 Apakah yang anda faham mengenai E-Book?	120
4.9.2 Adakah E-Book memberi kebaikan kepada pembelajaran anda?	121
4.9.3 Adakah E-Book meningkatkan prestasi pembelajaran anda?	122

4.9.4	Adakah anda suka Belajar di Kelas Maya?	123
4.9.5	Apa pandangan anda tentang guru yang mengajar di kelas maya?	123
4.9.6	Adakah pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan E-Book di kelas maya menyeronokkan dan menyelesaikan masalah bebanan beg sekolah berat?	123
4.10	Kesimpulan	126

BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan.	128
5.2	Rumusan Dapatan	128
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	133
5.3.1	Pemberian E-Book Kepada Murid	133
5.3.2	Pemantauan Pihak Berwajib	134
5.3.3	Kursus Pengendalian ICT	135
5.3.4	Pelaksanaan <i>Chromebook</i>	135
	a) Komputer Riba – <i>Chromebook</i>	135
	b) Perbezaan E-Book dan <i>Chromebook</i>	136
5.4	Kesimpulan	138

BIBLIOGRAFI	139
--------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
2.1 Ringkasan Konsep Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik	72
3.1 Bilangan Murid Berdasarkan Sekolah	94
3.2 Pembahagian Murid Mengikut Jantina	94
3.3 Pecahan Sampel Murid Berdasarkan Tahun Pembelajaran	95
3.4 Pecahan Penyerahan E-Book Mengikut Tahun Pembelajaran	95
3.5 Bilangan Murid-Murid Yang Menggunakan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya	95
3.6 Markah Purata Perbezaan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun	96
3.7 Markah Purata Perbezaan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya dalam Peperiksaan Akhir Tahun	97
3.8 Perbezaan Markah Pertengahan dan Akhir Tahun	98
3.9 Dapatan Markah Murid Lelaki dan Perempuan	104

SENARAI KEPENDEKAN

Abd	‘Abdul
AS	<i>‘ālaihi sallām</i>
EIO	<i>Executive Information Officer</i>
Et. Al	Dan rakan-rakan
ICT	<i>Information Communication and Techonology</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
j-QAF	Jawi, Quran, Arab, Fardhu Ain
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RA	<i>Raḍiya Allāh ‘anhu / Raḍiya Allāhu ‘anha / Raḍiya Allāh ‘anhum</i>
SAW	<i>Ṣallā Allāhū ‘alayh wa ṣallām</i>
SKP	Sekolah Kebangsaan Payoh
SKTK	Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STP	Sijil Tinggi Pelajaran
SWT	<i>Subḥānahu wa Ta’ālā</i>
TMK	Teknologi Multimedia dan Komunikasi
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, komputer merupakan alat elektronik yang sudah sinonim dalam kehidupan masyarakat zaman kini. Selain itu, internet seolah-olah menjadi satu yang wajib dalam menjalani kehidupan seharian. Bersesuaian dengan perkembangan ini, bidang pendidikan juga tidak ketinggalan untuk menongkah arus bersama-sama menaikkan taraf sistem pendidikan di negara kita. Ianya bertepatan dengan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan iaitu ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan². Penggunaan komputer dalam pendidikan telah membawa banyak perkembangan kepada sistem pendidikan yang semakin canggih. Ia juga membawa reformasi serta perkembangan baru dalam pelbagai bidang pendidikan, khasnya dalam teknologi pendidikan, teori pendidikan. Negeri Terengganu menyahut seruan globalisasi ini dengan menjadi perintis kepada program E-Book dan *virtual class* (kelas maya) sekolah kebangsaan yang menyediakan komputer riba kepada murid bagi menggantikan buku sekolah³.

Dato' Ahmad Said, mantan Menteri Besar negeri Terengganu sendiri merupakan pencetus idea penggunaan E-Book di Terengganu. Beliau melihat pembangunan negeri perlu bermula dengan pendidikan dan pembelajaran yang sempurna dan terkini.⁴ Beliau ada menyatakan kerajaan negeri yakin prasarana yang kondusif adalah penting bagi melahirkan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi turut

²Akta Pendidikan 1996, 31 Disember 1997, (Akta 550).

³Ruslan Abdul Rahman, "Intel iktiraf Terengganu Perintis Penggunaan e-Book", laman sesawang *bateri kita* dicapai pada 16 Februari 2014, <https://teganukita.blogspot.my/2014/02/intel-iktiraf-terengganu-perintis.html>.

⁴"The Terengganu E-Book Scandal (Part 1: Statement By The Terengganu Menteri Besar)," *Malaysia Today Online News*, 4 September 2010, 471.

membangunkan minda serta sahsiah pelajar sebagai persediaan menghadapi cabaran global.⁵ Kilang pemasangan komputer riba yang bernilai RM8.5 juta telah siap dibina di kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu pada Mac 2009. Bagi fasa pertama, bermula Mei 2009 seramai 23,000 hingga 25,000 murid tahun lima menerima komputer secara berperingkat-peringkat sebelum diperluaskan kepada murid darjah enam, empat, tiga, dua dan satu. Fasa kedua pula, melibatkan program E-Book bagi murid-murid sekolah menengah. Oleh kerana itu, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM30 juta setahun bagi projek tersebut. Harga bagi sebuah komputer kira-kira RM1,300.⁶

E-Book bukan sahaja menjadi inovasi dalam dunia pendidikan, malah ia telah menyelesaikan satu masalah yang sudah lama diperkatakan dalam dunia pendidikan iaitu isu beg sekolah berat. Isu ini sudah lama disebut dan tidak menemui jalan penyelesaian. Murid-murid sekolah rendah bukan sahaja dibebankan dengan buku teks yang berat, ditambah pula dengan buku-buku rujukan, buku kerja dan buku latihan⁷. Fizikal murid-murid sekolah kebangsaan yang masih kecil ini ditambah lagi bebanan bekalan makanan dan minuman. Walaupun pernah diperkenalkan jadual anjal, berat beg hanya boleh dikurang sekilo sahaja. Masalah ini tidak mendapat penyelesaian kerana ada murid yang membawa semua buku ke sekolah kerana takut terlupa⁸. Bagi murid-murid yang mengikuti kelas tambahan, mereka akan terus ke kelas dan bebanan beg semakin bertambah⁹. Oleh itu kerajaan negeri Terengganu sebagai pencetus idea dan negeri rintis melaksanakan E-Book yang mengandungi semua buku teks murid tahap dua telah memberi sinar baru kepada murid-murid negeri Terengganu menyelesaikan

⁵*Ibid.*

⁶Arkib, "Terengganu Perkenal Kelas Maya di Sekolah Rendah", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 9 Feb 2012, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0209&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_30.htm#ixzz2vkQPgOxv

⁷Suria0384, "Pelaksanaan Program e-Book Menggantikan Buku Teks Konvensional Sekolah", *Sosiologi Persekolahan (PAET 4101)*, 2

⁸ Zainor Said, "Respons: Antara isu beg berat, pelajar enggan bawa buku", laman sesawang, *Respons Pendidikan* dicapai pada 13 Februari 2009, <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.my/2009/02/respons-antara-isu-beg-berat-pelajar.html>.

⁹ *Ibid.*

kemelut beg sekolah berat. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Teknologi dan Sumber Malaysia, Negeri Terengganu, Y.B Dato' Ahmad Razif Abd Rahman¹⁰," Pelaksanaan program E-Book ini berikutan keprihatinan kerajaan negeri dengan keperluan pendidikan semasa". Kenyataan ini disokong melalui kata Dato' Ahmad Said¹¹, " cadangan membekalkan komputer riba kepada pelajar sekolah rendah dan menengah adalah praktikal buat masa sekarang bagi mengatasi masalah beg berat pelajar sekolah". Beliau menambah lagi, "Pelaksanaan E-Book merupakan usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan pencapaian pendidikan ke arah menyediakan tenaga kerja dalam era k-ekonomi agar dapat bersaing di peringkat global"¹².

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Seiring dengan perkembangan media elektronik dan internet, kebanyakan individu dan organisasi beralih kepada penggunaan alat-alat digital termasuk E-Book dalam bidang akademik, perniagaan, perhotelan, perbankan dan sebagainya. Dalam tahun 2011, Amazon.com telah melaporkan bahawa jualan E-Book telah melebihi jualan buku bercetak dan tidak lama selepas tu, pada tahun 2012 pelbagai versi E-Book seperti Pocket book Touch, Kbuuk, iBooks dan Kindle Paper white E-Book diperkenalkan.¹³ Menyedari potensi dalam bidang akademik, E-Book telah diterima pakai lebih daripada 20 buah negara dalam sistem pendidikan termasuk Malaysia. Sepertimana sedia maklum, bagi Malaysia, ianya telah diterajui oleh negeri Terengganu sebagai perintis

¹⁰ Arkib,"500 EIO jayakan e-Book", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai pada 27 Mei 2009, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0527&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sains_%26_Teknologi&pg=st_01.htm

¹¹ Nor Aziah Jaafar, "Pelajar Terengganu guna e-Book", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 27 Mei 2009, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0527&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm

¹² *Ibid.*

¹³ W.Roslina et al., "The Effect of e-Book on Student's Learning Styles A Study in Terengganu, Malaysia" (International Conference on Advanced Information and Communication Technology for Education, ICAICTE, 2013),228.

kepada projek mega tersebut. Setakat tahun 2012, lebih daripada 92,000 murid telah menerima E-Book dan mendapat manfaat daripadanya.¹⁴

Menurut data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS), Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 28 Februari 2014, Terengganu mempunyai sebanyak 351 buah sekolah rendah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan.¹⁵ Jumlah ini merupakan jumlah yang agak besar dan seharusnya kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar bagi program E-Book tersebut.

E-Book adalah berbentuk elektronik dari sebuah buku yang biasanya diterbitkan dalam bentuk bercetak ditukar kepada berbentuk digital. The New Concise Oxford English Dictionary mendefinisikan E-Book sebagai sebuah versi elektronik dari sebuah buku bercetak yang dapat dibaca pada sebuah komputer peribadi atau alat lain yang direka khusus untuk membaca E-Book.¹⁶ Oleh sebab itu, E-Book mempunyai dua unsur utama. Unsur pertama, E-Book berbentuk digital. Kedua, penggunaan E-Book memerlukan suatu alat, baik 'hardware' (peralatan fizikal) mahupun 'software' atau perisian. Bagi negeri Terengganu, E-Book berbentuk mini laptop dijadikan sebagai alat pengantaraannya. Dahulu, hanya bahan-bahan penulisan akademik sahaja yang dihasilkan dengan menggunakan E-Book yang diberi nama e-jurnal. Namun, perkembangan teknologi telah membawa kepada penerbitan pelbagai buku dengan menggunakan E-Book.¹⁷ Selain perisian buku teks yang dimuat naik, E-Book Terengganu juga mengandungi panduan solat dan pembelajaran al-Quran. Ianya bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam iaitu suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian dan pandangan hidup

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Sektor Data Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, "Modul Pengurusan Sekolah", laman sesawang Modul Pengurusan Sekolah, KPM, dicapai 3 Mei 2017, <http://emisportal.moe.gov.my/>

¹⁶ Bernama, "Program E-Book dilancar di Terengganu", laman sesawang *Alam Akademik* dicapai 12 Januari 2009, <http://alamakademik.wordpress.com/2009/01/12/program-e-book-dilancar-di-terengganu/>

¹⁷ *Ibid.*

sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat¹⁸.

Sistem pembelajaran secara maya telah diperkenalkan di tiga buah sekolah di Terengganu sebagai program rintis bagi program E-Book dan kelas maya iaitu Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Kuala Terengganu, Sekolah Kompleks Seberang Takir, Kuala Terengganu dan Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, Kemaman¹⁹. Kos bagi menyediakan sebuah kelas maya dianggarkan berjumlah antara RM25,000 hingga RM30,000.²⁰ Ianya bergantung kepada setiap kemudahan dan prasarana tertentu bagi setiap sekolah. Sekiranya pencapaian memuaskan, projek kelas maya ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat bagi sekolah-sekolah lain di negeri Terengganu. Proses pembelajaran dan pengajaran di kelas maya tidak menggunakan papan tulis, sebaliknya menggunakan '*smart board*' yang dihubungkan terus ke talian internet dan E-Book murid.

Kajian ini akan memfokuskan kaedah pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran menggunakan E-Book dan kelas maya serta keputusan pencapaian para murid di dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi sekolah yang mempunyai kelas maya di daerah Kemaman, Terengganu berbanding sekolah yang menggunakan E-Book sahaja tanpa kelas maya. Bagi daerah Kemaman, terdapat tiga buah sekolah yang mempunyai kemudahan peralatan untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara maya dengan dilengkapi peralatan dan kemudahan yang baik iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Sekolah Kebangsaan Bukit Kuang dan Sekolah Kebangsaan Telok Kalong. Di antara tiga buah sekolah tersebut, hanya Sekolah

¹⁸ Bahagian Kurikulum Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007, *op.cit.*, iv

¹⁹ Arkib, "Terengganu Perkenal Kelas Maya di Sekolah Rendah", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 9 Feb 2012, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0209&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_30.htm#ixzz2vkQPgOxv

²⁰ Ibid.

Kebangsaan Telok Kalong yang akan difokuskan oleh penulis dalam kajian kerana ianya merupakan sekolah rintis bagi program kelas maya dan mempunyai kelengkapan yang mencukupi. Kemudahan kelas maya disediakan di dalam kelas murid berbanding dua buah sekolah lagi, kemudahan tersebut hanya disediakan di dalam sebuah bilik khas seperti makmal komputer. Kajian ini melibatkan murid-murid sekolah rendah tahap dua iaitu tahun 4 dan 5. Murid tahun 6 tidak terlibat dan tidak diganggu memandangkan tahun 6 terlibat dengan peperiksaan UPSR. Selain fokus kajian berkaitan kaedah dan cara pelaksanaan yang digunakan oleh para guru pendidikan Islam di sekolah berkenaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam menggunakan E-Book di kelas maya, kajian juga akan menumpukan sejauhmanakah persepsi guru dalam pengajaran menggunakan E-Book dan kelas maya.

1.3 Penyataan Masalah

Kewajipan menuntut ilmu sememangnya ditekankan di dalam agama Islam. Seruan dan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW juga menyeru hambaNya menuntut ilmu. Di dalam al quran, Allah berfirman:

قُرْآنًا مِّنْكَ الَّذِي فَحَقَّ ۱ فَحَقَّ آيَاتِنَ مِنْ فَحَقِّ ۲ قَرَأَ وَوَيْكَ آفَرَمُ ۳ الَّذِي
فَعَمَّ الْقَلَمَ ۴ فَعَمَّ آيَاتِنَ مَا لَيْحِي فَعَمَّ ۵

Al-'Alaq: 1-5

Terjemahan: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Di dalam Buku *Tarbiyyatul Aulad* ada disebut, tanggungjawab dalam pendidikan di dalam Islam merangkumi beberapa perkara yang perlu diambil berat oleh para ibubapa dan guru terutamanya. Tanggungjawab pendidikan yang digariskan adalah pendidikan imaniah, akhlak, jasmani, mental, psikologi, sosial dan seksual.²¹

Oleh itu, dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, sewajarnya kaedah, teknik dan pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran murid perlu dipermodenkan mengikut era zaman mereka. Jika tidak, bukan sahaja pendidikan agama tidak mendapat tempat di hati para murid, ilmu pendidikan yang lain juga tidak dapat menarik minat mereka.

Saidina Umar al-Khattab berkata: "Didiklah anakmu sesuai dengan zamannya."²² Ia bermaksud proses pendidikan terhadap manusia harus berlaku sesuai dengan perubahan zaman. Perubahan yang berlaku mengikut zaman, antara zaman mutakhir dan masa kini adalah berbeza dengan zaman Rasulullah SAW walaupun asas pendidikan adalah sama. Apa yang dimaksudkan oleh Saidina Umar ialah teknik, pendekatan dan kaedah yang perlu digunakan untuk perkembangan dan pertumbuhan anak-anak.

Selain itu, kemerosotan penguasaan dan penghayatan Islam dalam kalangan para remaja juga di tahap yang membimbangkan²³. Ekoran daripada itu, timbullah isu kemerosotan akhlak kesan daripada tiang agama yang tidak utuh. Keadaan ini seharusnya dibendung sejak daripada awal lagi sebelum ianya menjadi parah.

²¹ Abdullah Nasih Ulwan: *Tarbiyyatul Aulad fil Islam* (Jeddah: Dar as-Salam littiba'ah wan Nasyr wat Tauzi', 1994), 1:156.

²²Nurul Izzah Sidek, "Remaja dan Perubahan Zaman", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 14 April 2011, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0414&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm#ixzz37bhj2MG

²³ Mohd Zaini Nasri, "Pelajar Semakin Hilang Minat Belajar", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 7 Jun 2000, http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0607&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=ot_03.htm

Globalisasi yang berlaku dalam dunia hari ini sedikit demi sedikit telah membawa masyarakat khususnya anak-anak kepada unsur-unsur modenisasi.²⁴ Tujuan kehadiran kita di muka bumi Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi ini semakin lama semakin jauh dan dilupakan. Masyarakat dipengaruhi dengan ideologi seperti sekularisme²⁵ yang memisahkan perihal agama dalam kehidupan manusia. Hasilnya jika tidak dibendung, manusia tidak lagi memikirkan tujuan hidup dan kehidupan akhirat. Fahaman ini sedikit demi sedikit diterapkan di dalam sistem pendidikan kita semasa zaman penjajahan kerana pendidikan merupakan salah satu alat dan saluran utama dalam menyebarkan fahaman tersebut.²⁶ Natijahnya jika dibiarkan berleluasa, terhasillah manusia yang memisahkan kepentingan agama dan dunia dalam kehidupan individu khususnya dalam hal-hal berkaitan syariat atau hukum-hukum agama. Selain itu, pengaruh hedonisme juga membimbangkan golongan anak-anak kecil, remaja dan golongan dewasa. Menurut golongan yang mementingkan hedonisme, klimaks keseronokan dan kegembiraan tercapai di tahap yang paling tinggi dengan cara mengelakkan diri daripada elemen-elemen sedih dan negatif. Keseronokan dan kegembiraan tersebut diperolehi tanpa memikirkan sikap positif atau negatif, lari daripada garisan syariat dan sebagainya.²⁷ Terlalu banyak kesan perkembangan dan pertumbuhan anak-anak yang tidak seimbang jika tidak diasaskan dengan agama.

Ketagihan dan keseronokan bermain gadget tanpa pemantauan dan ilmu menimbulkan kebimbangan kepada dunia pendidikan dan pertumbuhan murid-murid. Kesannya mengakibatkan murid-murid dilihat lebih mementingkan diri sendiri, tidak pandai bersosial, kurang adab dengan orang tua dan guru, berani mencuba sesuatu yang

²⁴ Asnuurien Najma binti Ahmad, “*Kesan Penekanan Terhadap Pendidikan Sekular*,” Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka, laman sesawang www.ppm.edu.my, dicapai 18 November 2016, <http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa4567/KESAN%20PENEKANAN%20TERHADAP%20PENDIDIKAN%20SEKULAR.PDF=50>

²⁵ *Kamus Dewan*, ed. Ke-3 (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1213, entri “sekular.”

²⁶ Asnuurien Najma binti Ahmad, “*Kesan Penekanan Terhadap Pendidikan Sekular*,” 50.

²⁷ Hj Huzili Hussin dan Shuhairimi Abdullah, “Menangani Penetrasi Budaya Hedonisme di Kalangan Mahasiswa: Satu Penyelesaian Menurut Perpektif Islam dan Kaunseling” (kertas kerja, National Student Development Conference [NASDEC] 2006, Kuala Lumpur, 8-9 Ogos 2006).

tidak sepatutnya dan yang paling menyedihkan mengubah gaya hidup seseorang ke arah yang tidak baik.²⁸ Perkembangan teknologi komunikasi tidak dapat disekat malah ia makin berkembang dari semasa ke semasa. Apa yang harus dilakukan adalah memperkasa dan memberi kefahaman serta menimbulkan penghayatan agama dalam diri murid-murid. Melentur buluh biarlah dari rebungunya. Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam bersama ibu bapa perlu memainkan peranan dalam usaha menangani gejala tidak sihat yang berlaku masa kini.

Dapatan kajian di beberapa buah sekolah di daerah Sabak Bernam mendapati menonton televisyen menunjukkan min tertinggi iaitu sebanyak 3.02 jam sehari diikuti mendengar radio (min 1.89 jam) dan purata menonton VCD (1.25 jam). Manakala min membaca surat khabar dan majalah adalah sama iaitu 0.98 jam²⁹. Ini menunjukkan kecenderungan murid-murid ke arah hiburan lebih tinggi berbanding membaca. Cabaran ini perlu diambil perhatian oleh para guru Pendidikan Islam dengan cara menarik minat murid belajar mengikut kaedah dan pendekatan yang mereka sukai. Selain itu, penekanan pembelajaran dan pengajaran solat juga penting bagi memastikan para murid mempunyai asas yang kukuh dalam membentuk keperibadian mereka. Rukun Islam kedua ini menjadi asas dalam sukatan Pendidikan Islam sekolah rendah. Apabila solat mereka sempurna, harapan para guru dan kita semua agar mereka dapat mencapai kejayaan di dunia dan akhirat serta menjadi hamba Allah yang soleh dan solehah. Solat yang sempurna dapat melahirkan individu yang sempurna akhlak dan perilakunya.

²⁸ Sohana Abdul Hamid, "Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat", *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, Special Issues 1 (October 2016), ISSN:1823-884x, 223-224.

²⁹ Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail, "Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian Ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar" (Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme, SIVIC 2004, Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 4-6 September 2004).

إِنَّ الصَّلَاةَ وَتَقَىٰ هِيَ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Al ‘Ankabut 29: 45

Terjemahan: sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Bidang pendidikan perlu diadaptasi dan diperkembangkan kaedah pembelajaran dan pengajaran mengikut keperluan dan kehendak murid-murid dengan memberi galakan dan menarik minat mempelajari agama terutamanya. Pengaruh media masa dan kecanggihan serta pengaruh rakan sebaya memberikan satu tamparan kepada murid-murid untuk menepis gejala kurang sihat melayari internet dan sebagainya. Kurangnya didikan agama di rumah menambah kecelaruan dan masalah ceteknya pengetahuan serta penghayatan agama dalam diri murid-murid. Sewajarnya, bidang pendidikan mengambil tindakan yang untuk mengembalikan minat para murid mempelajari agama . Untuk mengembalikan semula kedudukan tersebut, satu tindakan reformasi ke arah memartabatkan Pendidikan Islam perlu diperkasakan. Wujudnya E-Book dan kurikulum baru j-QAF, diharap ianya dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada semua pihak terutama para murid, guru-guru dan ibubapa.

1.4 Objektif Kajian

Untuk menyempurnakan kajian ini terdapat tiga objektif yang ingin dicapai iaitu:

1. Menenal pasti kaedah pembelajaran dan pengajaran guru Pendidikan Islam.
2. Menenal pasti pencapaian murid dalam peperiksaan berbantuan E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam.
3. Menenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan E-Book dan kelas maya berdasarkan kepada pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah kaedah pembelajaran dan pengajaran guru Pendidikan Islam?
2. Apakah pencapaian murid dalam peperiksaan berbantuan E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam?
3. Apakah persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan E-Book dan kelas maya berdasarkan kepada pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam?

1.6 Definisi Tajuk

Pelaksanaan

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-3, pelaksanaan³⁰ ialah perihal atau perbuatan melaksanakan rancangan, tugas dan sebagainya. Pelaksanaan E-Book dalam kajian ini bermaksud pendekatan, kaedah, teknik, dan strategi yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran

³⁰ *Kamus Dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 748, entri "pelaksanaan".

(PdP) dalam subjek Pendidikan Islam sekolah rendah. Kajian ini juga mengambil kira pencapaian murid-murid dalam tahun 4 dan 5 dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun bagi melihat prestasi dan hasil pelaksanaan PdP menggunakan E-Book dan kelas maya di dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, Kemaman dan Sekolah Kebangsaan Payoh, Kemaman.

E-Book

The New Concise Oxford English Dictionary mendefinisikan E-Book sebagai sebuah versi elektronik dari sebuah buku bercetak yang dapat dibaca pada sebuah komputer peribadi atau alat lain yang direka khusus untuk membaca E-Book.³¹ E-Book yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah buku teks digital keluaran pihak Dewan Bahasa & Pustaka merangkumi buku teks Tahun 4, 5 dan 6³². E-Book diberikan kepada semua murid tahun 4,5 dan 6 yang belajar di Terengganu secara berperingkat-peringkat bermula 2009 sehingga 2014 oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi menggantikan buku teks sedia ada dan mengatasi masalah beg berat ke sekolah secara percuma³³. Selain buku teks, ia juga mengandungi bahan-bahan pembelajaran yang lain seperti Al-Quran, doa-doa, jawi dan ilmu Fardhu Ain. E-Book menggunakan *Microsoft Office* dan lain-lain perisian yang sama dengan “*notebook*” di pasaran³⁴.

Subjek Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Pendidikan Islam Sekolah Rendah merupakan salah satu mata pelajaran yang diajar di semua sekolah kebangsaan di Malaysia. Berdasarkan Laporan Rahman Talib³⁵, mana-mana sekolah yang mempunyai murid beragama Islam lebih daripada 15 orang

³¹Bernama, “*Program E-Book dilancar di Terengganu*”, laman sesawang *Alam Akademik* dicapai 12 Januari 2009, <http://alamakademik.wordpress.com/2009/01/12/program-e-book-dilancar-di-terengganu/>

³² Admin, “e-Book”, laman sesawang *Top Industries*, dicapai 15 Mac 2018, <http://www.top-it.com.my/top-it/monopole/>

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam Mengikut Shor2 Penyata Razak 1965, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

diwajibkan belajar dan menduduki peperiksaan Pendidikan Islam. Subjek ini merangkumi beberapa bidang yang terdiri daripada asas tilawah al-Quran, 'Ulum Syar'iyah, asas akhlak Islamiyyah dan Jawi³⁶. Bidang 'Ulum Syar'iyah pula terdiri daripada bidang asas Akhlak Islamiyyah, Aqidah, Sirah dan Feqah. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada salah satu bidang Feqah iaitu bab solat tahun 4 dan 5.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dikaitkan dengan kepentingan pendidikan sebagai salah satu asas dalam perkembangan seseorang individu, yang merupakan sesuatu yang memang tidak boleh dinafikan lagi. Pemahaman yang jelas tentang keperluan pendidikan bagi pasangan ibu bapa dan para guru akan membawa kepada perkembangan dan pertumbuhan positif bagi murid tersebut. Seharusnya para ibu bapa dan guru memainkan peranan dan peka dengan perubahan arus semasa agar corak dan bentuk pendidikan yang disalurkan kepada para murid bertepatan dan sesuai dengan zaman mereka. Selain itu, kajian ini juga penting dalam menjaga imej profesion guru Pendidikan Islam bagi melahirkan generasi yang merealisasikan Islam dalam kehidupan mereka. Guru Pendidikan Islam perlu sederap selangkah menggunakan kemudahan ICT bersama-sama guru mata pelajaran lain agar guru Pendidikan Islam tidak dikatakan ketinggalan dalam arus pendidikan. Kajian ini amat bermanfaat bagi:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia

Dasar Pendidikan Kebangsaan menyatakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan kunci utama kepada sistem penyampaian dan pengurusan pendidikan³⁷. Oleh itu, kajian ini sangat penting bagi memberi

³⁶ Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR, laman sesawang *moe.gov.my*, dicapai 10 Mac 2015, http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20Pendidikan%20Islam%20KBSR.pdf = 3-4

³⁷Kementerian Pelajaran Malaysia, *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, ed. Ke-(Giga Wise Network Sdn Bhd),45.

gambaran kepada pihak KPM untuk merancang program dan aktiviti yang sepatutnya bagi merealisasikan dasar tersebut. Terengganu boleh dijadikan negeri contoh bagi projek di negeri-negeri lain dalam usaha memperkasakan bidang pendidikan di dalam negara.

2. Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Projek rintis E-Book dan kelas maya Kerajaan Negeri Terengganu ini menjadi kayu ukur dalam projek-projek pembangunan pendidikan di negeri Terengganu selain menjadi contoh negeri-negeri lain. Dalam pembentangan bajet Terengganu 2017, selaras dengan prinsip ke lapan (Transformasi Terengganu Baharu) TTB iaitu Memperkasa Pendidikan³⁸, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM42.6 juta bagi pelaksanaan projek dan program pendidikan bagi tahun 2017³⁹. Peruntukan yang besar ini dapat digunakan untuk meningkatkan perkembangan pendidikan dari segi menyediakan kemudahan pembelajaran seperti E-Book dan komputer riba kepada murid-murid serta menambahbaik makmal komputer, kelas maya dan sebagainya.

3. Ibu bapa

Kajian ini penting kepada para ibu bapa kerana guru pertama murid-murid adalah ibu bapa di rumah. Masa ibu bapa bersama anak-anak melebihi masa murid-murid bersama para guru di sekolah. Pemberian E-Book memudahkan para ibu bapa membantu anak-anak belajar di rumah kerana pelbagai panduan

³⁸Ahmad Razif bin Abd Rahman, "Transformasi Terengganu Baharu", laman sesawang *Agensi Transformasi Rakyat Terengganu*, dicapai 16 Disember 2015, <http://atra.terengganu.gov.my/index.php/2013-03-25-09-26-15/berita/305-transformasi-terengganu-baharu>

³⁹ Ketua Pengarang, "Pembentangan Penuh Bajet Terengganu 2017 Oleh MB Razif", laman sesawang *Bicara 1 Suara Kepimpinan*, dicapai 21 November 2016, <http://www.bicara.news/pembentangan-penuh-bajet-terengganu-2017-oleh-mb-razif/>

diperolehi melalui perisian E-Book. Ibu bapa hanya perlu memantau penggunaan E-Book agar tidak tersasar daripada objektif pembelajaran sebenar seperti membuka laman web yang tidak berfaedah atau bermain *game*. Selain itu, para ibu bapa juga perlu menghadkan tempoh penggunaan E-Book di rumah agar anak-anak tidak meninggalkan tanggungjawab yang lain seperti solat, menolong ibu bapa dan aktiviti sosial yang sihat. E-Book juga memudahkan ibu bapa memantau tugas yang diberikan para guru di sekolah. Pembelajaran tetap dapat dijalankan walaupun di luar waktu sekolah dan ibu bapa boleh menjadi guru membantu pembelajaran sendiri anak-anak di rumah.

4. Guru-guru Pendidikan Islam

Asas kepada kejayaan sistem pendidikan terletak pada kualiti Kurikulum Kebangsaan, sekaligus menentukan kualiti modal insan yang dihasratkan.⁴⁰ Pelaksana kurikulum yang digariskan Kementerian Pendidikan ialah para guru di sekolah. Kecenderungan para murid dengan kemudahan ICT, pengaruh rakan sebaya serta perubahan sekeliling yang pesat membangun, mencabar para guru terutamanya guru Pendidikan Islam untuk mencari kaedah terbaik bagi memastikan PdP berjalan dengan berkesan dan mencapai objektif yang digariskan. E-Book sangat sesuai dan dapat membantu guru merealisasikan objektif melahirkan susuk tubuh yang mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang merangkumi dua aspek iaitu kemahiran berfikir dan kemahiran hidup dan kerjaya⁴¹. Antara kemahiran yang perlu dikuasai murid dalam menghadapi kehidupan yang kompleks ialah belajar sepanjang hayat dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK)⁴². Pendedahan awal di

⁴⁰ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah* (Selangor: Cepat Cetak Sdn. Bhd, 2014), 1

⁴¹ *Ibid.*, 3.

⁴² *Ibid.*

peringkat rendah dapat membuka minda dan memberi pengalaman kepada para murid menggunakan kemudahan teknologi dengan baik.

E-Book dan kelas maya juga memudahkan para guru melaksanakan proses PdP dengan berkesan. Murid-murid mudah memahami pengajaran guru kerana banyak bahan yang dipelajari dipersembahkan secara 3 dimensi. Selain bahan yang dimuat naik di dalam E-Book, murid-murid dapat melayari laman web lain yang berkaitan dengan pembelajaran sebagai tambahan pembelajaran sendiri.

Di dalam al-Quran juga ditekankan tentang konsep pendidikan yang boleh meninggikan martabat seseorang individu. Dalam surah al-Quran, Allah S.W.T ada berfirman:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا
فَمَا تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا فَمَا تَفَسَّحُوا

Al-Mujadalah 58:11

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

Kesempurnaan dalam pendidikan seseorang akan memberi impak yang besar dalam proses pembentukan individu Muslim yang sempurna. Sesungguhnya pendidikan

yang sah berteraskan syariat akan mencegah kita daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah Taala. Ilmu akan menjadi pendinding dan garis pemisah dari maksiat dan perkara munkar yang membawa kepada dosa.

Dalam sukatan mata pelajaran pendidikan Islam sekolah rendah, terdapat pecahan dalam bidang Pendidikan Islam iaitu al-Quran, aqidah, ibadah, sirah, adab dan jawi⁴³. Dalam perisian E-Book merangkumi semua sukatan tersebut, ditambah pula dengan al-Quran, Iqra' dan doa-doa untuk menambah kefahaman dan penguasaan murid di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Proses ini akan lebih menjadi mudah kerana para murid boleh belajar sendiri di rumah tanpa bantuan guru. Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat sejauhmana kaedah pembelajaran dan pengajaran yang digunakan dan perbezaan pencapaian prestasi para murid setelah menggunakan E-Book sahaja berbanding E-Book di kelas maya sebagai salah satu wasilah dalam memperkasakan ilmu Pendidikan Islam di kalangan murid sekolah rendah.

Selain melihat pencapaian murid dalam prestasi subjek Pendidikan Islam, kajian ini juga dapat melihat persepsi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan E-Book dan kelas maya. Beberapa faktor pastinya memainkan peranan penting dalam keberhasilan dan pencapaian objektif pengajaran Pendidikan Islam terutamanya dalam bab feqah. Pihak berwajib seperti pihak pentadbir sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Pendidikan Guru (IPG), universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan dapat melihat kembali apakah perkara-perkara yang harus dilaksanakan di peringkat guru dan murid bagi meningkatkan prestasi pendidikan di negara kita. Guru Pendidikan Islam juga perlu meningkatkan kemahiran mereka dan bersama-sama dengan guru perdana lain dalam proses melaksanakan PdP menggunakan ICT. Kata-kata yang mengatakan guru Pendidikan Islam masih mengamalkan kaedah

⁴³ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR3-18*, laman sesawang Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, dicapai 3 Mac 2017, http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20Pendidikan%20Islam%20KB.pdf.

konvensional dan masih di takuk lama harus dihapuskan dan kemahiran perlu dipertingkatkan. Pengetahuan mengenai ICT tidaklah terhenti kepada guru yang mengajar sains dan matematik sahaja, malah merangkumi semua subjek yang diajar di sekolah kebangsaan. Ini kerana, penggunaan ICT yang meluas pada masa kini memerlukan semua guru menggembleng tenaga bagi mencapai aspirasi dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam.

Dari segi kemudahan dan keperluan yang dikehendaki oleh para guru, E-Book merupakan satu paradigma dalam melonjakkan prestasi perkembangan ilmu kepada murid. Ia menjadi satu alat perhubungan dan pemudah cara antara guru dan murid. Kajian ini akan melihat kaedah dan teknik yang digunakan oleh para guru di kelas maya atau E-Book sahaja bagi sekolah-sekolah yang tidak dibekalkan peralatan kelas maya. Ianya dapat dijadikan panduan bagi negeri-negeri lain di seluruh Malaysia untuk sama menggunakan E-Book dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut mantan Ketua Pengarah Pelajaran 2009, Datuk Alimuddin Mohd Dom, Kementerian Pelajaran akan mengkaji terlebih dahulu keberkesanan pelaksanaan program E-Book sebelum diperluas dalam sistem pendidikan negara.⁴⁴

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan dua buah sekolah di daerah Kemaman, Terengganu yang mengikuti program E-Book khusus kepada yang mempunyai kelas maya iaitu Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, Kemaman dan sekolah yang hanya menggunakan E-Book sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Payoh, Kemaman. Seorang penulis tidak mampu untuk membuat kajian keseluruhan merangkumi semua sekolah dan semua bidang yang

⁴⁴ Bernama, "Program E-Book dilancar di Terengganu", laman sesawang *Alam Akademik* dicapai 12 Januari 2009, <http://alamakademik.wordpress.com/2009/01/12/program-e-book-dilancar-di-terengganu/>

berkaitan dengan kelas maya. Bilangan murid yang terlibat ialah 183 orang terdiri daripada murid tahun 4 dan 5. Pengkhususan diberikan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dari segi kaedah pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di kedua-dua buah sekolah dalam sub tajuk bab solat . Pencapaian murid diambil kira pada tahun 2014 meliputi markah peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun di kedua-dua buah sekolah bagi mengkaji sama ada program E-Book dan kelas maya ni dapat meningkatkan pencapaian murid dalam peperiksaan Pendidikan Islam atau tidak. Persepsi guru Pendidikan Islam juga dikaji bagi memberi gambaran kepada pihak berwajib sama ada program E-Book dan kelas maya memberi impak positif atau negatif kepada semua guru dan boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia.

1.9 Kajian Literatur

Di dalam *The Online Journal An Islamic Education* bertajuk Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam oleh Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul dan Roseammah Abd Rauf telah membincangkan tiga objektif iaitu mengenalpasti model reka bentuk dan teori pembelajaran yang berhubung dengan laman web, mengenalpasti kepentingan dan keberkesanan pembelajaran berasaskan laman web serta penggunaan fungsi laman-laman web terkini dalam P&P Pendidikan Islam. Hasil kajian jelas menunjukkan penggunaan laman web dapat memberi manfaat kepada guru-guru Pendidikan Islam dengan mewujudkan situasi pembelajaran yang interaktif di antara pelajar dengan isi pelajaran. Selain itu, ia juga membimbing dan membentuk minda pelajar agar lebih kreatif dan memahami konsep ilmu dengan lebih berkesan.⁴⁵ Kajian ini amat berguna dan boleh dijadikan panduan kepada para guru menjalankan PdP di sekolah. Pada

⁴⁵ Norliza Hussin dan Muhamad Sattar Rasul, "Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam", *The Online Journal of Islamic Education* (Jun 2013, Vol. 1 Issue 2), 3

pandangan penulis, kajian juga perlu dilakukan bagi melihat pencapaian murid-murid sekolah rendah fokus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan E-Book dan kelas maya agar para guru dan pihak berwajib dapat menilai dan merancang strategi terbaik untuk bagi melaksanakan proses PdP di sekolah.

Menurut tesis Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Beberapa Buah Sekolah Rendah di Kuala Lumpur oleh Haris bin Yahya (2007), beliau melihat kepada tahap penggunaan, halangan dan impak ICT dalam pengajaran dan pembelajaran PPSMI⁴⁶. PPSMI merangkumi mata pelajaran Sains dan Matematik yang diajar di dalam Bahasa Inggeris. Responden dalam kajian beliau adalah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah. Beliau menggunakan metodologi kajian kualitatif kerana menurut beliau, pengalaman dan pandangan para guru tidak dapat diukur secara kuantitatif. Di samping itu, beliau juga menggunakan kaedah pemerhatian bagi memperkukuhkan dapatan kajian serta kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.⁴⁷ Penulis merasakan kajian ini hanya terhad kepada mata pelajaran PPSMI sahaja. Oleh kerana itu, kajian mengenai mata pelajaran lain harus dilakukan bagi melihat keberkesanannya terutama bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang besar impaknya dalam membentuk peribadi seseorang muslim.

Begitu juga kajian yang dibuat oleh Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh dan Ab. Halim Tamuri dalam Jurnal Pendidikan Islam yang bertajuk Elemen Mengenal Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Pendekatan kualitatif digunakan kerana ianya amat sesuai untuk mengkaji kes secara mendalam dan menyeluruh serta menghimpunkan maklumat yang banyak mengenai

⁴⁶ Haris Bin Yahya, "Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Beberapa buah Sekolah Rendah di Kuala Lumpur" (tesis sarjana pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 1.

⁴⁷ *Ibid.*, 50.

sesuatu kes.⁴⁸ Penyelidik mengumpul data dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah *'purposive sampling'* (persampelan bertujuan) digunakan dalam pemilihan sampel. Ini beerti responden tersebut perlu dipilih dan dikenalpasti terlebih dahulu supaya mereka dapat memberi maklumat yang bersesuaian dan mencukupi. Penyelidik telah memilih seorang Guru Cemerlang Pendidikan Islam DG44 berdasarkan cadangan yang diterima daripada Pejabat Pelajaran Daerah.⁴⁹ Kajian di atas berfokus kepada mengenali murid dalam pengajaran guru cemerlang Pendidikan Islam manakala kajian penulis melibatkan pencapaian murid-murid dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Penulis akan melihat adakah berlaku perkembangan positif dalam pencapaian peperiksaan murid-murid di samping persepsi para guru terhadap program e-Book dan kelas maya.

Kajian bertajuk Tahap Amalan dan Pengintegrasian E-Book Kolej Komuniti dalam Pengajaran dan Pembelajaran oleh Puan Noreles binti Ali dan Cik Siti Noor Aiinaa binti Ismail dari Kolej Komuniti Segamat menggunakan populasi kajian terdiri daripada pelajar dan pensyarah kolej komuniti seluruh Malaysia yang terdiri dari pelbagai bidang pengkhususan iaitu Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, kejuruteraan Awam dan sebagainya. Pengkaji memilih 170 pensyarah dan 170 pelajar sebagai sampel kajian⁵⁰. Hasil kajian yang dibuat mendapati majoriti pensyarah berada pada tahap setuju (90.6%) dan pelajar (73%) bahawa E-Book boleh menggantikan buku teks, secara tidak langsung menandakan sambutan untuk melaksanakan P&P dengan cara yang baru dan menggunakan teknologi terkini mendapat sambutan yang menggalakkan. Peratus bagi pensyarah dan pelajar yang tidak setuju ialah (4.7%) dan (5.3%) manakala peratus pelajar yang kurang setuju adalah

⁴⁸ Nur Hanani Hussin dan Mohd Aderi Che Noh, "*Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam*", *The Online Journal of Islamic Education* (June 2013, Vol 1 Issue 2), 4

⁴⁹ *Ibid.*, 4

⁵⁰ Noreles Ali dan Siti Noor Aiinaa Ismail, "*Tahap Pengintegrasian e-Book Kolej Komuniti dalam Pengajaran dan Pembelajaran*", *Jurnal Penyelidikan* (2013),347

(21.8%).⁵¹ Penulis melihat, penerimaan PdP berbantuan alat-alat teknologi sangat baik dalam dunia pendidikan masa kini. Sewajarnya, penulis membuat kajian yang sama tetapi lebih berfokus kepada pendidikan sekolah rendah untuk mendapatkan dapatan yang lebih terperinci.

Kajian kes yang dilaksanakan oleh Nafaidillah Nasir dalam tajuk Kajian Kes Penggunaan E-Book di Sekolah di Daerah Terengganu⁵² melibatkan murid tahun lima sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu. Kaedah yang digunakan ialah pemerhatian dan temu bual. Para murid diminta membuka E-Book masing-masing dan diminta melakukan sebarang kerja pada E-Book mereka. Dalam masa pemerhatian dibuat, pengkaji juga menjalankan temubual bersama guru, pegawai teknologi maklumat dan Guru Besar sekolah berkenaan. Pemerhatian yang dijalankan mendapati para murid merasa gembira dan berasa seronok dibekalkan dengan E-Book dan menyukai cara pembelajaran tersebut. Pembelajaran dapat dijalankan di rumah dan di masa terluang tanpa terhad kepada waktu pembelajaran di sekolah. Namun, kedapatan juga murid yang lebih gemar dengan cara lama iaitu menggunakan buku teks dengan alasan mereka boleh menulis nota dan membelek buku. Walau bagaimanapun, pengkaji dimaklumkan guru mengenai masalah bateri yang tidak bertahan lama disebabkan para murid kadangkala menggunakan E-Book untuk bermain *game* di waktu rehat. Penulis berpendapat, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan kerana kajian ini melihat secara keseluruhan tanpa memfokuskan subjek-subjek tertentu agar keputusan dan kajian yang lebih tepat dan terperinci diperolehi.

Satu kajian yang dijalankan oleh Abdul Mutalib Embong, Azelin Mohamed Noor, Mahfuzah Rafek, Haslinda Othman dan Puteri Zarina Megat Klalid dalam tajuk “

⁵¹ *Ibid.*, 349-350.

⁵² Nafaidillah Nasir, "Isu-Isu ICT dalam Pendidikan", laman sesawang *nafaidillah.blogspot*, dicapai 5 Jun 2015, <http://nafaidillah.blogspot.my/2010/10/kajian-kes-penggunaan-e-book-di-sekolah.html>

*What do teachers and pupils say about using e-books in the classrooms?*⁵³ mengukur tahap penggunaan E-Book di sekolah-sekolah rendah di Negeri Terengganu. Satu siri kajian yang telah dijalankan ke atas 73 orang guru dari 14 buah sekolah rendah dan 101 orang murid tahun 5 dari 5 buah sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa para guru dan para murid memberi maklum balas positif terhadap penggunaan E-Book sebagai buku teks di dalam kelas. Dapatan daripada kajian yang telah dibuat menunjukkan 44 orang guru bersetuju bahawa E-Book adalah penting dan mampu meningkatkan prestasi kerja, 8 orang guru tidak memberi maklum balas dan 3 orang lain yang tidak bersetuju⁵⁴. Bagi pihak murid, 66% murid bersetuju bahawa E-Book meringankan beg, 75% murid suka menggunakan E-Book dalam pembelajaran sama ada di sekolah atau di rumah dan 81% tidak bosan menggunakan E-Book. Jika mereka tidak pandai menggunakan E-Book, 92% murid meminta bantuan daripada rakan-rakan dan 83% pula meminta bantuan guru-guru mereka. Kajian ini sangat penting bagi menilai tahap penerimaan pihak guru dan murid terhadap penggunaan E-Book dalam PdP dan kajian penulis akan berfokus kepada subjek Pendidikan Islam sekolah rendah tahun 4 dan 5 menggunakan E-Book dan kelas maya.

Di dalam *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering*, satu kajian bertajuk *E-Books in Malaysian Primary Schools: The Terengganu Chapter* oleh Azelin Mohamed Noor et al.,⁵⁵ telah dibuat berkaitan kehadiran murid ke sekolah setelah dibekalkan kemudahan E-Book. Kajian ini melibatkan 101 murid tahun lima di 30 buah sekolah di sekitar Kemaman, Terengganu untuk menentukan bagaimanakah penerimaan murid-murid terlibat beserta pengalaman mereka menggunakan E-Book. Pemilihan murid-murid

⁵³ Abdul Mutalib Embong et al., "What do teachers and pupils say about using e-books in the classrooms?", *International Journal of Social Science and Humanity* Volume 4(1 Novemer 2014),1.

⁵⁴ *Ibid.*,5

⁵⁵ Azelin Mohamed Noor dan Abd Mutalib Embong, "E-Books in Malaysian Primary Schools: The Terengganu Chapter", *World Academy of Science, Engineering and Technology, International Journal of Social, Education, Economics and Management Engineering* Vol:6, No:6, (20 June 2012), 183-190

dipilih secara rawak bagi menjawab soal selidik sebanyak 21 soalan. Soalan yang ditanya berkaitan penggunaan, emosi, jangka hayat dan bantuan E-Book di dalam kelas. Dapatan mendapati kira-kira 75% responden melaporkan mereka dapat mengikuti pelajaran yang diajar di dalam kelas dengan menggunakan E-Book dan lebih daripada separuh murid (55%) menggunakan E-Book untuk belajar di rumah. 81% murid menyatakan perasaan tidak bosan menggunakan E-Book kerana kira-kira 66.3% murid adalah celik IT dan mempunyai komputer di rumah (62%). Hanya 34% sahaja yang mahu menggunakan buku teks semasa PdP berjalan.⁵⁶ Bagi pihak pentadbir pula, maklum balas yang diterima ialah E-Book memudahkan pemantauan aktiviti bilik darjah serentak bagi sebuah kelas.⁵⁷ Ia juga merangsang kreativiti dan autonomi pembelajaran kerana ciri-ciri menarik yang diperolehi daripada E-Book. Bagi pihak murid dan ibu bapa pula, E-Book dapat meringankan beban beg sekolah yang selama ini dipikul para murid setiap hari persekolahan. Ia memberi kesan buruk kepada kesihatan murid-murid.⁵⁸ Sewajarnya bagi penulis, kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan dalam pelbagai aspek untuk melihat keberhasilan penggunaan E-Book dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Selain itu, kajian bertajuk *Teacher's Perceptions on the Use of e-books as textbooks in the classroom* oleh Abdul Mutalib Embong et al., melibatkan 72 orang guru dari 14 buah sekolah di Daerah Kemaman. 62 orang terdiri daripada guru wanita dan 10 orang guru lelaki.⁵⁹ Majoriti guru (83%) bersetuju bahawa E-Book penting untuk pembelajaran murid-murid dan mampu menarik minat dan perhatian dengan pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru (46%). 53% juga bersetuju PdP menggunakan E-Book mampu meningkatkan prestasi murid. Secara keseluruhan, para guru gembira

⁵⁶ *Ibid.*,188.

⁵⁷ *Ibid.*, 184

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Abdul Mutalib Embong et al., "*Teacher's Perceptions on The Use of E-Books as Textbooks in The Classrooms*, World Academy of Science, Engineering and Technology, International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economics, Business and Industrial Engineering Vol:6, No:10 (25 Oktober 2012),3

menggunakan E-Book semasa PdP dijalankan (67%).⁶⁰ Kajian yang dibuat hanya berkisar mengenai E-Book dan tidak mengaitkannya dengan kelas maya yang dijalankan di sekolah selaras dengan pemberian E-Book kepada para murid. Sewajarnya, penulis melakukan kajian yang menggabungkan E-Book dan kelas maya bagi memantapkan lagi kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini.

Persepsi Guru-guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan ICT Untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang oleh Othman B Md. Johan dan Lukman bin Dinyati telah mengkaji tahap minat, keyakinan, kemahiran menggunakan ICT untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, sokongan pentadbir dan masalah-masalah yang dihadapi dalam penggunaan ICT di kalangan guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan⁶¹. Kajian ini menggunakan sampel 111 orang guru di sekitar daerah Kluang dengan menggunakan method soal selidik. Hasil kajian menunjukkan tahap minat, keyakinan dan sokongan pentadbir terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam adalah tinggi. Peratus yang diperolehi ialah sebanyak 95.5% merangkumi minat guru-guru dalam menggunakan ICT bagi tujuan pelbagai manakala 73.9% menunjukkan minat dalam pengendalian teknologi ICT semasa PdP Pendidikan Islam. Kajian yang dibuat merangkumi sampel 111 orang guru di sekitar daerah Kluang sahaja. Berdasarkan kajian ini, penulis merasakan perlu dibuat kajian khusus bagi daerah Kemaman dan fokus kepada sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kajian yang dibuat oleh Hasnuddin Bin Abd Rahman dan Norfaizuryana binti Zainal bertajuk Keberkesanan Penggunaan ICT di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala

⁶⁰ *Ibid.*,3-5

⁶¹ Othman b Md. Johan dan Lukman b Dinyati, “*Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan ICT Untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang*”

Lumpur⁶² telah mengambil 16 orang daripada kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah tersebut untuk dijadikan responden. Aspek-aspek yang dikaji meliputi kesediaan ICT boleh membantu menyediakan pelbagai aktiviti dalam PdP, peningkatan pemahaman kemahiran Pendidikan Islam, tahap literasi komputer guru merangkumi perkakasan komputer, pengetahuan tentang fungsi perisian komputer serta masalah-masalah yang dihadapi guru-guru Pendidikan Islam dalam merealisasikan PdP berteraskan ICT. Dapatan menunjukkan, dari segi persepsi, 9 orang (56.3%) bersetuju bahawa ICT boleh membantu penyediaan PdP dan hanya 2 orang (12.5%) sahaja yang tidak pasti dengan persepsi ini. Dari aspek persepsi yang mengaitkan ICT di dalam Pendidikan Islam dengan meningkatkan kefahaman murid terhadap pelajaran Pendidikan Islam, ianya merupakan skor paling rendah iaitu 4.25. seramai 6 orang (37.5%) amat bersetuju dan 8 orang (50.0%) bersetuju dengan kenyataan ini. Walau bagaimanapun, terdapat 2 orang (12.5%) tidak pasti persepsi ini. Di antara masalah yang dihadapi guru-guru Pendidikan Islam ialah sokongan dari pihak atasan sekolah (skor min 4.12) masalah kemahuan guru membawa skor min sebanyak 3.93. Didapati 3 orang (18.8%) amat bersetuju dan 9 orang (56.3%) bersetuju dengan aspek ini. Namun demikian seramai 4 orang (25.0%) tidak pasti apabila dikaitkan dengan kemahuan guru dalam penggunaan ICT semasa PdP. Pada pendapat penulis, kajian di sekolah-sekolah lain juga perlu dibuat bagi mendapatkan maklum balas dan persepsi guru-guru Pendidikan Islam di Malaysia.

E-Book dapat melatih murid untuk lebih berani, bersemangat dan pandai menguruskan diri sendiri. Mereka sudah boleh belajar sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru. E-Book juga sangat ekonomi kerana beratnya sekitar 1.2kg dan bersaiz kecil sesuai dengan murid sekolah kebangsaan. Ia telah menyelesaikan

⁶² Hasnudin bin Abd. Rahman dan Norfaizuyana binti Zainal, “Keberkesanan Penggunaan ICT di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur” (Proseding of IC ITS 2015 e-ISBN:978-967-0850-07-8, International Conference on Information Technology & Society, Kuala Lumpur, MALAYSIA, 8-9 June 2015).

masalah beg berat yang selama ini dibincangkan dalam dunia pendidikan. Kenyataan ini dinyatakan oleh Zalinawati Abdullah, Norudin Mansor and Noor Aini Hasanuddin dalam kajian mereka bertajuk *School Teachers Acceptance of E-Book*⁶³. Walau bagaimanapun, dari segi sikap murid, didapati penggunaan E-Book bergantung kepada disiplin murid itu sendiri kerana ada murid yang lebih suka menggunakan E-Book hanya untuk bermain *game*. Pada pandangan penulis, kajian perlu dibuat di daerah lain juga memandangkan kajian ini hanya tertumpu di daerah Dungun, Terengganu.

1.10 Metodologi Kajian

1.10.1 Pengenalan

Kamus Dewan menafsirkan “metode” sebagai cara melakukan sesuatu atau sistem.⁶⁴ Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya yang digunakan oleh pengkaji di dalam usaha memahami sesuatu kajian. Menurut Imam Barnadip, metodologi bermaksud ilmu tentang cara untuk mengadakan penelitian⁶⁵ Di dalam Bahasa Arab, ia disebut *Manhaj*. Metodologi berasal dari istilah Yunani iaitu *methodos* yang bermaksud metode atau cara pelaksanaan sesuatu atau sistem dan *logos* yang bermaksud ilmu. Syed Arabi Idid menyatakan metodologi adalah cara yang dilakukan untuk mencari jawapan melalui satu tatacara saintifik⁶⁶. Saintifik bermaksud sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik⁶⁷ Gabungan dua perkataan ini membawa maksud sistem yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.

⁶³ Zalinawati Abdullah dan Norudin Mansor, “*School Teachers Acceptance of e-Book*”, World Applied Sciences Journal 23 (Enhancing Emerging Market Competitiveness in the Global Economy): (01-07,2013) ISSN 1818-4952

⁶⁴ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1030, entri "metodee".

⁶⁵ Imam Barnadip, *Arti Metodee Sejarah Pendidikan* (Yogjakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, 1982), 7.

⁶⁶ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, (Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1992), 4

⁶⁷ Mohamad Najib Abdul Ghafor, *Penyelidikan Pendidikan*, (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2001), 15

Untuk menentukan subjek kajian, penulis membuat beberapa pengkhususan tertentu pada tajuk kajian. Pengkhususan ini penting bagi mendapatkan fokus yang lebih jelas dan terperinci. Mana - mana kajian akan membataskan subjek kajiannya kerana seseorang penyelidik tidak mampu untuk melakukan penyelidikan terhadap seluruh objek di dalam kajiannya.

Bagi kajian ini, penulis akan mengkaji kaedah pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam oleh guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah tahun 4 dan 5, pencapaian prestasi murid-murid yang mengikuti program E-Book sahaja berbanding pencapaian prestasi murid-murid yang terlibat dengan kaedah kelas maya bagi program E-Book serta persepsi guru-guru terhadap penggunaan E-Book dan kelas maya. Perbezaan juga dilihat berdasarkan kaedah konvensional dan kaedah moden menggunakan E-Book dan kelas maya untuk melihat sejauh manakah keberkesanan penggunaan E-Book dan kelas maya dalam PdP Pendidikan Islam. Setelah seminar satu dijalankan dan mendapat persetujuan pihak Jabatan Fiqh Usul, Universiti Malaya, maka menulis memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia. Permohonan kebenaran penyelidikan juga dipohon daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu untuk melayakkan penulis membuat kajian di daerah Kemaman, Terengganu di dalam kawasan sekolah melibatkan guru dan murid. Apabila telah mendapat semua kebenaran tersebut, penulis menghubungi Sekolah Kebangsaan Telok Kalong dan Sekolah Kebangsaan Payoh bagi membuat temu janji untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan. Surat kebenaran EPRD dan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu ada disertakan di dalam lampiran.

1.10.2 Kaedah Pengumpulan Data

Semua maklumat dalam apa jua bentuk yang dikumpulkan dengan tujuan untuk dianalisis disebut sebagai data⁶⁸. Data terbahagi kepada dua bahagian iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Data kualitatif merujuk kepada data dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenal pasti sesuai. Data kuantitatif pula merujuk kepada data dalam bentuk angka.⁶⁹ Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan, dokumentasi, pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan data kualitatif. Data kuantitatif pula diperolehi daripada markah peperiksaan pertengahan dan akhir tahun murid-murid tahun 4 dan 5 bagi tahun 2014.

i) Kajian Perpustakaan

Bagi mendapatkan info dan maklumat yang tepat mengenai kaedah pelaksanaan kelas maya bagi program E-Book ini dijalankan, penulis melakukan kajian perpustakaan merangkumi tesis, disertasi, bahan di laman sesawang, jurnal serta modul-modul pengajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tentang sukatan pelajaran Pendidikan Islam bagi murid-murid tahun 4, 5 dan 6. Ianya penting bagi memastikan sumber yang diperolehi sahih dan tepat. Bahan-bahan berkaitan merangkumi Pendidikan Islam di Malaysia dan pelaksanaan teknologi dan maklumat di sekolah serta kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan E-Book dan kelas maya.

ii) Dokumentasi

Kaedah dokumentasi⁷⁰ ialah satu proses pengumpulan atau menggunakan mana-mana bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang hendak dikaji. Ia melibatkan dua sumber utama iaitu dokumen utama dan dokumen sekunder⁷¹. Kaedah ini digunakan untuk memperoleh maklumat mengenai murid-murid di Sekolah Kebangsaan Telok Kalong dan Sekolah Kebangsaan Payoh serta guru-guru Pendidikan Islam sekolah

⁶⁸ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn.Bhd., 2009), 67-68.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 480.

⁷¹ *Ibid.*

rendah di beberapa buah sekolah di daerah Kemaman.

iii) Kajian Lapangan

Kajian bidang sains sosial menggunakan kajian lapangan sebagai salah satu kaedah penyelidikan yang paling popular. Ia mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara langsung daripada sekumpulan subjek. Penulis menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian kepada subjek secara lisan atau secara kertas-pensil⁷².

a) Temu bual

Temu bual memberi maksud temu bual akademik iaitu satu interaksi sosial di antara penemu bual (*interviewer*) dengan yang di temu bual (*interviewee*). Ianya bertujuan untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat dari yang ditemu bual tanpa mengandungi unsur-unsur paksaan dan hiburan⁷³. Temu bual dijalankan berdasarkan responden-responden yang terlibat secara langsung dalam kajian penulis. Ianya perlu bagi mendapat maklumat yang tepat mengenai kaedah pelaksanaan E-Book dan kelas maya di sekolah. Matlamat utama temu bual dijalankan adalah untuk mendapatkan maksud yang tersirat serta perspektif yang mungkin berbeza daripada apa yang dinyatakan secara langsung oleh informan⁷⁴. Selain itu, maklumat juga berkisar mengenai masalah-masalah, kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam program ini serta persepsi guru terhadap penggunaan E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam di sekolah rendah. Maklumat dan penilaian yang mendalam akan diperolehi melalui kaedah temu bual.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur⁷⁵ kerana ia merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengutamakan pandangan individu memahami situasi dan pengalaman hidup yang mereka lalui berdasarkan andaian. Perasaan, pemikiran,

⁷² Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan-Buku 1* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd., 2006), 109.

⁷³ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, 71.

⁷⁴ Michael Quinn Patton, *Practical Evaluation* (Beverly Hills: SAGE Publications, 1982), 161.

⁷⁵ Jabatan Penyelidikan dan Rekayasa Penemuan, "Bagaimana Menganalisis Data Kualitatif", laman sesawang researchipbmm2008.blogspot.my, dicapai 16 Januari 2008, <http://researchipbmm2008.blogspot.my/2008/01/bagaimana-menganalisis-data-kualitatif.html>

maksud dan tujuan seseorang tidak semestinya diperolehi melalui pemerhatian semata-mata tetapi memerlukan kepada temu bual untuk lebih telus.⁷⁶ Soalan-soalan yang ditanya adalah soalan berstruktur yang diubahsuai daripada <https://www.slideshare.net/sifatpgsr/soalan-temubual>⁷⁷ dan mendapat kesahan daripada Ustaz Dr. Rushdi bin Ramli, pensyarah kanan, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Perakodan dibuat berdasarkan skema perekodan yang telah ditentukan. Maklum balas temu bual direkod dalam telefon jenama Samsung Note 3 bagi mengelakkan penulis ketinggalan atau lupa tentang maklumbalas yang diberikan. Soalan yang ditanya adalah set soalan yang sama. Soalan-soalan berkisar mengenai pemahaman para guru dan murid mengenai E-Book dan kelas maya, pengalaman pengajaran dan masalah-masalah yang timbul daripada kaedah PdP menggunakan E-Book dan kelas maya. Selain berpandukan soalan struktur yang telah diubahsuai, proses analisis juga menggunakan pendekatan deduktif⁷⁸. Penggunaan struktur dan kerangka telah ditentukan dengan meneroka alasan-alasan dan pengalaman belajar menggunakan E-Book dan kelas maya. Tema-tema berkaitan dikodkan dan diletakkan di dalam bentuk jadual menggunakan microsoft excel, kemudian disemak, diinterpretasi dan dihuraikan penulis bagi menjawab objektif kajian.

Soalan temu bual mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan B (Lampiran A). Bahagian A berkaitan latar belakang responden iaitu:

1. Umur
2. Kelulusan Akademik
3. Opsyen
4. Mata Pelajaran yang diajar

⁷⁶ Martyn Dencombe, *The Good Research Guide* (Buckingham: Open University Press, 1998),36.

⁷⁷ Soalan temu bual laman sesawang *slideshare*, dicapai 7 Mac 2014, <https://www.slideshare.net/sifatpgsr/soalan-temubual>

⁷⁸ Shamsina, "Kajian Tindakan (kemas kini): Panduan Menganalisis Data Berbentuk Teks atau Transkrip (kualitatif)", laman sesawang *guru pendidikan Islam.blogspot.my*, dicapai 11 Disember 2013, <http://shamsina-gurupendidikanislam.blogspot.my/2013/12/kajian-tindakan-panduan-menganalisis.html>

5. Jumlah Waktu Mengajar
6. Pengalaman Mengajar
7. Pengalaman Mengajar Menggunakan E-Book

Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan berkaitan pengetahuan guru tentang E-Book, pelaksanaan program E-Book di kelas maya dan persepsi guru tentang E-Book dan kelas maya.

1. Apakah yang anda faham tentang E-Book?
2. Apakah yang anda faham tentang kelas maya?
3. Adakah anda pernah menghadiri kursus atau mendapat taklimat sebelum menjalankan program kelas maya?
4. Berapa kalikah anda pernah menghadiri kursus atau taklimat mengenai E-Book di kelas maya?
5. Bagaimanakah pelaksanaan E-Book di sekolah anda?
6. Adakah anda merasakan pelaksanaan E-Book dan kelas maya ini berjaya dalam meningkatkan kualiti murid?
7. Apakah pelaksanaan kelas maya ini membebankan guru?
8. Apakah masalah-masalah yang sering timbul dalam melaksanakannya?
9. Bagaimanakah anda mengatasi masalah tersebut?

Penulis membuat temujanji dengan para responden melalui perkhidmatan WhatsApp dan Telegram terlebih dahulu sebelum menjalankan sesi temu bual. Ini bagi mengelakkan responden tidak berada di sekolah atau sibuk dengan tugas lain. Pemberitahuan awal juga penting bagi memberi masa dan persediaan responden dengan tajuk perbincangan. Kebanyakan responden meluangkan masa bersama penulis selepas habis waktu persekolahan iaitu selepas jam 1.15 petang. Pada waktu tersebut, semua murid sudah dibenarkan pulang ke rumah dan para guru melaksanakan tugas dan

persediaan untuk PdP keesokan harinya. Responden mempunyai waktu yang selesa, tenang dan bersedia untuk ditemu bual. Tempoh masa temu bual tidak dihadkan dan bergantung kepada perbincangan dan respon dari responden berkaitan persoalan-persoalan yang diajukan. Antara responden yang ditemui untuk ditemu bual ialah

- a) Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Sekolah Kebangsaan Telok Kalong dan Sekolah Kebangsaan Payoh
- b) Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Telok Kalong Ustazah Nurul Ezzah Abidin Sulong dan Ustazah Suhana Sapie.
- c) Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Puan Rusita Ismail dan Ustazah Amelda Ideris.
- d) Beberapa orang guru Pendidikan Islam di daerah Kemaman dari 7 buah sekolah sekitar Kemaman
- e) Pegawai Teknologi Maklumat dari Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok, Sekolah Kebangsaan Telok Kalong dan Sekolah Kebangsaan Chukai, Kemaman.
- f) 5 orang murid Sekolah Kebangsaan Telok Kalong dan 5 orang murid Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok.

Situasi temu bual dijalankan dalam keadaan tidak formal. Penulis memilih cara berkenaan agar responden tidak merasa terdesak untuk menjawab persoalan-persoalan yang diajukan penulis. Selain itu, responden juga merasa selesa dan bebas menyatakan pandangan mereka tanpa merasa kluatir dan ragu-ragu. Dapatan dan perincian temu bual akan dibincangkan di dalam bab 4.

b) Pemerhatian

Penulis membuat temujanji bersama guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong bagi menentukan tarikh dan masa yang sesuai untuk membuat pemerhatian. Setelah persetujuan diperolehi daripada Guru Penolong

Kanan Pentadbiran dan guru Pendidikan Islam, pada tarikh 20 Mei 2015, kelas 5 Al Ghazali dipilih sebagai kelas untuk penulis menjalankan kajian. Penulis menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta (non participating observation)⁷⁹ bagi melihat pelaksanaan penggunaan E-book dan kelas maya. Ini bermakna, penulis berada di tempat yang sesuai di dalam kelas (di meja guru di bahagian belakang kelas) untuk membuat pemerhatian secara teliti terhadap segala gerak geri murid-murid di dalam kelas tersebut dan melihat perjalanan proses PdP oleh guru Pendidikan Islam di dalam kelas maya.. Kedudukan penulis di bahagian belakang kelas membolehkan penulis memerhati dari dalam suasana sebenar dengan lebih terperinci⁸⁰ serta tidak menyekat pandangan murid terhadap pembelajaran yang sedang berjalan. Tambahan pula, murid tidak merasa diperhatikan secara terus dan membuatkan mereka merasa kurang selesa. Data-data yang diperoleh lebih tulen dan ianya menyumbang kepada ketepatan maklumat yang dikumpul⁸¹. Pemerhatian yang akan dilihat semasa berada di dalam kelas merangkumi 2 bahagian iaitu:

a) Guru

- i) Penyediaan alat bantu mengajar guru (E-Book)
- ii) Kaedah PdP yang digunakan guru di kelas maya.
- iii) Pelaksanaan PdP
- iv) Kawalan kelas

b) Murid

- i) Tindak balas murid terhadap pengajaran guru
- ii) Minat murid melalui pembelajaran menggunakan E-Book di kelas maya

⁷⁹ Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, "Pengumpulan Data Kualitatif", laman sesawang www.slideshare.net, dicapai 2 Mei 2015, <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/pengumpulan-data-kualitatif-45310436>

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid.*,30.

Catatan semasa pembelajaran berjalan dicatat dan direkod menggunakan Samsung Note 3 diambil bagi mengelakkan penulis terlupa dan kehilangan fakta. Perbincangan dan perincian berkaitan pemerhatian penulis di kelas maya akan dibincangkan di dalam bab 2.

1.10.3 Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan 183 orang murid tahun 4 dan 5 yang terdiri daripada 85 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Payoh dan 98 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, Kemaman. Temu bual juga dijalankan kepada 5 orang murid, guru-guru Pendidikan Islam, Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Kebangsaan Payoh dan Sekolah Kebangsaan Telok Kalong serta Pegawai Teknologi Maklumat Sekolah (EIO).

1.10.4 Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, penulis menggunakan markah peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2014 murid tahun 4 dan 5 bagi subjek Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Payoh dan Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, Kemaman. Sekolah Kebangsaan Telok Kalong menggunakan E-Book dan kelas maya dan Sekolah Kebangsaan Payoh hanya menggunakan E-Book tanpa kemudahan kelas maya.

1.10.5

Analisis Data

Data kuantitatif berkaitan pencapaian markah peperiksaan pertengahan dan akhir tahun murid tahun 4 dan 5 akan dianalisis dengan mengaplikasi kaedah statistikal bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki menggunakan program *Statistical Package For The Social Science* (SPSS). Bagi mencapai tujuan kajian, min digunakan untuk menganggar taburan skor respon secara umum. Min ialah purata skor dan nilai-nilai yang berada di pertengahan skor dianggap berada dalam taburan normal.

Min juga digunakan untuk membuat anggaran tentang tahap sesuatu perkara dengan merujuk kepada skor min responden.⁸² Ujian-T berpasangan dan Ujian-T sampel bebas dijalankan untuk membandingkan dua min daripada dua kumpulan terhadap pembolehubah yang tak bersandar.⁸³

Bagi data temu bual, selain perekodan dibuat menggunakan Samsung Note 3, penulis mencatat maklum balas daripada respon di dalam borang temu bual yang disediakan. Semua maklumat digabungkan di dalam *microsof excel* bagi memudahkan penulis menganalisis dan menginterpretasi data tersebut. Seterusnya, ulasan dibuat berdasarkan kepada objektif ketiga yang digariskan iaitu mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan E-Book dan kelas maya berdasarkan kepada pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam.

Data pemerhatian berkaitan kaedah yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam tahap dua direkod berdasarkan tema-tema yang telah digariskan merangkumi guru dan murid. Data tersebut dikumpulkan di dalam borang jadual pemerhatian (Lampiran B) dan ulasan dibuat berdasarkan objektif kedua kajian iaitu mengenal pasti kaedah pembelajaran dan pengajaran guru Pendidikan Islam.

⁸² *Ibid*, 46.

⁸³ Mohd Yusri Ibrahim, *Bimbingan Cepat Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan & Sains Sosial* (Kuantan: Bandar Ilmu, 2010),115.

BAB DUA

PENDIDIKAN ISLAM, E-BOOK DAN KELAS MAYA

2.1 Pengenalan

Islam merupakan agama rasmi negara Malaysia. Oleh itu, Pendidikan Islam telah dijadikan sebagai salah satu daripada mata pelajaran wajib bagi sekolah-sekolah di Malaysia. Ini kerana pendidikan di dalam Islam mempunyai kedudukan yang suci dan penting sekali serta ianya merupakan satu ibadat yang besar.⁸⁴ Islam telah mengkategorikan ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain menuntut kepada setiap individu untuk mempelajarinya. Berbeza dengan ilmu fardhu kifayah, ianya akan terlepas daripada tanggungjawab untuk mempelajarinya jika terdapat sekelompok manusia yang mempelajarinya.

2.2 Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam

2.2.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan⁸⁵.

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia bergerak seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ada menyebut:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah

⁸⁴ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1997), 1.

⁸⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia, "Falsafah Pendidikan Kebangsaan", laman sesawang Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, dicapai 19 Mac 2016, <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>

bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dihuraikan dengan lebih mendalam, terperinci dan mudah difahami dengan perkara-perkara beriku⁸⁶t:

1. Memperkembangkan potensi individu.
2. Menyeluruh dan bersepadu.
3. Insan yang seimbang dan harmonis.
4. Unsur intelek.
5. Unsur rohani dan emosi.
6. Unsur jasmani.
7. Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
8. Rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan.
9. Rakyat Malaysia yang berakhlak mulia.
10. Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab.
11. Rakyat Malaysia yang berkeupayaan menikmati kesejahteraan diri.
12. Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan.
13. Keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan , matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang baik sekaligus akan menjadi menjadi rakyat dan juga warganegara yang baik. Oleh itu, berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, rakyat mesti diberi didikan yang sebaiknya oleh Kementerian

⁸⁶ *Ibid.*

Pendidikan Malaysia supaya rakyat menjadi insan yang bertanggungjawab, berpengetahuan, berdisiplin dan bersatu sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru dan Prinsip Rukun Negara.⁸⁷ Selain itu, kemahiran dalam cara mendapatkan ilmu pengetahuan juga perlu diperkembangkan agar ianya selari dengan kehendak agama dan negara.

2.2.2 Falsafah Pendidikan Islam

Begitu juga di dalam falsafah pendidikan Islam⁸⁸ yang menyebut:

"Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat."

i) Tujuan Falsafah Pendidikan Islam

Sebelum kita melihat dengan lebih jauh matlamat Falsafah Pendidikan Islam, seharusnya kita melihat dahulu tujuan Falsafah Pendidikan Islam. Antara tujuan falsafah ialah⁸⁹:

- a) Menentukan tujuan, arah dan matlamat pelajaran
- b) Merangka tindakan dan proses
- c) Menggubal kurikulum dan bahan
- d) Mencadangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran
- e) Menggariskan cara penilaian

⁸⁷ *Ibid*, 119-123

⁸⁸ Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin, "Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran," *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012, 61-63.

⁸⁹ Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2002), 17-20

- f) Merancang pengeluaran dan penghargaan
- g) Merancang satu sistem yang menyeluruh

Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Islam di atas, matlamat Pendidikan Islam adalah untuk membentuk dan memperkembangkan semua potensi insan ke arah menjadikan murid berilmu, beriman, beramal soleh, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.⁹⁰

Ianya juga bertujuan untuk melahirkan insan yang soleh seterusnya warganegara yang beriman dan beramal soleh. Keseimbangan dari segi rohani dan jasmani juga ditekankan dengan sifat taqwa, ikhlas, benar, *iffah*, amanah dan sebagainya. Nilai-nilai yang baik dari sudut kejiwaan, tolong menolong di antara satu sama lain, hormat menghormati merupakan langkah-langkah untuk menuju matlamat bagi melahirkan insan yang berkeperibadian tinggi.⁹¹ Kesemua matlamat tersebut tidak tercapai sekiranya guru Pendidikan Islam masih menggunakan kaedah konvensional semata-mata. Ini kerana, keadaan dunia yang sudah berubah mendesak kita untuk menongkah arus perdana sehingga kita dapat merealisasikan matlamat falsafah selari dengan kemajuan negara.

ii) Konsep –konsep Falsafah Pendidikan Islam

Falsafah Pendidikan Islam telah menekankan konsep-konsep berikut berikut⁹²:

1. Pendidikan seumur hidup
2. Pembangunan seluruh potensi (roh, akal, jasad) secara padu mencakupi aspek kognitif, efektif, dan *volitional*.
3. Menyampaikan dua fungsi:
 - a. Sebagai hamba Allah (*'ubudiyyah*)
 - b. Sebagai khalifah Allah (wakil Allah di bumi).
4. Memakmurkan seluruh alam.

⁹⁰ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, 134.

⁹¹ Ibid.,29

⁹² Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan pembangunan Satu Perspektif Bersepadu* (Kuala Lumpur, Nurin Enterprise, 1988),

5. Kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal salih.
6. Kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dalam pendekatannya yang menitikberatkan keseimbangan yang jitu antara keperluan-keperluan rohaniah, akal dan jasmaniyyah, antara pembangunan duniawi dan ukhrawi, Falsafah Pendidikan Islam mengangggap pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam adalah teras pembangunan manusia seluruhnya.⁹³

iii) Syarat-syarat Falsafah Pendidikan Islam

Beberapa syarat telah diletakkan dalam Falsafah Pendidikan Islam agar sistem pendidikan itu merupakan sistem yang terbaik dalam perspektif Islam. Selain daripada perancangannya dibuat oleh mereka yang beragama Islam, ianya harus memahami roh-roh Islam dan mendalami hukum-hukum syariat dan mengamalkannya.

Jika dilihat daripada dua falsafah tersebut, iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam, jelas menunjukkan bahawa kedua-duanya mempunyai kaitan dan matlamat yang hampir sama. Falsafah Pendidikan Kebangsaan lebih umum memandangkan ianya merujuk kepada pelbagai kaum yang berada di dalam negara kita. Falsafah Pendidikan Islam pula lebih memfokuskan kepada murid-murid yang beragama Islam. Namun, jika dilihat secara keseluruhannya, semuanya merujuk kepada matlamat untuk melahirkan insan yang baik, berguna pada diri sendiri, masyarakat dan negara dengan pengamalan nilai-nilai murni dan tatasusila agama.

Dari perspektif matlamat Pendidikan Islam, Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah berteraskan Islam (tauhid). Ianya merupakan usaha mendidik dan melahirkan insan yang percaya dan patuh kepada Tuhan (Allah) yang menjadi teras Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merupakan cita-cita dan matlamat pendidikan Islam yang

⁹³ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, 29-30.

sentiasa menuju ke arah tersebut. Untuk mencapai matlamat tersebut, tiga perkara penting perlu diambilkira bagi memastikan matlamat pendidikan itu tercapai. Tiga perkara tersebut adalah kurikulum yang terancang, situasi pembelajaran yang sempurna dan penyediaan guru-guru atau pendidik yang berkaliber dan unggul. Semua matlamat tersebut, perlu diselaraskan dengan situasi dan kehendak semasa murid iaitu dunia teknologi maklumat dan komunikasi.⁹⁴

2.3 Pendidikan Islam di Malaysia

Pendidikan merupakan satu proses yang amat penting bagi tujuan pembentukan akhlak seseorang individu.⁹⁵ Ianya bukan sekadar terbatas kepada memenuhi mental seseorang individu dengan ilmu pengetahuan, malah lebih daripada itu merangkumi proses mendidik sifat, sikap, akhlak dan jiwa seseorang individu tersebut. Pendidikan Islam merupakan dua perkataan yang saling berkait di antara satu sama lain untuk membentuk satu makna yang tertentu. Apabila disandarkan kepada Islam, ianya merujuk kepada mata pelajaran yang menjadi alat untuk mendidik manusia kepada ajaran Islam.⁹⁶ Pendidikan di dalam Islam terdiri daripada beberapa perkataan di dalam bahasa Arab iaitu *tarbiyyah*, *tarbib*, *ta'dib*, *tadris*, *tazkiah*, dan *riyadah*.⁹⁷

Di dalam al-Quran, Allah S.W.T membahasakan diriNya sebagai Pendidik dan Pentadbir, iaitu *rabb* yang digabungkan dengan perkataan *'alamin*. Ianya membawa maksud Allah bukan sekadar Pencipta bagi sekalian alam ini bahkan mentadbir, mengurus dan membentuk menurut pengetahuanNya yang Maha Luas.⁹⁸ Rabb juga

⁹⁴ *Ibid.*,128.

⁹⁵ Tengku Sarina Aini Tengku Kasin dan Yusmini Md. Yusoff, "Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak," dalam *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, ed. Mohd Fauzi Hamat dan Joni Tamkin Borhan (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2007), 95.

⁹⁶ Kamarul Azmi Jazmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* (Johor Darul Takzim: Penerbit Cetak Ratu Sdn. Bhd,2012),1.

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*,5

Pendidikan Islam. Pemisahan agama dan dunia boleh menyebabkan berlakunya kerosakan dan ketidak seimbangan kehidupan dalam masyarakat. Pendidikan Islam juga bermatlamat untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara¹⁰².

Keseimbangan yang ditekankan dari segi jasmani, ruhi dan akal juga pembangunan duniawi dan ukhrawi memerlukan kepada penerapan nilai-nilai akhlak seseorang individu yang baik dan selari dengan tuntutan yang telah digariskan dalam Islam. Seharusnya, Islam sebagai agama yang syumul dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan seseorang individu semenjak dari kecil agar ianya menjadi sehati dalam diri. Oleh itu, Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang mengambil al Quran dan as-Sunnah sebagai sumber sandaran utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda:

تَرَكْتُكُمْ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، أَلْزَمْتُمْ لِحْمَلِهِمَا مَا لَيْسَ بِكُمْ مِنْكُمْ، أَلْزَمْتُكُمْ لِحْمَلِهِمَا مَا لَيْسَ بِكُمْ مِنْكُمْ، وَرَبُّهُ فَزَيَّرَ صِرَاطِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَوَدَّعَى

Terjemahan: "Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulullah," (s.a.w.)¹⁰³

Oleh itu, pemisahan di antara ilmu dan juga akidah boleh menyebabkan kefasadan di muka bumi ini dan menyebabkan seseorang individu memandang ringan terhadap persoalan rohani.

¹⁰²Kementerian pelajaran Malaysia, laman esawang moe.gov.my, dicapai pada 5.3 2015 http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20Pendidikan%20Islam%20KBSR.pdf

¹⁰³ Hadis riwayat Imam Malik, Kitab Muwatto Imam Malik, Jilid 2, Bab An Nahyu ‘an Qaul bil Qadr, (Dar Ihya At Turth Al ‘Arabiyy,Beirut, Lubnan), 899.

2.3.2 Objektif Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Objektif Kurikulum Pendidikan Islam bagi Sekolah Rendah¹⁰⁴ secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

- a) Membaca surah-surah terpilih daripada juzuk amma dengan betul dan fasih, untuk memupuk minat membaca al-Quran dan menjadi amalan.
- b) Menghafaz ayat-ayat lazim yang terpilih untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian.
- c) Memahami maksud beberapa surah yang dipelajari dan menghayati pengajarannya ke arah meyakini al-Quran sebagai sumber rujukan petunjuk Allah.
- d) Memahami dan meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan.
- e) Mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam fardhu Ain serta memahami fardhu Kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.
- f) Memahami dan mengambil iktibar dengan sirah Rasulullah SAW sebagai asas perkembangan tamadun manusia.
- g) Mengamalkan adab-adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan harian.
- h) Membaca dan menulis jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

2.3.3 Subjek Pendidikan Islam Tahap Dua Sekolah Kebangsaan

¹⁰⁴Kementerian pelajaran Malaysia, Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, laman sesawang moe.gov.my, dicapai pada 5.32015[http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20 Pendidikan %20 Islam%20 KBSR.pdf](http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20Pendidikan%20Islam%20KBSR.pdf) 2

Subjek Pendidikan Islam sekolah rendah merangkumi beberapa bidang yang dibahagikan untuk memudahkan PdP. Ianya memberi tumpuan kepada asas tilawah al-Quran, akidah dan bimbingan asas fardhu ain, pemupukan amalan fardhu ain dan fardhu kifayah yang dituntut oleh syariat Islam serta penerapan adab yang berteraskan akhlak islamiyah ke dalam diri murid.¹⁰⁵

Keseimbangan dalam empat bidang tersebut secara berkesan dapat menanam asas keimanan yang dalam diri murid seterusnya membentuk murid-murid mempunyai cita-cita yang tinggi, daya tahan, semangat juang, gigih berusaha dan mampu mengubah diri agar dapat memberi sumbangan kepada diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara¹⁰⁶. Bagi memastikan objektif PdP Pendidikan Islam ini tercapai, guru seharusnya mendapat pendedahan dan mampu menguasai setiap ilmu, kemahiran dan amalan yang ingin diterapkan ke dalam diri setiap murid. Sepertimana sedia maklum, guru-guru diwajibkan mengikuti kursus perguruan bagi melayakkan mereka mendapat sijil kelayakan diploma pendidikan sama ada di instituti-institusi perguruan atau universiti bagi melayakkan mereka mengajar murid-murid di sekolah. Ilmu tersebut seharusnya dipraktikkan apabila mereka berada di sekolah. Ini kerana, kaedah, teknik dan gaya penyampaian guru memberi kesan yang besar dalam memastikan kejayaan PdP Pendidikan Islam di samping faktor kebolehan dan kehendak daripada murid-murid. Apa yang lebih penting adalah bagaimana guru memainkan peranan agar Pendidikan Islam mampu melahirkan acuan muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berketrampilan, beramal soleh, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan bertaqwa kepada Allah SWT selari dengan apa yang dikehendaki di dalam Falsafah Pendidikan Islam mahupun Falsafah Pendidikan Negara.¹⁰⁷

¹⁰⁵ http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi, laman sesawang moe.gov.my, dicapai 8 Mac 2015, 1

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*, 2

Dari sudut pendidikan, Malaysia telah beberapa kali membuat perubahan dalam usaha untuk memperbaiki mutu sistem pendidikan di Malaysia. Bermula dari sistem pendidikan pondok yang hanya menekankan pengajian mengenai al-Quran, akhlak dan pengetahuan asas kerohanian seperti solat, doa dan sebagainya,¹⁰⁸ ia semakin lama dikembangkan dan diperluaskan dari segi isi pembelajaran dan kemudahan tempat pembelajaran. Pendidikan Islam mulanya hanya tertumpu di masjid, surau dan rumah-rumah serta istana¹⁰⁹ namun ianya telah berkembang ke pondok-pondok¹¹⁰ seperti Pondok Kubang di Kelantan, Pondok Tok Kotan di Terengganu dan akhirnya ke sekolah-sekolah agama seperti Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang dan Madrasah Muhammadiyah di Kota Bharu, Kelantan¹¹¹. Kedapatan juga sekolah vernakular Melayu¹¹² yang ditubuhkan oleh kerajaan Inggeris pada tahun 1856 tetapi tidak mendapat sambutan daripada kalangan orang Islam kerana al-Quran tidak diajar di sekolah tersebut.

Begitu juga dari sudut isi mata pelajaran Pendidikan Islam semakin diperkemas dan dibuat penambahbaikan. Bermula daripada pembelajaran al-Quran dan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan akhlak dan aspek asas kerohanian, ianya semakin lama semakin diperluaskan kepada pembelajaran membaca kitab-kitab Arab yang lebih tinggi seperti Tafsir Jalalain, Usul Fikah, Hadis dan sebagainya. Bagi sistem pendidikan kebangsaan pula, beberapa penekanan telah dibuat selepas daripada Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Di dalam kedua-dua akta tersebut menyatakan, bagi sekolah-sekolah yang mempunyai murid beragama Islam lebih daripada 15 orang, mata pelajaran Pendidikan Islam wajib diajar di sekolah tersebut.¹¹³

¹⁰⁸ Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, 86.

¹⁰⁹ Mashitah Sulaiman, *Islam dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu, Malaysia* (Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 782

¹¹⁰ Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, 87.

¹¹¹ *Ibid.*, 88

¹¹² *Ibid.*

¹¹³ Laman sesawang, Jamalit.tripod.com dicapai 12 Mac 2015, http://jamalit.tripod.com/akta_pendidikan.htm

2.3.4 Sukatan Mata Pelajaran Pendidikan Islam.

Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, ianya merangkumi beberapa bidang yang terdiri daripada asas tilawah al-Quran, asas 'ulum Syar'iyah, asas akhlak Islamiyyah dan jawi¹¹⁴. Keempat-empat bidang ini seharusnya disampaikan kepada para murid dengan cara yang berkesan kerana ianya berkaitan dengan penanaman asas keimanan kepada Allah Taala, membina jati diri dan semangat yang tinggi, dan mampu untuk memberi sumbangan kepada diri, masyarakat, bangsa dan negara. Pembahagian bidang mata pelajaran pendidikan Islam tahap dua adalah seperti berikut¹¹⁵:

a. Bidang Asuhan Tilawah al-Quran.

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

- 1.1 Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih.
- 1.2 Menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih.
- 1.3 Memahami pengertian surah-surah tertentu daripada juzu' 'Amma (juzu' 30) dan menghayati pengajarannya.

b. Bidang Asas 'Ulam Syar'iyah.

Bidang ini memberi tumpuan untuk :-

- 2.1 Penanaman akidah, pembentukan sikap dan tanggungjawab terhadap Allah s.w.t.
- 2.2 Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan melaksanakannya.
- 2.3 Percontohan dan pengambilan iktibar daripada sirah Rasulullah s.a.w.

¹¹⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR*, laman sesawang [moe.gov.my](http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20Pendidikan%20Islam%20KBSR.pdf), dicapai 10 Mac 2015, http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/sp_hsp/pi/pi/SP%20Pendidikan%20Islam%20KBSR.pdf = 3-4

¹¹⁵ *Ibid.*

2.4 Implikasi akidah, ibadah dan sirah dari segi tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

c. Bidang Asas Akhlak Islamiah.

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

3.1 Kepatuhan terhadap peraturan dan cara hidup Muslim dalam hubungannya dengan Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.

3.2 Kepatuhan terhadap peraturan dan tatacara perhubungan manusia dengan diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara.

d. Bidang Pelajaran Jawi.

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

4.1 Menulis tulisan Jawi dengan baik.

4.2 Membaca tulisan Jawi dengan lancar.

4.3 Mempelajari asas seni tulisan Jawi.

Tumpuan perincian sukatan pelajaran pendidikan Islam akan difokuskan kepada bidang asas Ulum Syar'iyah dalam ibadah kerana penulis membuat kajian dalam bidang Fiqh Usul. Penulis juga tidak mampu untuk mengkaji kesemua bidang yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Antara objektif bidang ibadah dalam Pendidikan Islam adalah mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam Fardhu Ain serta memahami Fardhu Kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam¹¹⁶. Oleh itu, sewajarnya, pendekatan dan kaedah yang digunakan

¹¹⁶*Ibid.*,2

dalam bidang ibadah ini tidak hanya tertumpu kepada kaedah konvensional sahaja malah perlu berorientasikan kepada kaedah-kaedah yang lebih canggih dan menyeronokkan seperti menggunakan komputer dan multimedia untuk memastikan hasil dan objektif yang digariskan tercapai. Dalam perkembangan dunia ICT sekarang, tambahan anak-anak yang sememangnya telah terdedah kepada dunia tanpa sempadan, bidang pendidikan seharusnya mengambil inisiatif dan peluang untuk meningkatkan mutu pengajaran kerana ianya memberi impak dan kesan yang besar kepada diri murid, keluarga dan negara amnya. Selain itu, bagi bidang ibadah, amali dan praktikal harus ditekankan dalam proses pengajaran bagi memastikan amalan yang dilaksanakan adalah betul, tepat dan sah mengikut apa yang telah diajarkan oleh agama Islam kepada kita.

Bagi bidang ibadah tahun empat, fokus pengajaran adalah tertumpu kepada bersuci daripada najis, bab solat yang merangkumi rukun-rukun solat, syarat-syarat wajib dan sah solat. Walaupun jika diperhatikan, ianya hanya sedikit, namun untuk memastikan objektif, kesahihan dan penghayatan amalan tersebut dipraktikkan terutama di luar bilik darjah adalah sesuatu yang tidak mudah dan mencabar.

Bagi bidang ibadah tahun lima pula, ianya mencakupi tajuk yang agak luas merangkumi tayammum, sunat ab'ad dan haiah, azan dan iqamah, solat berjemaah dan solat jumaat tetapi masih berkisar mengenai solat. Sesuai dengan keadaan fizikal dan kematangan pemikiran, murid sewajarnya sudah mampu melaksanakan solat dengan baik pada tahap umur 10 dan 11 tahun seperti yang disebut dalam hadis Nabi S.A.W.:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ لِلصَّلَاةِ وَمِمَّا بَدَأَ مِنْهَا وَمِمَّا بَدَأَ مِنْهَا وَمِمَّا بَدَأَ مِنْهَا ، وَلِضَرْبِ وَهْمِ بَنِيهَا وَمِمَّا بَدَأَ مِنْهَا عَنِ زُرَّيْقِينَ ،

فَرَّقَ وَلِيَّيْنِ مَعِيَ لَمْ يَسْأَلِ ع

Terjemahan: "Perintahlah anak-anak kamu supaya mendirikan sembahyang ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana

meninggalkan sembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan asingkanlah tempat tidur di antara mereka (lelaki dan perempuan)".¹¹⁷

Setelah murid didedahkan dengan ibadah yang berkaitan dengan kewajipan solat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk bab wudhuk dan tayammum di tahun empat dan lima, penekanan sukatan pendidikan Islam di dalam bidang ibadah tahun enam adalah menjurus kepada rukun Islam yang ketiga iaitu puasa. Murid didedahkan dengan konsep puasa, syarat wajib dan rukun puasa, syarat-syarat sah puasa juga perkara-perkara yang membatalkan puasa. Bagi rancangan pengajaran tahunan penggal kedua persekolahan pula, pembelajaran diteruskan dengan tajuk solat sunat hari raya aidil fitri dan aidil adha dan yang terakhir solat jenazah. Seharusnya para murid sudah dapat menguasai perkara-perkara asas terutamanya solat kerana ia merupakan tiang agama Islam. Pendidikan Islam juga memastikan agar setiap murid sentiasa memiliki kekuatan asas manusia iaitu akal, hati, roh dan jasad¹¹⁸. Semua kekuatan ini tidak mampu diperolehi melainkan melalui pendidikan yang berterusan sehingga seorang murid itu memahami dan menjadi seorang muslim yang menyedari hakikat kejadian dirinya sebagai khalifah Allah serta amanah yang dipertanggungjawabkan Allah Taala kepadanya. Akidah yang mantap, ibadah yang sempurna dan akhlak yang mahmudah menjadi tonggak kepada lahirnya peribadi mulia yang digariskan dalam falsafah seperti yang dikehendaki di dalam Islam.

Sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam dan agama Islam itu sendiri. Ianya juga merupakan kesepaduan ilmu yang dapat melahirkan seorang insan mukmin soleh yang mendapat keredhaan dari Allah Taala. Sukatan mata

¹¹⁷ Hadis riwayat Abu Daud, Sunan Abi Daud, Jilid 1 muka surat 495, Bab Mata Yu'maru Al Ghulamu Bis Sholah, Maktabah Al-'Asriyyah, Sida, Beirut

¹¹⁸ Mardzelah Makhsin dan Mohamad Fadhli Ilias, "Amalan Hisbah Kendiri Dalam Pendidikan Islam: Kajian Terhadap Murid-Murid Sekolah Menengah di Kedah", *The Journal of Islamic Education*, Volume 2 Issue 1 (Januari 2014), 26.

pelajarannya juga sesuai dengan tahap umur dan keperluan serta keupayaan pemikiran seorang murid sekolah rendah. Namun, apa yang membimbangkan, kedapatan murid-murid yang tidak mampu menunaikan solat dengan sempurna masih menunjukkan tahap peratusan yang membimbangkan. Seharusnya, para pendidik dan ibu bapa terutamanya memainkan peranan penting bagi mengatasi masalah ini. Solat sebagai tiang agama jika tidak dijaga dan ditunaikan dengan sempurna, bakal membawa kepada masalah-masalah yang lebih besar merangkumi masalah sosial seperti keruntuhan akhlak, tidak menghormati ibu bapa, guru, orang yang lebih tua dan sebagainya. Oleh itu, sewajarnya para pendidik mengambil inisiatif dan membuat penambahbaikan dalam kaedah pengajaran bagi menarik minat para murid untuk mempelajari dan mengamalkan ajaran Islam. Pendidik tidak hanya memfokuskan objektif PdP sekadar menekankan kepada hala tuju peperiksaan semata-mata dan mengabaikan aspek nilai-nilai mulia, etika dan akhlak sebagai seorang muslim. Para pendidik merupakan '*role model*' dan agen moral kepada para murid.

Bagi murid tahap dua sekolah rendah, bidang ibadah merangkumi perkara-perkara berikut¹¹⁹:

- i) Konsep Ibadah
 - a) pengertian
 - b) jenis-jenis ibadah
 - c) Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah
 - d) jenis-jenis hukum (wajib, sunat, makruh, harus, haram)
- ii) bersuci

¹¹⁹Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR, laman sesawang moe.go.my, 11-13.

- a) Pengertian
 - b) tanggungjawab bersuci
 - c) istinja
 - d) bersuci daripada najis :-
 - ringan
 - sederhana
 - berat
 - e) bersuci daripada hadas
 - hadas kecil
 - hadas besar
 - f) tayammum
 - tatacara bertayammum
 - syarat-syarat tayammum
 - perkara-perkara yang membatalkan tayammum
- iii) solat
- pengertian
 - solat fardhu
 - bacaan-bacaan dalam solat serta terjemahannya
 - takbiratul ihram
 - surah al-fatihah
 - doa iftitah
 - ketika rukuk
 - ketika I'tidal
 - ketika sujud
 - duduk antaa dua sujud
 - tahiyat awal dan akhir

- doa qunut
 - perlakuan solat (rukun fi'li) dan hikmah-hikmahnya
 - perkara-perkara yang membatalkan solat
 - rukun-rukun
 - syarat-syarat wajib
 - syarat-syarat sah
 - sunat ab'adh dan hai'ah
- iv) azan dan iqamah
- v) solat berjemaah
- vi) solat jumaat
- vii) ibadah puasa Ramadan
- konsep puasa
 - syarat-syarat wajib
 - rukun-rukun
 - syarat-syarat sah
 - perkara-perkara yang membatalkan puasa.
- viii) solat hari raya Aidilfitri dan Aidiladha
- ix) solat jenazah

2.4 Pelaksanaan E-Book dan kelas maya di Terengganu

2.4.1 Pengenalan

Reformasi pendidikan telah membuka ruang kepada warga pendidik menggariskan wawasan, visi dan misi pembelajaran dan pengajaran dengan lebih efisien dan terkedepan. Seiring dengan era globalisasi, murid-murid sudah mendapat

pendedahan yang luas dalam bidang teknologi dan multimedia. Rata-rata, para murid kini lebih suka dan berminat untuk belajar menggunakan komputer berbanding membaca buku dan menulis. Fenomena ini membawa kepada perlunya pembaharuan dan perkembangan yang perlu dalam bidang pendidikan agar para murid tidak lagi jemu dan bosan dengan cara pengajaran para guru yang masih lagi menggunakan kaedah konvensional seperti syarahan, bercerita, menyalin nota dan sebagainya. Oleh itu, negeri Terengganu telah mengambil inisiatif untuk bergerak seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi bagi memberi ruang dan peluang kepada para pendidik dan murid mencuba kaedah dan pendekatan baru agar objektif pembelajaran tercapai dengan berkesan dan lebih kondusif berbanding kaedah konvensional.

Dari sudut pendekatan dakwah di dalam Islam, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi juga membuka ruang yang luas dalam penyebaran agama Islam. Sebagai contoh, laman sesawang Islam Online yang berdaftar di Doha, Qatar telah menerima kira-kira sejuta hits sehari daripada para 'siberis' pada tahun 2000¹²⁰. Ulama kontemporari yang terkenal di dunia juga iaitu Dr Yusuf Al-Qardhawi menyediakan Kaunselor Siber dan melayani kira-kira 1000 persoalan dalam tempoh masa sebulan daripada masyarakat Islam di seluruh dunia¹²¹. Kaedah 'madrasah maya' ini, telah berjaya menggantikan fungsi madrasah dalam kehidupan tradisional umat Islam. Kelebihan 'madrasah maya' ini ialah ia mampu menyampaikan ilmu dan maklumat kepada 'para muridnya' walau beribu batu mereka berada. Rentetan daripada fenomena perkembangan ICT ini, bagi bidang pendidikan, para pendidik terutamanya guru Pendidikan Islam harus peka membaca senario perubahan semasa, menganalisis kaedah PdP daripada segi kelemahan, kekuatan, peluang dan ancaman persekitaran agar bidang pendidikan tidak ketinggalan ke belakang.

¹²⁰ Prof. Madya Dr. Zulkifl Abd. Ghani, "Pendekatan Dakwah Melalui Penggunaan ICT" (Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa, Menghurai Permasalahan Isu Semasa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 2006), 26

¹²¹ *Ibid.*

Bagi sekolah yang terpilih untuk mengadakan kelas maya, sekolah berkenaan akan mendapat peralatan yang akan dibekalkan oleh kerajaan negeri Terengganu di bawah tanggungjawab Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Bilangan kelas yang akan dijadikan kelas maya ditentukan dan peralatan yang lengkap merangkumi komputer guru yang diletakkan di meja guru, sebuah pembesar suara, pemancar lcd yang siap digantung di dalam kelas, sekeping papan sesentuh (*smart board*) beserta pennya sekali. Kelas juga akan dilengkapi dengan kemudahan internet dan *wifi* untuk memudahkan para guru dan murid mengakses internet. Kelas maya dibuat di dalam kelas biasa yang dilengkapi penghawa dingin dan bukannya di dalam makmal komputer sedia ada.

2.4.2 E-Book

Penggunaan komputer khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran mula mendapat perhatian yang serius di sekolah-sekolah di Malaysia selepas kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh kerajaan Malaysia¹²². Sekolah Bestari yang merupakan salah satu aplikasi perdana MSC merupakan pembolehkan kritikal dalam transformasi secara radikal dalam sistem persekolahan di Malaysia¹²³. E-Book yang merupakan sebuah alat elektronik daripada sebuah buku yang biasanya dicetak tetapi ianya berbentuk digital¹²⁴ kini telah banyak diterima pakai dalam bidang pendidikan. Peneraju utama bagi E-Book di sekolah rendah adalah negeri Terengganu yang telah dipelopori oleh mantan Menteri Besar Terengganu, Dato Mohamad Said. Beliau melihat kepada perkembangan dan kemajuan juga keperluan kepada bidang pendidikan untuk lebih ke hadapan bagi merealisasikan falsafah dan objektif pendidikan di zaman globalisasi ini. Beberapa pegawai kanan dari Jabatan

¹²² Malaysia Spearheading Transformation, Pengintegrasian kandungan bahan-bahan berasaskan ICT di dalam P&P pend islam, dicapai pada 6 April 2015, http://www.mscmalaysia.my/sites/default/files/pdf/publications_references/ICTIslam.pdf

¹²³ *Ibid.*

¹²⁴ Program E-Book dilancar di Terengganu, laman sesawang Alam Akademik, dicapai 20 Oktober 2015, <https://alamakademik.wordpress.com/2009/01/12/program-E-Book-dilancar-di-terengganu/>

Pelajaran Negeri dan Top IT Sdn Bhd telah melawat Korea Selatan dan Singapura dalam rangka meninjau perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kelas maya. Dalam kajian yang dibuat oleh Pn Noreles bt Ali dan Cik Siti Noor Aiinaa bt Ismail dalam tajuk Tahap Amalan dan Pengintegrasian E-Book Kolej Komuniti dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mendapati kebanyakan para pensyarah dan pelajar Kolej Komuniti mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pengintegrasian E-Book dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Walaubagaimanapun, amalan pensyarah dan pelajar dalam mengaplikasikan E-Book adalah sederhana¹²⁵. Berdasarkan kepada laporan ini menunjukkan kepada perlunya usaha dalam bidang pendidikan untuk membuat satu strategi bagi membudayakan amalan pengintegrasian E-Book dalam rangka untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran dapat dipertingkatkan terutamanya dalam memperkasakan pendidikan Islam kepada semua murid yang beragama Islam. Hasil peningkatan dalam bidang pendidikan ini seterusnya dapat memberi sumbangan kepada pembangunan pendidikan negara.

Selain E-Book dapat meringan beban murid ke sekolah kerana beratnya hanya di antara 1.2kg-1.6kg mengikut tahun keluaran¹²⁶, ia juga dapat menjimatkan penggunaan kertas¹²⁷. Isu beg sekolah berat telah menjadi perdebatan banyak pihak sejak bertahun-tahun yang lalu, oleh itu seharusnya E-Book diakui sebagai satu inovasi dan lembaran baru dalam pendidikan negara¹²⁸. Menurut angka terbaru daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, pendaftaran murid-murid di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia ialah kira-kira 5.2 juta orang. Jumlah ini menyumbang kepada 2.9 juta murid-

¹²⁵ Noreless Ismail dan Siti Nor Aiinaa, "Tahap Amalan dan Pengintegrasian E-Book di Kolej Komuniti dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)", laman sesawang politeknik.gov.my, dicapai pada 1 April 2015, <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/penerbitan/files/Tahap%20Amalan%20Dan%20Pengintegrasian%20E%20book%20Di%20Kolej%20Komuniti%20Dalam%20Pengajaran%20Dan%20Pembelajaran%20%28P&P%29.pdf>=344

¹²⁶ Nizha Periasamy dan Nadzarul Amir Zainal Azam, *E-Book bukan sekadar ringankan beg*, laman sesawang *Kosmo.com*, dicapai 27 Julai 2017, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0922&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in_01.htm

¹²⁷ *Ibid.*

¹²⁸ *Ibid.*

murid yang berada di sekolah kebangsaan dan 2.3 juta murid-murid di sekolah menengah. Secara puratanya, seorang murid sekolah rendah menggunakan 10 buah buku teks dan setiap buku teks mempunyai kira-kira 50 sehingga 80 muka surat. Oleh itu, apabila E-Book digantikan sebagai buku teks, ianya bukan sahaja dapat meringankan beban murid-murid ke sekolah, malah dapat menjimatkan satu bilion helai kertas yang diperolehi daripada 120,000 pokok setiap tahun.¹²⁹ Selain pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan, E-Book dijangka akan menjadi medium baru untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Murid juga merasa lebih bersemangat untuk melakukan kerja rumah dengan menggunakan E-Book terutamanya kerja-kerja yang memerlukan mereka melayari internet. Walaubagaimanapun, fungsi asas seorang guru dalam menyampaikan ilmu-ilmu asas tidak dapat ditukarkan dengan E-Book semata-mata. Ianya masih memerlukan khidmat guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang keupayaan mental kanak-kanak dan keperluan emosi semasa proses penyesuaian diri dengan persekitaran¹³⁰.

2.4.3 Kelas maya

Merujuk kepada kamus Dewan edisi ketiga, kelas¹³¹ memberi maksud bilik (tempat) belajar. Maya¹³² pula merujuk kepada (sesuatu) yang kelihatannya ada tapi sebenarnya tidak ada, bayangan, khayalan. Kelas maya merupakan sistem pembelajaran dan pengajaran secara maya (*Virtual Learning*) di mana menggunakan peralatan multimedia secara interaktif seperti *Smart Board* dan *E-Book*¹³³. Oleh itu, kelas maya memberi maksud bilik atau satu tempat yang dikhaskan untuk proses pembelajaran dan pengajaran

¹²⁹ Abdul Mutalib Embong et al., "What do teachers and pupils say about using E-Books in the classrooms?" , *International Journal of Social Science and Humanity* (1 November 2014),10-11

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ Hajjah Noresah bt Baharom, ed., *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (Kuala Lumpur, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 609.

¹³² *Ibid.*, 870.

¹³³ <http://sktelokkalong.edu.my/>

berlaku dengan menggunakan *smart board* sebagai medium penyampaian maklumat kepada para murid tanpa menggunakan kepada bahan-bahan yang maujud seperti buku, kertas dan sebagainya. Kelas maya juga merupakan sesi PdP yang banyak menggunakan internet dalam memastikan murid mencapai objektif PdP semaksima mungkin . Internet digunakan bagi mengakses bahan-bahan yang telah dimuat naik dalam perisian E-Book sebagai bahan bantu belajar murid di samping mengakses bahan secara *online*. Kelas maya juga dikenali sebagai *Virtual Class* atau Kelas Virtual¹³⁴ merupakan satu kaedah dalam sistem pembelajaran dalam talian di antara guru dan anak murid yang boleh dilakukan sama ada di dalam bilik darjah atau di luar, semasa waktu PdP atau di luar waktu PdP dan di mana-mana sahaja dengan menggunakan jaringan internet. Sekolah yang terpilih akan memulakan kelas maya setelah semua kelengkapan dan proses pemasangan talian internet diselenggarakan dengan baik. Pembelajaran boleh diteruskan dengan menggunakan E-Book dan boleh dipantau guru dengan menggunakan jaringan internet. Bagi pembelajaran dan pengajaran di negeri Terengganu yang menggunakan E-Book di kelas maya, murid bukan hanya mengakses internet sebagai pemudahcara dalam pembelajaran, tetapi menggabungkan bahan di dalam E-Book itu sendiri yang sudah dilengkapi dengan sukatan mata pelajaran yang dari buku teks murid yang terdiri daripada buku teks daripada tahun empat hingga tahun enam, iqra, doa-doa, kamus, fardhu ain dan lain-lain¹³⁵.

Untuk memastikan perjalanan pembelajaran dan pengajaran menggunakan E-Book di kelas maya berjalan dengan baik, Jabatan Pelajaran Negeri akan menghantar seorang pegawai E-Book yang dikenali sebagai Pegawai Eksekutif Teknologi Maklumat (EIO)¹³⁶ yang ditugaskan untuk memastikan PdP berjalan di samping memastikan

¹³⁴ Arifia Kasastra, “*Erti kelas Maya*”, laman sesawang ArKa-TKJ.Blogspot.com, dicapai pada 10 Mei 2015, <http://ArKa-TKJ.Blogspot.com>

¹³⁵ Nizha Periasamy dan Nadzarul Amir Zainal Azam, “E-Book bukan sekadar ringankan beg”.

¹³⁶ Kamarudin b Mat Akib, “*Kelas Maya Terengganu Lebih Baik Daripada Model Luar*”, laman sesawang teganukita. blogspot. com, dicapai pada 11.5.2015, <http://teganukita.blogspot.com /2011/02/ kelas-maya- terengganu-lebih-baik.html>

E-Book murid berada dalam keadaan yang baik untuk digunakan. Para pegawai tersebut ditelah diberi latihan khusus di bawah kelolaan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan beberapa perjumpaan dibuat bagi memastikan perjalanan PdP dapat dilaksanakan dengan baik. Pegawai juga ditugaskan untuk menghantar laporan pelaksanaan PdP di sekolah mereka bertugas, masalah-masalah yang berkaitan dengan E-Book dan kelas maya serta perlu menghantar E-Book yang rosak untuk dibaiki di kilang Top IT Sdn Bhd di Gong Badak, Kuala Terengganu. Mereka juga perlu menyediakan jadual kelas maya bagi memastikan semua guru dan murid dapat menggunakan bilik yang telah dikhaskan untuk program tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat sekolah yang disediakan prasarana kelas maya di setiap kelas murid tahun 4, 5 dan 6. Selain itu, bagi memastikan kelas maya berjalan dengan baik, para guru diberi pendedahan dan kursus-kursus pendek yang ringkas oleh para Pegawai Teknologi Maklumat di sekolah.

2.5 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah

2.5.1 Pengenalan

Dasar pendidikan rendah¹³⁷ di dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan menyatakan

"Meningkatkan penguasaan kemahiran 3M dan menaakul, kemahiran sosial dan kemahiran asas komputer" kemahiran 3M, kemahiran sosial dan komputer di semua sekolah di Malaysia. Ianya amat bertepatan dengan perubahan pesat yang berlaku dalam masyarakat masakini yang memerlukan para guru pendidikan Islam mencari kaedah yang lebih sesuai untuk menarik minat murid-murid mempelajari Pendidikan Islam yang merupakan mata pelajaran wajib bagi semua murid beragama Islam.

¹³⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, dicapai 1 September 2015, <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/BUKU%20DASAR.pdf>=7

Dalam kehidupan dunia zaman moden kini, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan generasi abad ke 21 masa kini terutamanya generasi muda. TMK atau ICT adalah singkatan daripada perkataan *Information Communication Technology*. Ianya bergantung kepada tahap pendedahan teknologi yang diperolehi sama ada di rumah, sekolah, perpustakaan dan lain-lain. Oleh itu, bidang pendidikan juga telah bergerak maju ke hadapan agar selari dengan perkembangan teknologi tersebut.

Apabila disebut teknologi maklumat dan komunikasi, ia merangkumi banyak perkara sama ada dari segi bentuk kemudahan atau alat yang digunakan. Alat-alat pendidikan TMK boleh dibahagikan kepada 3 kategori iaitu sumber input, sumber output dan lain-lain.¹³⁸ Sumber input merangkumi visuliser/kamera dokumen, PC, tablet, sistem respon murid dan aplikasi perisian komputer. Sumber output pula terdiri daripada projektor, papan putih interaktif dan alat tayang seperti monitor dan tv. Sementara alat-alat TMK lain melibatkan kamera digital, recoder digital, switcher dan lain-lain. National Institute of Multimedia Pendidikan di Jepun telah membuat kajian dan membuktikan bahawa murid yang mendapat peningkatan pendedahan di dalam proses pembelajaran dan pendidikan integrasi TMK mempunyai kesan yang signifikan dan positif mengenai prestasi murid terutamanya bagi perkara-perkara yang berkaitan 'pengetahuan-pemahaman', 'kemahiran praktikal' dan 'presentasi kepakaran' dalam bidang matematik, sains dan pendidikan sosial. Walaubagaimanapun, semuanya bergantung kepada bagaimana kreatifnya seorang guru itu menggunakan alatan TMK dengan persediaan, bajet masa, kelengkapan peralatan, rangkaian dan jaringan internet dan lain-lain lagi. Faktor murid, guru dan alat memberi kesan sama ada objektif pencapaian pada PdP tercapai atau sebaliknya. Penggunaan TMK bukan sekadar untuk memudahkan guru

¹³⁸ELMO, " ICT dalam Pendidikan ", laman sesawang elmoglobal.com, dicapai pada 27 Jun 2015, <http://www.elmoglobal.com/my/html/ict/01.aspx>

menghabiskan waktu mengajar dengan membiarkan sahaja murid mengaplikasi laman web tanpa pemantauan dan bermain *game* sesuka hati. Guru bertindak sebagai pemudahcara dalam proses PdP.

2.5.2 Definisi teknologi

Dari segi bahasa, perkataan teknologi berasal daripada bahasa Yunani iaitu '*Techne*' yang bermaksud seni atau kerja tangan. '*Logos*' pula membawa maksud wacana atau kata-kata sistematis.¹³⁹ Teknologi menurut kamus dewan bermaksud aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain¹⁴⁰. Teknologi juga adalah penggunaan pengetahuan yang umum kepada 'sains perusahaan'¹⁴¹, hubungan antara bahasa, pengucapan dan perkataan¹⁴² juga suatu aspek penghasilan sains yang sifatnya memudahkan sesuatu¹⁴³. Jika ianya di digunakan dengan dengan niat yang baik, natijahnya adalah untuk kesejahteraan manusia sejagat. Apabila melihat maksud teknologi, ianya banyak menjurus kepada satu ilmu yang melibatkan praktikal. Dari segi istilahnya, teknologi dimaksudkan sebagai ilmu pengetahuan dan tindakan bersistem, yang kebiasaanya dikaitkan dengan proses industri atau yang berkait rapat dengan sains kejuruteraan¹⁴⁴. Maklumat bermaksud makluman, pemberitahuan, pengumuman¹⁴⁵. Maklumat membezakan komunikasi daripada aktiviti lain seperti berenang, berlari, memasak dan sebagainya. Maklumat tidak hanya memindahkan satu informasi daripada satu pihak

¹³⁹[Abdul Khaliq], *Teknologi dalam Islam*, laman sesawang slideshare.net, dicapai 9 Julai 2015, <http://www.slideshare.net/khaliqfreedom/uici-2022-bab-04-teknologi-dalam-islam-nota=1>

¹⁴⁰ *Kamus dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1397,entri "teknologi".

¹⁴¹ [Abdul Khaliq], *Teknologi dalam Islam*, 1

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ *Ibid.*

¹⁴⁵ *Kamus dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 847,entri "maklumat".

kepada pihak lain atau sekadar fakta dan kebenaran, arahan atau berita, tetapi ia merangkumi satu idea yang mampu mempengaruhi pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara¹⁴⁶.

Informasi dan maklumat juga boleh didefinisikan sebagai corak tenaga utama yang mempengaruhi kemungkinan-kemungkinan yang ada untuk membolehkan individu membuat keputusan sendiri¹⁴⁷. Keputusan dari maklumat dan informasi tersebut boleh dinyatakan dalam bentuk penulisan atau melalui media elektronik seperti emel dan surat.

2.5.3 Definisi Komunikasi

Komunikasi pula bermaksud¹⁴⁸ perhubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara langsung merujuk kepada percakapan secara terus antara dua orang atau lebih manakala secara tidak langsung merujuk kepada perantaraan seperti surat khabar, radio, telefon dan lain-lain. Kedua-duanya mempunyai tujuan dan matlamat untuk menyampaikan dan mendapat maklumat yang tepat dari pihak yang menyampaikan. Komunikasi merupakan proses penyampaian atau perpindahan mesej dari seseorang kepada yang lain. Ia juga merujuk kepada proses untuk memberi kefahaman kepada orang yang disampaikan tentang mesej yang dibawa untuk sama-sama mencapai objektif daripada mesej yang hendak disampaikan. Komunikasi berlaku sama ada secara lisan atau bukan lisan¹⁴⁹. Komunikasi lisan melibatkan dua pihak yang membuat percakapan atau perbualan dan penulisan bertujuan untuk menyampaikan mesej dan maksud dari satu pihak kepada satu pihak yang lain. Pihak yang menerima mesej tersebut akan memproses mesej tersebut untuk difahami dan diambil tindakan. Komunikasi lisan boleh berlaku sama ada

¹⁴⁶ “Penulis Tidak diketahui”, “*Faktor-faktor yang Menghalang Penggunaan ICT dalam kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam*”, laman sesawang slideshare, dicapai 9. Julai 2015, <http://www.slideshare.net/akusngus/faktorfaktor-yang-menghalang-penggunaan-ict-dalam-lalangan-guruguru-pendidikan-islam?related=1>

¹⁴⁷ *Ibid.*,3

¹⁴⁸ *Kamus dewan*, ed. Ke-3, 698,entri “komunikasi”.

¹⁴⁹ <http://www.slideshare.net/ctfironika/definisi-komunikasi> (6.7.2015)

secara berhadapan antara dua pihak, melalui visual, penulisan di email, chatting dan sebagainya. Berlainan dengan komunikasi bukan lisan, ianya melibatkan gerak laku seseorang sama ada posture tubuh, mimik muka termasuk mata, hidung dan bibir, gerakan tangan dan sebagainya. Seseorang yang menggelengkan kepala kebiasaannya menunjukkan tanda tidak setuju dan pihak yang menerima mesej tersebut memproses serta dapat memahami maksud yang ingin disampaikan.

Kesimpulannya, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) memberi maksud kegiatan yang melibatkan aktiviti praktikal di antara dua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung, lisan atau bukan lisan untuk menyampaikan sesuatu maklumat dan objektif tertentu. Untuk lebih menjurus kepada TMK dalam Pendidikan Islam, ianya membawa maksud berlakunya perhubungan dan komunikasi di antara dua pihak iaitu yang melibatkan perpindahan maklumat dan infomasi sama ada melalui percakapan dan perbualan antara guru dan murid, murid dan murid, juga di antara murid, guru dan bahan TMK seperti perisian komputer, audio, video, internet dan sebagainya yang merangkumi sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Apa yang paling penting dalam proses PdP menggunakan TMK, objektif PdP dapat dicapai dengan jayanya dan keadaan kelas dan murid lebih kondusif. Ia disusun atur secara terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan di dalam PdP. Proses yang melibatkan guru dan murid ini memberi maksud bahawa TMK digunakan sebagai wahana PdP dan bukan murid belajar mengenai TMK¹⁵⁰.

2.5.4 Faedah TMK dalam PdP Pendidikan Islam

¹⁵⁰ Azmi Ramli, "Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam P&P", Kursus Multimedia Pendidikan ILDAS, laman sesawang slideshare.net, dicapai 27 Mei 2015, <http://www.slideshare.net/AzmiRamli/penggunaan-teknologi-maklumat-dan-komunikasi-ict-dalam-pp?related=1>

Terdapat banyak kelebihan, manfaat dan faedah yang diperolehi daripada TMK jika ianya digunakan secara berfikir, bersesuaian dengan keperluan PdP dan dirancang dengan perancangan yang tersusun. Secara keseluruhannya, faedah yang diperolehi ialah¹⁵¹:

- berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap pelajaran dalam bab pelakuan solat, PdP menggunakan E-Book di kelas maya mampu memberikan kefahaman kepada murid tentang perlakuan solat berbanding dengan PdP menggunakan buku teks sahaja. Murid secara langsung dapat melihat perlakuan solat di dalam internet secara *live* /3 dimensi. Pembelajaran secara audio visual memberikan impak/ hasil yang tinggi kepada keberhasilan objektif pembelajaran.
- memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua murid yang pelbagai keupayaan
tahap penguasaan murid adalah berbeza kerana manusia mempunyai tahap penguasaan yang tidak sama. Kaedah konvensional memerlukan guru mencari idea menjalankan aktiviti mengikut tahap-tahap penguasaan. Tetapi penggunaan E-Book dan kelas maya memberi peluang kepada para murid untuk sama-sama menggunakannya. Penggunaan teknologi tidak dihadkan kepada murid-murid yang cecerdik dan berkemampuan sahaja.
- meningkatkan motivasi murid
sesuatu yang menyeronokkan sememangnya akan meningkatkan motivasi diri untuk mencapainya. Begitulah yang berlaku kepada murid-murid yang menggunakan E-Book. Minat yang mendalam terhadap teknologi mampu meningkatkan motivasi dan prestasi murid di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.
- membolehkan pembelajaran bersendirian (individualise learning)
kaedah PdP konvensional memerlukan murid bersemuka dan berkomunikasi dengan guru-guru dan rakan-rakan. E-Book dapat digunakan tanpa waktu pembelajaran formal di dalam kelas.

¹⁵¹ *Ibid.*

- membolehkan murid mengakses maklumat yang sukar diperolehi. Tidak semua bahan dapat diperolehi di perpustakaan sekolah atau perpustakaan awam. Kemudahan E-Book memudahkan murid mengakses bahan seantero dunia dengan pelbagai bahasa.
- membolehkan murid mengumpul maklumat yang diperlukan masa yang lama atau terlalu mahal untuk dikumpul. Bahan-bahan seperti ensiklopedia Islam, kaedah solat yang betul dapat diperolehi dengan mudah dalam bentuk 3D.
- mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar. Sememangnya PdP menggunakan komputer dan internet menyeronokkan dan sebatikan dengan jiwa murid-murid masa kini. Pendidikan Islam juga harus menongkah arah selari teknologi masa kini bagi mendapat pencapaian optimum sama seperti mata pelajaran lain.
- membolehkan murid mencuba atau melaksanakan eksperimen yang sukar, terlalu mahal, mustahil atau bahaya untuk dilaksanakan dengan cara biasa.
- meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi murid. Perlakuan solat sebagai contoh dapat dilihat secara terus dan boleh dipraktikkan berbanding bacaan dan gambar-gambar yang terdapat di dalam buku teks.
- memberi peluang kepada murid belajar secara berkesan dengan bimbingan yang minima. Murid masa kini perlu banyak belajar sendiri dan meneroka pelbagai ilmu agar mereka dapat lebih inovasi dan kreatif dalam menjalani kehidupan yang kian mencabar.
- meningkatkan kemahiran ICT. Pembelajaran menggunakan E-Book bukan hanya mendapat ilmu dari segi isi kandungan sukatan mata pelajaran sahaja, malah murid-murid mendapat ilmu kemahiran menggunakan ICT dan kemahiran menyelenggara komputer dan internet. Murid-murid dikurniakan kelebihan oleh Allah Taala mudah memahami ilmu kemahiran. Kedua-dua ilmu ni dapat dipraktikkan untuk kegunaan mereka di masa depan. Sekiranya terdapat murid yang kurang pemahamannya di dalam subjek-subjek tertentu, mereka masih ada ilmu kemahiran pengendalian komputer.

2.6 Pendekatan, Kaedah, Teknik dan Strategi Pengajaran

Kemahiran mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada istilah-istilah penting iaitu pendekatan, kaedah, teknik dan strategi. Seorang guru yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai elemen-elemen tersebut untuk diaplikasikan dalam proses P&P di dalam bilik darjah¹⁵².

2.6.1 Pendekatan

Pendekatan¹⁵³ adalah mendekati sesuatu dalam bidang pendidikan dan mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Ia wujud berasaskan tanggapan-tanggapan yang berhubung dengan falsafah agama Islam dan pengajaran serta pengajian agama itu sendiri. Sesuatu pendapat, falsafah atau suatu pengajaran dinyatakan tetapi tidak semestinya dibuktikan secara mutlak. Sebagai contoh, guru membuat beberapa tanggapan asas dan asas-asas itu menjadi prinsip di dalam bilik darjah. Pendekatan terbahagi kepada dua bahagian iaitu pendekatan induktif dan deduktif¹⁵⁴.

Pendekatan induktif membawa maksud, guru tidak memberitahu kepada murid apa yang ingin dipelajari. Maklumat disampaikan secara generalisasi dan tidak digalakkan memberi maksud, isi kandungan atau objektif pengajaran di awal pembelajaran. Sebagai contoh dalam bab ibadah tajuk solat, guru akan mengajukan soalan kepada murid ” bagaimanakah kita boleh menjaga akhlak kita dengan baik”, ”apakah perkara yang membezakan di antara orang Islam dan orang kafir”, ”senaraikan rukun Islam mengikut turutan” dan sebagainya . Guru juga boleh memulakan pengajaran

¹⁵² Ab. Halim Tamuri dan Mohaad Khairil Aman Ajuhary, *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*, *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010,44-56.

¹⁵³ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi*,183.

¹⁵⁴ *Ibid.*,184.

dengan membuat simulasi menunaikan solat. Pengajaran diakhiri dengan kesimpulan yang diterangkan oleh guru.

Pendekatan induktif mempunyai konsep-konsepnya yang tertentu iaitu¹⁵⁵:

- Mempelajari sesuatu untuk mendapat hukum.
- Memperkenalkan pengetahuan dan memberi pengualaman.
- Membentuk satu kesimpulan umum daripada contoh-contoh tertentu.
- Cuba mendapatkan kesimpulan melalui satu urutan pemikiran.
- Membuat andaian yang munasabah daripada yang spesifik (khusus) kepada yang umum.

Ciri-ciri pendekatan induktif adalah seperti berikut¹⁵⁶:

- Bermatlamatkan kepada pembentukan kebiasaan.
- Menggunakan pengantaraan deria (pengalaman deria) untuk mendapatkan pengetahuan.
- Memerlukan kekerapan ulangan dalam pelbagai konteks untuk menguasai sesuatu kemahiran.
- Menekankan pengajaran berbentuk konkrit.
- Memberi peluang sepenuhnya kepada murid-murid belajar di bawah bimbingan guru.
- Menekankan penglibatan murid secara aktif.
- Mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan.
- Banyak menekankan aspek lisan.

Pendekatan deduktif pula ialah satu pendekatan pengajaran yang mengasaskan P&P murid kepada hukum-hukum tertentu¹⁵⁷. Ianya dimulakan dengan melihat hukum-

¹⁵⁵ *Ibid.*,185

¹⁵⁶ *Ibid.*,186

¹⁵⁷ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi*,186.

hukum atau peraturan-peraturan tertentu seterusnya mengaplikasikan hukum-hukum tersebut menjadi satu fakta. Bagi tajuk solat, murid dimaklumkan terlebih dahulu di awal permulaan kelas tajuk yang akan dipelajari pada hari tersebut. P&P diteruskan dengan murid mengkaji cara-cara menunaikan solat, syarat-syarat sah solat dan sebagainya. Pendekatan deduktif juga mempunyai konsep-konsepnya yang tertentu. Ianya terdiri daripada¹⁵⁸:

- Mempelajari sesuatu berdasarkan sesuatu hukum.
- Satu produksi fakta untuk membuktikan satu pernyataan umum.
- Menganalisa fakta yang membentuk generalisasi.
- Membuat satu huraian daripada umum kepada khusus.

Ciri-ciri pendekatan deduktif pula merangkumi¹⁵⁹:

- Pembelajaran sentiasa mementingkan pengetahuan yang akan diperolehi.
- Menggunakan pengantara fikiran untuk mendapat ilmu.
- Penyusunan isi mestilah dimulakan daripada keseluruhan yang lebih kompleks sifatnya.
- Pembelajaran dengan kefahaman adalah lebih kekal dari menghafal.

2.6.2 Kaedah

Kaedah ialah perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur dan tersusun, kemas dan sistematik¹⁶⁰, cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya yang bersistem atau yang biasa berdasarkan kepada prinsip-prinsip tertentu¹⁶¹, dan satu aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah tersusun¹⁶².

¹⁵⁸ *Ibid.*,187

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ *Ibid.*,187

¹⁶¹ *Kamus dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 557, entri "kaedah".

¹⁶² Abu Saleh, http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2010_10236_

Berdasarkan definisi-definisi di atas, kaedah pengajaran membawa maksud apa sahaja cara atau langkah yang diambil oleh seorang guru bagi memastikan murid faham dan objektif yang digariskan tercapai. Oleh itu, guru seharusnya bijak memilih dan menyusun langkah-langkah yang tertentu dan jelas serta strategi yang kemas bagi memastikan objektif tercapai kerana, kaedah pengajaran bukanlah sesuatu yang tetap untuk semua murid dalam semua masa, ianya perlu berubah-ubah mengikut keadaan murid, masa, objektif, tempat dan sebagainya. Pemilihan kaedah yang baik, sesuai dan tepat bukan sahaja dapat memberi kefahaman kepada murid malah meninggalkan kesan kepada jiwa murid dan dapat menyentuh perasaan murid. Tumpuan juga dapat diberikan kepada pengajaran guru jika murid berminat dengan kaedah pengajaran guru tersebut.

Langkah-langkah yang diambil perlu mempunyai peringkat-peringkat dan mempunyai kesinambungan agar objektif tercapai. Perkara-perkara yang perlu diambilkira bagi menentukan kaedah yang sesuai digunakan adalah mengenalpasti apakah bahan-bahan yang akan digunakan, masa yang diperuntukkan, aktiviti serta alat bantu mengajar yang akan digunakan. Antara jenis-jenis kaedah¹⁶³ adalah kaedah sokratik, projek, dapatan atau penyelidikan dan penyelesaian masalah. Selain itu, kaedah juga dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu kaedah pengajaran mendengar, bertutur, membaca, menulis, memerhati dan membuat¹⁶⁴. Lokasi pengajaran juga perlu diambil kira oleh para guru tidak terhad kepada pengajaran di dalam bilik darjah sahaja. Bagi mata pelajaran pendidikan islam, kajian menunjukkan surau dan musolla terutamanya bagi sekolah-sekolah harian belum lagi dimaksimakan penggunaannya. Ianya hanya terhad kepada penggunaan solat zohor murid sahaja. Surau sekolah seharusnya menjadi *makmal rohani* yang dapat mendidik dan membangunkan diri murid.

9c0b3d3724954bfd9667577 ab415f47d.pdf,1988

¹⁶³ *Ibid.*,188-189

¹⁶⁴ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran* (Johor: UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia,2007), 69

2.6.3 Teknik

Teknik¹⁶⁵ merupakan unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Ia merangkumi aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru yang digunakan dalam pengajaran. Sebagai contoh bagi kaedah bercerita, antara teknik yang digunakan untuk menarik minat para murid adalah teknik menyoal, hentian sejenak dan sebagainya. Terdapat beberapa jenis teknik, antaranya teknik tunjuk cara, soal jawab, menghafaz dan latih tubi serta bersyarah¹⁶⁶.

2.6.4 Strategi

Menurut kamus Dewan, strategi¹⁶⁷ merupakan rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan dan kebijaksanaan dalam menguruskan sesuatu perkara¹⁶⁸. Dalam mata pelajaran pendidikan Islam, strategi merujuk kepada suatu cara, langkah atau tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai objektif PdP. Ia lebih menjurus dan menumpukan pencapaian atau hasil pembelajaran. Guru harus pandai memilih pendekatan serta cekap merancang kaedah dan teknik untuk mengajar.

2.6.5 Perbezaan Antara Pendekatan, Kaedah, Strategi dan Teknik Pengajaran

Pendekatan, kaedah, strategi dan teknik sering mengelirukan para guru dan seolah-olah memberikan makna yang sama. Konsep-konsep ini saling berkaitan dan lengkap-melengkapi di antara satu sama lain. Secara ringkasnya, perbezaan ini dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah.

¹⁶⁵ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, 189

¹⁶⁶ *Ibid.*, 190-191

¹⁶⁷ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002). 1305, entri "strategi."

¹⁶⁸ [roxarap], "Perbezaan Antara Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik dalam P&P Bahasa Melayu", laman sesawang *saya cikgu biasa.blogspot.my*/dicapai pada 20 Oktober 2014, <http://siscppdkt.blogspot.com/2014/10/perbezaan-antara-strategi-pendekatan.html>

Jadual 2.1. Ringkasan Konsep Pengajaran¹⁶⁹

Item	Konsep	Contoh
Strategi	Langkah untuk mencapai objektif pelajaran.	Pendekatan berpusatkan murid, kepelbagaian teknik, kepelbagaian sumber bahan.
Pendekatan	Cara objektif pelajaran dicapai.	Pendekatan induktif, deduktif, eklektik.
Kaedah	Cara mendekati objektif pelajaran dengan langkah pengajaran yang tersusun.	Kaedah natural, terjemahan, ajukhafaz, linguistik.
Teknik	Kemahiran guru untuk mengelolakan kaedah pengajaran.	Main peranan, latih tubi, bercerita, inkuiri.

Sumber: Konsep Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, 19 Oktober 2011.

2.7 Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Guru Pendidikan Islam.

2.7.1 Pengenalan

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) memerlukan kepada perancangan yang rapi bagi memastikan objektif yang digariskan tercapai. Oleh itu, ianya memerlukan kepada kaedah, pendekatan, dan strategi yang betul dan sesuai agar murid dapat menguasai dan memahami pembelajaran tersebut.

Rasulullah SAW merupakan contoh dalam segala bidang sama ada sebagai seorang *murabbi*, *muaddib*, *muallim*, *ustaz*, bapa, pemimpin, suami dan lain-lain. Dalam proses menyampaikan wahyu dan mengajar agama Islam kepada kaum keluarga, sahabat

¹⁶⁹ *Ibid.*

dan masyarakat arab serta umat Islam umumnya, Rasulullah SAW telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran bagi memastikan ilmu yang hendak disampaikan difahami oleh murid-murid Baginda SAW. Antara kaedah pengajaran yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW¹⁷⁰ ialah kuliah dan khutbah, dialog dan perbincangan, soal jawab, hafalan, perdebatan, cerita, gaya dan isyarat, lukisan dan lain-lain. Kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh Rasulullah SAW jelas menunjukkan Rasulullah SAW merupakan seorang guru yang bijak memilih kaedah bersesuaian dengan tahap penguasaan murid, tempat, masa dan sebagainya. Rasulullah SAW juga mempunyai perancangan ilmiah dan menekankan kepada para sahabat agar sahabat tidak sewenang-wenangnya bertawakkal secara membuta tuli. Begitu juga dengan teknik dan kaedah pengajaran yang ditunjukkan oleh imam As-Syafie, Imam Malik, Imam Ahmad, Imam Abu Hanifah, Imam A-Ghazali dan lain-lain. Guru-guru seharusnya menguasai dan mengambil contoh dengan kaedah-kaedah pengajaran yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan tokoh-tokoh Islam lampau.

Dalam proses memastikan objektif pengajaran berkesan, beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti peribadi guru, suasana kelas yang kondusif, latar belakang murid dan sukatan mata pelajaran yang diajar. Pengajaran Pendidikan Islam adalah mencabar kerana dan sangat penting kerana berkaitan dengan ilmu duniawi dan ukhrawi serta memerlukan aktiviti amali dan praktikal. Ia juga memerlukan kepada penghayatan dalam setiap amalan tersebut. Kaedah yang menarik dan berkesan menjadi cabaran buat para guru Pendidikan Islam untuk memastikan matlamat dan falsafah yang digariskan tercapai.

2.7.2 Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan

¹⁷⁰ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, 152-157.

PdP yang berkesan mengambil kira beberapa aspek untuk dipenuhi berdasarkan masa, objektif dan keperluan. Bagi pendidikan abad ke-21, PdP diperangaruhi oleh penggunaan peralatan bantuan mengajar ICT yang melibatkan penggunaan komputer dan komponen lainnya.¹⁷¹ Ianya melibatkan beberapa faktor, antaranya guru, murid, para ibubapa dan latar belakang keluarga, suasana kelas yang kondusif, kemudahan insfrastruktur sekolah, pemakanan dan lain-lain lagi.

a) Guru

Guru¹⁷², pendidik dan pengajar ialah golongan yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik dan pemimpin¹⁷³ yang menjadi salah satu faktor kepada jatuh bangunnya masyarakat di sesebuah negara. Tanggungjawab ini merupakan satu amanah yang perlu dipikul ke bahu seorang guru. Tugas seorang guru sewajarnya dilakukan dengan ikhlas dan jujur tambahan bagi guru pendidikan Islam yang mengajar murid untuk menjadi seorang muslim yang taat kepada Allah SWT, menjadi insan kamil yang dapat melaksanakan tugas *hablum minallah* dan *hablum minannas*. Sebaikmanapun sistem pendidikan yang telah dirancang dan disusun, ianya tidak akan berkesan jika guru tidak mampu menyampaikannya secara efektif, ilmu yang tidak lengkap dan peribadi guru yang bermasalah kerana guru menjadi *role model* kepada para murid. Tanggungjawab ini perlu dirasai dan dipegang dengan jujur dan ikhlas agar keberhasilan murid adalah yang terbaik. Islam juga memberi penghormatan yang tinggi kepada guru, *muallim*, *muaddib*, *mudarris* atas tugas mulianya menyampaikan ilmu. Dalam al-Quran, Allah ada berfirman:

لَا يَجْعَلُ اللَّهُ مَن يَتَّبِعُهُ لِيَكُونَ كَمَا يُكُونُ

Faathir 35: 28

¹⁷¹ Abdul Mutalib et al., *What do teachers and pupils say about using E-Books in the classrooms?*, International Journal of Social Science and Humanity (1 November 2014),1.

¹⁷² *Kamus Dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 420, entri “guru”.

¹⁷³ Ahmad Mohd Salleh, *“Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi”*, 81.

Terjemahan: "Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun".

Antara ciri-ciri sahsiah mulia seorang guru ialah¹⁷⁴:

1. Ikhlas
2. Takwa
3. Menepati masa
4. Prihatin
5. Amanah dan bertanggungjawab

Kesemua ciri-ciri sahsiah seorang guru yang baik ini merupakan akhlak dan sahsiah yang memang dituntut bagi diri seorang muslim. Guru-guru juga perlu sentiasa mempertingkatkan diri dengan akhlak yang mulia seperti yang dituntut dalam Islam. Para murid juga akan melihat dan menjadikan para guru sebagai contoh untuk diikuti.

Guru yang memenuhi kriteria keperluan murid dalam pelbagai aspek merupakan agen terpenting dalam merealisasikan pendidikan murid-murid yang kini sedang berhadapan dengan cabaran era gloalisasi.. Guru bertindak sebagai penyebar ilmu pengetahuan, pembentuk nilai, pengamal budaya ilmu. Guru juga harus bersifat profesional dan peka dengan segala perkembangan pendidikan¹⁷⁵.

- b) Murid

¹⁷⁴ Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa, "Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku *Adab Al Mualimin*", The Online Journal of Islamic Education, Universiti Malaya (July 2014, Vol. 2 Issue 2), 4-6

¹⁷⁵ Amir Nazif, "Ciri-ciri Guru yang Berkualiti dan Berkesan dalam proses P&P", laman sesawang *Slideshare.net*, dicapai 28.9.2015, <http://www.slideshare.net/AmirNazif/guru-yang-berkesan>.

Murid merupakan pelanggan guru. Tiada murid, tidak adalah pekerjaan sebagai guru. Kejayaan PdP juga mempunyai hubungan dengan kesediaan para murid untuk menerima ilmu yang disampaikan oleh para guru. Antara ciri-ciri murid yang cemerlang ialah¹⁷⁶:

- Optimistik iaitu sentiasa yakin dengan kebolehan diri sendiri dan tidak bersikap pesimistik.
- Faham akan tanggungjawab untuk belajar dan memberi sepenuh tumpuan pada pembelajaran serta berdisiplin.
- Bersedia untuk belajar dengan peralatan belajar seperti alat tulis, buku-buku dan lain-lain
- Menghormati ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan.
- Menyiapkan tugas yang diberikan dan mengulangkaji pelajaran serta berbincang dengan rakan-rakan.
- Menjaga kesihatan diri dan mengamalkan pemakanan seimbang.
- Menjaga hubungan dengan Allah , berdo'a dan bertawakkal kepada Allah.

c) Kelas

Penyediaan suasana pembelajaran dan persekitaran yang sesuai, menarik dan selesa dalam bilik darjah. Persekitaran dan suasana yang baik akan menarik minat murid. Apabila murid sudah bersedia dan minat, ianya akan memudahkan para guru melaksanakan pengajaran mereka. Suasana kelas yang efektif untuk pembelajaran mempunyai susun atur meja kerusi yang sesuai dengan tahap umur murid. Ada guru yang menyusun mengikut kumpulan lemah, sederhana dan tinggi atau membahagikan murid mengikut tahap kebolehan masing-masing. Selain susunan meja kerusi yang sesuai, luas kelas, kemudahan papan tulis, pengudaraan dari kipas, pencahayaan yang cukup, papan

¹⁷⁶ Caroll Lynn, “Ciri-ciri Pelajar Cemerlang”, laman sesawang *Slideshare.net*, dicapai 29.9.2015, <http://www.slideshare.net/carolllynn3/34-ciripelajarcemerlang=1-6>.

kenyataan, rak-rak buku berada dalam keadaan yang memuaskan¹⁷⁷. Bagi murid sekolah rendah juga, para guru terutamanya guru kelas perlu memastikan semua peralatan berada dalam keadaan yang selamat bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku. Jadual tugas membersihkan kelas juga perlu disediakan bagi menanamkan sikap tanggungjawab para murid terhadap kelas yang mereka duduki.

Terdapat dua kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) guru Pendidikan Islam yang telah dikenalpasti dalam kajian ini iaitu kaedah menggunakan E-Book dan kelas maya serta kaedah konvensional. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) di antara kaedah menggunakan E-Book dan kelas maya serta kaedah konvensional.

2.7.3 Kaedah PdP Pendidikan Islam di Sekolah yang Mempunyai Kelas Maya

Tinjauan yang telah dibuat oleh penulis mengenai pelaksanaan kelas maya atau *virtual class* adalah berfokus di Sekolah Kebangsaan Kalong, Kemaman, Terengganu Darul Iman¹⁷⁸. Sekolah ini merupakan antara sekolah rintis *virtual class* setelah projek E-Book dilaksanakan pada tahun 2009. Pada tahun 2014, Sekolah Kebangsaan Telok Kalong (selepas ini disebut SKTK) dipilih sebagai sekolah kluster. Ianya terletak di Kampung Telok Kalong, Kemaman, Terengganu Darul Iman dan merupakan sebuah sekolah satu sesi yang mempunyai dua kelas sahaja bagi setiap tahun. Bilangan muridnya sedikit sahaja iaitu 18-22 orang bagi sebuah kelas tahap dua. Setiap kelas tahap dua dijadikan kelas maya dan dilengkapi dengan peralatan yang kelas maya yang lengkap. Bagi tahun 2015, bilangan murid tahap dua adalah seramai 121 orang dan mempunyai 3 orang guru pendidikan Islam. Murid tahun 4 adalah seramai 41 orang, tahun 5 seramai 44 orang dan tahun 6 seramai 36 orang¹⁷⁹. Kelas maya telah mula diadakan di SKTK pada

¹⁷⁷ "Smktelokkerang", laman sesawang *smktelokkerang.blogspot*, dicapai 24 Disember 2017, <http://smktelokkerang.blogspot.my/2013/04/bilik-darjah-yang-kondusif-merangsang.html>=1

¹⁷⁸ <http://sktelokkalong.edu.my/>

¹⁷⁹ *Ibid.*

tahun 2011 setelah pelancaran E-Book pada tahun 2009 bersama dua buah sekolah lagi iaitu Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Kuala Terengganu dan Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir, Kuala Terengganu¹⁸⁰. Semua murid di sekolah ini beragama Islam, oleh itu semuanya mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam. Setiap murid kohort 2010 dan 2011 telah dibekalkan dengan sebuah E-Book yang dilengkapi perisian buku-buku teks sekolah rendah serta perisian tambahan termasuk al-Quran, doa-doa dan amalan solat¹⁸¹.

Bagi memastikan kelas maya berjalan dengan baik, pihak kerajaan negeri telah membekalkan setiap kelas maya dengan peralatan yang lengkap merangkumi komputer guru, papan sesentuh (*smart board*), pen papan sesentuh, alat pembesar suara, dan kemudahan *wifi* sekolah. Bagi kemudahan para murid juga dibekalkan wayar penyambung kerana bateri E-Book hanya bertahan beberapa jam sahaja. Komputer guru disetkan mempunyai *link* dengan E-Book murid dan setiap E-Book mempunyai nombor pengenalannya yang tertentu. Oleh itu, guru dapat memantau E-Book para murid selain memastikan murid hanya membuka halaman yang diarahkan oleh guru sahaja. Apabila murid membuka E-Book, papan sesentuh akan memaparkan gambar monitor E-Book murid sebagai tanda E-Book telah dibuka. Kelas juga dilengkapi dengan wayar penyambung di atas lantai bagi kemudahan para murid mengecas E-Book mereka. Semua kelengkapan ini perlu bagi memastikan proses PdP berjalan dengan baik. Guru boleh 'mengunci' E-Book murid-murid dengan menekan icon 'lock' di papan sesentuh. Apabila icon 'lock' ditekan, semua E-Book murid akan memaparkan ayat "*eyes to the front, please*" (pandang hadapan). Ianya dibuat bagi mengelakkan para murid tidak memberi penumpuan kepada pengajaran guru di papan sesentuh atau papan putih, bermain 'game' atau membuat aktiviti lain di dalam E-Book mereka. selain itu, kelas

¹⁸⁰ Kamarudin Mat Akib, "Kelas Maya Terengganu Lebih Baik daripada Model Luar Negara," <http://teganukita.blogspot.com/2011/02/kelas-maya-terengganu-lebih-baik.html>, 14 Februari 2011

¹⁸¹ Roslan Abdul Rahman, "Soal jawab mengenai E-Book," <http://teganuku.blogspot.com>, June 29, 2009

juga dilengkapi dengan alat penghawa dingin untuk keselesaan para murid. Bagi faktor keselamatan, semua kelas maya tahap dua akan dikunci setelah tamat waktu pembelajaran bagi mengelakkan kejadian yang tidak dingini seperti kecurian dan pecah bilik berlaku.

Tinjauan penulis ke kelas-kelas maya di SKTK mendapati, para murid sudah biasa dengan peralatan-peralatan canggih yang berada di dalam kelas. Mereka pandai menjaga peralatan yang disediakan dan menggunakannya dengan berhemah. Peralatan yang disediakan dijaga dengan baik. Apa yang mengangumkan penulis, mereka tidak menyalahgunakan peralatan yang disediakan malah pen *smart board* yang diletakkan di papan sesentuh hanya diambil dan digunakan sewaktu menerima arahan guru sahaja. Murid-murid telah diberi taklimat dan penerangan mengenai disiplin dan tata cara penjagaan peralatan *virtual class* pada permulaan program ini dilancarkan. Akhlak dan disiplin yang bagus dapat membantu para guru dalam pengendalian peralatan tersebut. Murid-murid juga membantu guru semasa proses PdP berlangsung, malah kedapatan murid yang lebih cekap dan terkehadapan mengendalikan papan sesentuh untuk mencari dan membuka halaman-halaman yang dikehendaki oleh guru.

PdP di kelas maya kebanyakannya dibantu oleh EIO (*Executive Information Officer*) atau Pegawai Teknologi Maklumat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Tugas utama beliau adalah¹⁸² mengurus, menjaga dan menyelenggara E-Book dan peralatan di kelas maya mengikut jadual yang telah dirancang, memuat turun, memuat naik dan mengemaskini perisian antivirus yang dibenarkan dan memastikan ianya dikemaskini secara berjadual dan menyelia serta membuat pemantauan terhadap program-program yang dimuat turun di E-Book terutamanya secara berkala. Selain itu, EIO juga bertanggungjawab untuk membaiki kerosakan dan mengformat semula

¹⁸² Nafaidilah Nasir, “ *Kajian Kes Penggunaan E-Book di Sekolah di Daerah Kuala Terengganu*”, laman sesawang nafaidillah.blogspot.com, dicapai 9 Ogos 2015, <http://nafaidilah.blogspot.com/>

E-Book dan komputer guru jika perlu. Guru juga akan memaklumkan kepada pegawai EIO bahan yang diperlukan dalam pengajaran seperti memuat turun bahan-bahan dari internet dan sebagainya kerana tidak semua guru mahir dalam mengaplikasi bahan-bahan.

Pengajaran dimulakan dengan guru menghidupkan komputer guru di meja guru. Setelah itu, paparan di papan sesentuh dipamerkan. Guru membuka halaman sama ada buku teks, bahan daripada internet atau bahan yang telah dimuat turun dan disimpan terlebih dahulu. Semua murid diminta menumpukan perhatian kepada papan sesentuh yang berada di bahagian dinding hadapan kelas bagi menggantikan papan tulis atau papan putih. Tinjauan penulis ke kelas 5 Al-Ghazali dengan murid seramai 20/22 orang yang hadir pada hari tersebut. Tajuk yang dipelajari adalah *sunat ab'ad* dan *sunat haiah*¹⁸³. Pengajaran bermula dengan guru membaca paparan di papan sesentuh apa yang dimaksudkan dengan *sunat ab'ad* dan *sunat haiah*. *Sunat ab'ad* ialah amalan sunat yang sangat dituntut dalam solat, jika ditinggalkan secara sengaja atau tidak, disunatkan sujud *sahwi*. *Sunat haiah* pula bermaksud amalan sunat dalam solat, jika ditinggalkan secara sengaja atau tidak, tidak disunatkan sujud *sahwi*. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan deduktif. Setelah itu, murid diminta membaca beramai-ramai mengikut bacaan guru. Guru menerangkan kepada murid maksud *sunat ab'ad* dan *sunat haiah* kepada murid. Seterusnya, seorang murid lelaki dan perempuan diminta ke hadapan membaca secara bergilir-gilir di papan sesentuh sambil diikuti para murid yang lain. Kaedah pengulangan¹⁸⁴ digunakan oleh guru bagi memastikan murid faham, boleh menghafal dan membezakan di antara *sunat ab'ad* dan *sunat haiah*. Setelah itu, guru meminta murid membuka buku teks dengan menggunakan E-Book masing-masing, untuk melihat perkara-perkara yang termasuk di dalam *sunat ab'ad* dan *sunat haiah*. Murid diberi masa membaca, meneliti dan berbincang dengan rakan-rakan untuk aktiviti

¹⁸³ Kementerian Pendidikan Malaysia, "Rancangan Tahunan Pendidikan Islam" laman sesawang <http://moe.gov.my>

¹⁸⁴ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi* ,213

pembelajaran seterusnya. Sesi PdP di kelas maya merupakan PdP berpusatkan murid. Guru hanya sebagai fasilitator kepada para murid.

Seterusnya guru membahagi murid kepada dua kumpulan, lelaki dan perempuan. Guru membuat garisan tengah di papan sesentuh dengan menggunakan pen *smart board*. Ikon pen di papan sesentuh perlu diaktifkan terlebih dahulu sebelum digunakan. Guru memilih kaedah permainan dan kuiz kerana ianya sesuai dengan jiwa murid-murid yang suka bermain selain memastikan objektif pengajaran mudah dicapai. Guru mempamerkan senarai perkara-perkara yang termasuk dalam *sunat ab'ad*, *sunat haiiah* dan perkara-perkara lain yang tidak berkaitan di papan putih. Guru meminta wakil murid daripada kumpulan masing-masing ke hadapan untuk memilih dan menyalin semula perkara yang termasuk dalam kedua-dua sunnat tersebut. Kumpulan perempuan mewakili *sunat ab'ad* dan kumpulan lelaki mewakili *sunat haiiah*.

Suasana kelas menjadi ceria dan murid-murid berlumba-lumba untuk menyiapkan tugas kumpulan mereka. Walaupun keadaan kelas menjadi agak bising, tetapi keadaan masih terkawal dan tidak mengganggu kelas-kelas yang berdekatan kerana pintu dan tingkap kelas tertutup. Murid-murid kelihatan begitu gembira dan seronok belajar di samping dapat menggunakan alatan canggih. Kumpulan yang dapat menjawab dengan betul mendapat hadiah sebatang pensel setiap seorang. Penghargaan diberikan sebagai galakan kepada murid atas kesungguhan, semangat dan kerjasama yang diberikan. Namun menurut guru berkenaan, penghargaan tidak diberikan setiap kali beliau masuk mengajar kerana ia tidak bagus untuk perkembangan murid. Ia boleh menyebabkan murid akan melakukan aktiviti dan hanya mahu belajar hanya jika ada hadiah. Konsep ikhlas dan tanggungjawab menuntut ilmu sebagai satu amanah sebagai sorang muslim tidak dapat diterapkan dalam jiwa murid-murid jika mereka dididik sedemikian rupa. Sebelum sesi PdP selesai, guru meminta semua murid membuka buku teks di dalam E-Book masing-masing untuk latihan dan kerja rumah.

Temubual yang dijalankan oleh penulis bersama dua orang guru Pendidikan Islam di SKTK¹⁸⁵ mendapati selain murid seronok belajar, guru juga gembira dan bersemangat mengajar di *virtual class*. Ia bukan sekadar satu pembaharuan dalam kaedah pengajaran tetapi satu lonjakan paradigma dalam sistem pendidikan. Guru juga dapat menambah ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi dan multimedia. Para guru diberi pendedahan ringkas mengenai tatacara pengendalian *virtual class* yang telah disampaikan oleh pegawai EIO sekolah. Kursus dan penerangan ringkas memerlukan kepada guru meneroka dan belajar sendiri untuk penguasaan dan kemahiran yang lebih mantap. Kemahiran amat perlu bagi setiap guru yang mengendalikan *virtual class* memandangkan waktu PdP yang diperuntukkan di dalam jadual sekolah kebangsaan hanyalah 30 minit bagi satu masa. Jika guru tidak mempunyai kemahiran mengendalikan komputer, papan sesentuh dan sebagainya, masa pengajaran akan berlalu begitu sahaja. Objektif yang digariskan tidak tercapai, keadaan kelas yang tidak terkawal disebabkan tidak ada aktiviti yang dijalankan. Akhirnya, PdP tidak dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang di dalam buku rekod PdP.

Kajian juga mendapati, *virtual class* dapat mengurangkan kadar ponteng murid ke sekolah¹⁸⁶ dan meningkatkan minat murid mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Murid lebih gembira dan teruja berada di dalam kelas maya berbanding kelas biasa¹⁸⁷. Selain itu, pengajaran di kelas maya yang menggunakan peralatan multimedia secara interaktif ini dapat menghubungkan terus *smart board* ke talian internet dan E-Book murid-murid. Oleh itu, murid-murid boleh berinteraksi dengan guru secara *online* bukan sekadar di dalam kelas dan waktu persekolahan, malah murid-murid yang mempunyai kemudahan internet di rumah dapat berhubung dan menyiapkan tugas yang diberikan serta menghantar tugas melalui internet. Ia merupakan satu kemajuan yang

¹⁸⁵ Suhana binti Sapie dan Nurul Ezzah binti Abidin Sulong (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Kalong, Kemaman), dalam temubual dengan penulis, 20 MEI 2015.

¹⁸⁶ Suriati Ali, "*Sasar Kelas Maya di Semua Sekolah*," <http://teganukita.blogspot.com>, 28 Mac 2012

¹⁸⁷ Ibid.

baik dalam proses pendidikan. Selain guru mahir dalam bidang multimedia dan pengajaran masing-masing, murid juga secara tidak langsung memperolehi dua bidang ilmu iaitu bidang agama dan bidang teknologi dan maklumat. Kedua-dua bidang ini amat penting dalam proses perkembangan seorang muslim dalam usaha mempersiapkan diri menghadapi era globalisasi yang penuh dengan mehnah dan cabaran.

Beberapa kelebihan dapat dilihat dalam sistem pembelajaran kelas maya. Di antaranya ialah, proses PdP menjadi lebih menarik, fleksibel, interaktif dan lebih praktikal. Murid lebih mudah belajar dalam suasana yang tidak bosan kerana dapat mengakses dan melakukan sendiri aktiviti-aktiviti semasa proses PdP. Berdasarkan laporan awal pada tahun mula diperkenalkan kelas maya iaitu pada tahun 2011 mendapati murid-murid Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Kuala Terengganu yang terlibat dengan kelas maya, mereka begitu bersemangat belajar secara 'online' setelah program E-Book di kelas maya diperkenalkan.¹⁸⁸ Sebagai contoh, bagi PdP amali solat dan wudhuk, murid-murid boleh belajar secara 'live' bagaimanakah cara menunaikan solat dan mengambil wudhuk dengan betul dan boleh terus mempraktikkannya jika dibandingkan hanya dengan melihat gambar di dalam buku teks. Begitu juga PdP al Quran dapat dilaksanakan dengan lebih mudah. Sekiranya guru meminta murid membuat kerja sekolah, murid dapat melakukannya di luar waktu pembelajaran tersebut samaada mengakses internet di sekolah mahupun di rumah.

Guru-guru menggabungkan kaedah PdP pendidikan Islam dengan kaedah konvensional. Tinjauan penulis mendapati, semasa sesi pengajaran, guru menggunakan bahan-bahan yang telah disimpan di komputer guru dan jaringan internet. Contoh jaringan laman sesawang yang digunakan ialah <https://www.youtube.com/watch?v=WFZYqWWo49c>. Kelebihan pembelajaran di kelas maya, murid dapat mendengar dan melihat secara terus perlakuan secara tiga dimensi

¹⁸⁸ *Ibid.*

berbanding gambar-gambar di dalam buku teks. Selain itu, pembelajaran juga boleh berlaku di luar bilik darjah tanpa guru. Murid boleh menerokai sendiri bahan-bahan daripada internet sebagai aktiviti pengayaan dan pengukuhan di rumah.

2.7.4 Kaedah PdP Pendidikan Islam Bagi Sekolah yang Tidak Mempunyai Kelas Maya

Penulis telah melakukan tinjauan dan temubual dengan beberapa orang guru Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah kebangsaan di daerah Kemaman. Antara kaedah pengajaran yang digunakan oleh kebanyakan guru Pendidikan Islam tahap dua adalah seperti berikut:

a) Syarahan

Syarahan merupakan kata terbitan daripada perkataan 'syarah'. Ianya membawa maksud¹⁸⁹ keterangan, huraian dan penjelasan. Oleh itu, syarahan ialah ceramah, pidato dan ucapan. Kaedah syarahan banyak digunakan di pusat-pusat pengajian tinggi dalam jumlah murid yang ramai. Menurut Musa Daia (1992), tujuan kaedah ini adalah untuk menyampaikan sesuatu pengajaran kepada murid-murid supaya¹⁹⁰:

1. Merangsangkan murid
2. Menjelaskan dan membuat rumusan pelajaran.
3. Membuat penelitian dan ulangkaji.
4. Mengembangkan isi pelajaran.
5. Menyampaikan maklumat yang telah dirancang.

Di dalam tajuk rukun-rukun solat, silibus tahun 4 pendidikan Islam bab ibadah, guru menggunakan kaedah syarahan bagi menerangkan kepada murid erti rukun solat, syarat-

¹⁸⁹ *Kamus dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1333, entri "syarah".

¹⁹⁰ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, 197

syarat wajib dan syarat-syarat sah solat. Ianya sesuai digunakan kerana isi pelajaran tersebut tidak dapat digambarkan dengan cerita, simulasi dan sebagainya. Ianya adalah fakta yang perlu diyakini dan diimani oleh orang Islam. Guru juga telah menerangkan kepada para murid hikmah pensyariatan solat kepada manusia dan mengapa ianya menjadi rukun Islam yang kedua. Hikmah pensyariatan perlu difahamkan kepada para murid supaya murid bukan hanya sekadar tahu dan faham mengenai solat tetapi yang lebih penting daripada itu adalah objektif daripada pembelajaran solat tersebut bagi seorang individu muslim adalah dari segi amali dan penghayatan ibadah tersebut. Murid perlu jelas mengapa orang Islam perlu solat dan solat di dalam Islam berbeza daripada agama lain. Daripada Aisyah RA :

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُومُ مِنَ اللَّيْلِ ضَعْفَ يَتْفِطِرُ قَدَمَاهُ فَقَالَتْ عَائِشَةُ لَمَّا تَمَّتَ مِنْهُ
فَأَحَبُّ أَنْ أَكُونَ صِدْقًا قَالَ . هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَقَدْ فَخِرَ اللَّهُ بِكَ مَلَقَهُمْ مَنْ فِيكَ وَمَلَأَ خَيْرَ
شُكْرًا؟

Terjemahan: “Rasulullah SAW menunaikan solat hingga bengkok kedua kaki Baginda. Dikatakan kepada baginda, apakah sebab kamu menyusahkan diri kamu ini, sedangkan kamu telah diampunkan dosa yang telah lepas dan yang akan datang. Berkata Baginda SAW, apakah tidak aku menjadi hamba yang bersyukur.”¹⁹¹

Hadis ini menunjukkan kesungguhan ibadah Rasulullah SAW dan ianya dapat memberi galakan kepada umat Islam untuk turut bersungguh-sungguh dalam ibadah. Selain itu, pensyariatan solat juga melahirkan kesyukuran kita kepada Allah Taala bukan sekadar mengucapkan kalimah ‘alhamdulillah’¹⁹².

Berdasarkan tinjauan selama setengah jam di dalam kelas, penulis mendapati 80 peratus murid faham mengapa orang Islam perlu menunaikan solat. Walaubagaimanapun,

¹⁹¹ Hadis riwayat Imam Muslim bin Hujjaj Abu Hasan Al Qusyairi An Naisaburi, Kitab Sohih Muslim, Bab 4 No hadis 2820 Bab Al Ikthar Al ‘A’mal

¹⁹² Imam At-Tirmizi huraian Ahmad Adnan Fadzil, *Kenali Rasul Kita Muhammad SAW Menyingkap dan Mengenal Keperibadian & Cara Hidup Insan Mulia*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2014),471

apa yang membimbangkan para guru adalah murid faham mengapa perlu menunaikan solat tetapi hanya melakukannya di sekolah sahaja pada waktu solat fardhu zohor. Faktor keluarga dan diri murid itu sendiri memainkan peranan penting bagi menentukan sama ada dia dapat menunaikan solat ataupun tidak jika tidak diarahkan oleh sesiapa. Ianya merupakan satu cabaran besar bagi seorang guru untuk memastikan murid solat walaupun semasa berada di rumah dan ianya di luar kemampuan seorang guru.

Kaedah syarahan perlu diselang selikan dengan teknik penyoyal dua hala sama ada guru kepada murid atau murid kepada guru. Guru perlu bijak memahami situasi dan keadaan murid kerana kebiasaannya kaedah syarahan yang lama boleh menyebabkan murid menjadi bosan terutama bagi murid hiperaktif. Menurut teori kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner (1983) di dalam bukunya "Gardner, Frames of Mind"¹⁹³ beliau telah menyenaraikan lapan kecergasan yang terdapat pada seseorang. Tahap kecergasan tersebut adalah berbeza dan ianya boleh ditingkatkan dengan pendidikan ataupun melalui aktiviti yang sesuai. Guru yang bijak memahami situasi dan kondisi muridnya dapat menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai dan tidak statik kepada satu cara sahaja.

b) Cerita

Kaedah bercerita merupakan kaedah yang selalu digunakan oleh para guru pendidikan Islam dan ianya boleh menarik minat para murid semasa sesi pembelajaran berjalan. Penceritaan menggunakan pergerakan, mimik muka dan bahasa untuk melontarkan idea dan merangsang imaginasi pendengar. Sebagai contoh, pendidikan Islam tahun 4 di dalam bab ibadah tajuk bersuci daripada najis *mukhaffafah* (ringan), ustazah Rusita telah

¹⁹³ Yuvarani a/p Subramaniam, "Teori Perkembangan Manusia: Teori Kecerdasan Pelbagai", laman sesawang [slideshare.net](http://www.slideshare.net/yuvaranisubramaniam/penulisan-akademik-pkk=1), dicapai 28 Julai 2015, <http://www.slideshare.net/yuvaranisubramaniam/penulisan-akademik-pkk=1>

menggunakan cerita Rasulullah SAW bermain bersama cucu Baginda iaitu Hasan dan Husin. Pernah cucu Baginda naik ke belakang semasa Baginda sedang sujud. Seorang murid telah bertanya, adakah bayi pada zaman dahulu sudah memakai lampin pakai buang? Soalan murid tersebut telah dijawab oleh guru dengan mengaitkan isi pelajaran dengan menggunakan teknik soal jawab kepada para murid, siapakah di kalangan kamu yang tahu bagaimanakah cara kita membersihkan air kencing bayi lelaki yang berumur 2 tahun ke bawah? Kaedah ini amat menarik minat para murid dan murid menunggu jawapan daripada guru mereka.

c) Soal jawab

Kaedah soal jawab merujuk kepada interaksi lisan di antara guru dan murid. Kaedah ini boleh merangsang pemikiran dan mencerdaskan murid serta fokus pada tajuk perbincangan¹⁹⁴. Al quran juga banyak berbicara dengan menggunakan kaedah soal jawab. Antaranya ialah

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُوقُوا قُلْ مَا أَقْتَمُ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ الرِّجَالِ وَزِينَةَ النِّسَاءِ وَالْمَرْيَدِ
وَمَلْفَئِحُوا مَنْ حَرَّمَ أَنْ يَخْبُوا مِنْ رَبِّهِمْ

Al-Baqarah 2:215

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." Dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.

Dalam sukatan Pendidikan Islam tahun 5 tajuk tayammum, guru menggunakan kaedah soal jawab semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Antara soalan yang diutarakan kepada

¹⁹⁴ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi* ,200

murid ialah pernahkah di rumah kamu tidak ada air? Bagaimanakah cara kamu mengambil wudhuk jika bekalan air tiada? Siapakah di antara kamu yang tahu cara-cara bertayammum?

d) Lakonan/simulasi

Bidang pendidikan sentiasa melalui proses penambahbaikan, perubahan dan kemajuan. Ianya disebabkan oleh kepesatan teknologi, kemunculan teknik pembelajaran yang baru, penciptaan alat-alat yang canggih serta minat seseorang murid¹⁹⁵. Di antara alatan canggih yang digunakan masa kini dalam bidang pendidikan adalah alat perakam dan alat video. Ianya digunakan semasa proses pengajaran menggunakan kaedah lakonan. Kaedah ini dapat menarik minat murid kerana murid terlibat secara langsung dalam aktiviti serta dapat memberi sumbangan, idea dan tenaga. Ini dapat mengelakkan rasa bosan kerana berlaku komunikasi dua hala dalam sesi pembelajaran. Di antara kelebihan dan kebaikan kaedah lakonan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah:

- i) Mengurangkan tekanan kepada murid. Objektif pembelajaran dapat difahami dengan mudah tanpa merasa tertekan.
- ii) Lakonan memberikan satu gambaran dan wajah baru dalam minda murid tentang keseronokan belajar. Ia dapat melahirkan suasana pembelajaran yang tenang dan menyeronokkan.
- iii) Mengurangkan jurang perbezaan murid aktif dan lemah, cerdik dan lembam.

Dalam bab ibadah tajuk solat, unit sunat ab'ad dan sunat haiyah bagi sukatan mata pelajaran murid tahun 5, guru telah meminta murid membuat sebuah lakonan sebuah keluarga sedang menunaikan solat berjemaah. Dalam lakonan tersebut, ayah yang

¹⁹⁵Azani Ismail & Azman Che Mat, "Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab", laman sesawang *GEMA Online tm Journal of Language Studies*, dicapai 29 Julai 2015, http://journalarticle.ukm.my/3278/1/pp_325_337.pdf = 328

menjadi imam terlupa membaca doa qunut dalam solatnya, maka imam melakukan sujud sahwah sebagai ganti. Aktiviti ini secara langsung dapat memberi kefahaman kepada murid berbanding guru hanya memberi syarahan kepada para murid.

e) Latih tubi

Kaedah latih tubi bermaksud latihan/ ajaran yang diulang-ulangi bertujuan bagi memastikan orang yang diajar atau dibimbing itu benar-benar mahir¹⁹⁶. Sebagai contoh, guru dalam tajuk solat bagi tajuk 5 bab sunat ab'ad, antara isi pelajarannya adalah bacaan doa qunut. Guru menggunakan kaedah latih tubi dengan membaca bacaan doa qunut secara berulang-ulang. Proses pengulangan ini dapat merangsang minda murid dalam proses mengingat bacaan tersebut, Latih tubi merupakan kaedah yang sering digunakan dan boleh dikatakan berlaku dalam setiap sesi pengajaran.¹⁹⁷ Kaedah latih tubi dalam Islam juga mempunyai sejarah yang besar bilamana malaikat Jibril a.s mengajar Baginda SAW ayat alquran yang pertama (ayat satu hingga lima surat al'alaq)¹⁹⁸. Bermula dengan sebutan oleh malaikat Jibril a.s, Rasulullah SAW tidak dapat menyebut. Sehingga kali ketiga, bacaan tersebut dibaca berulang sehingga kali ketiga Rasulullah SAW dapat membacanya.

f) Hafalan

Hafalan berasal daripada perkataan bahasa arab 'hafaz' yang bermaksud sesuatu yang sudah masuk dalam ingatan tanpa perlu melihat buku atau kitab. Ianya melibatkan ingatan seseorang secara langsung dan dianggap penting untuk menguat dan mengembangkan ingatan. Melalui kaedah menghafal, apa yang dipelajari akan dikeluarkan semula samaada secara lisan atau bertulis dengan lengkap.¹⁹⁹ Oleh itu, ianya

¹⁹⁶ *Kamus dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 772,entri "latih".

¹⁹⁷ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam falsafah, Pedagogi dan Metodologi*,218

¹⁹⁸ *Ibid.*,218

¹⁹⁹ *Ibid.*,195

memerlukan kesungguhan dan ketekunan murid untuk cuba mengingati apa yang dihafal. Di dalam Islam, hafalan kebiasaannya merujuk kepada ayat-ayat suci al-Quran. Di dalam bab ibadah tahun 5, tajuk azan dan iqamah²⁰⁰, guru menggunakan kaedah hafalan untuk mengajar murid-murid lafaz azan dan iqamah setelah diperdengarkan laungan azan dan iqamah dengan menggunakan radio. Setelah diulang beberapa kali, guru memanggil beberapa murid lelaki dan perempuan untuk memperdengarkan azan dan iqamah. Murid-murid lain menjawab azan dan iqamah. Kaedah ini sesuai digunakan kerana lafaz azan dan iqamah itu memerlukan kepekaan dan fokus murid untuk menghafal. Kaedah pengulangan hafalan dan latih tubi dapat menguatkan ingatan murid.

g) Tunjuk Cara.

Kaedah tunjuk cara bermaksud melakukan sesuatu dengan tujuan untuk memberitahu cara-cara membuatnya²⁰¹. Sebagai contoh, dalam bab ibadah tajuk tayammum²⁰² bagi murid-murid tahun 5, guru menunjukkan kepada para murid cara-cara bertayammum. Selepas itu, murid-murid mengikut satu persatu cara yang ditunjukkan oleh guru. Kaedah tunjuk cara/ simulasi merupakan kaedah yang banyak digunakan guru pendidikan Islam dalam bidang ibadah. Ini kerana, bidang ibadah banyak melibatkan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan amali dan praktikal seperti wudhuk dan solat. Tahap dua pendidikan Islam sememangnya menekankan ibadah solat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Bagi memastikan kaedah ini berjaya dilaksanakan, guru seharusnya membuat persediaan awal menyediakan peralatan jika berkaitan dan kreatif menarik minat murid untuk sama-sama melakukan aktiviti tersebut. Jika aktiviti

²⁰⁰ Mohamad syahmi harun, "RPT thn 5 Penggal 2", laman sesawang mohamadsyahmiharun.blogspot.com, dicapai 4 Ogos 2015, <http://mohamadsyahmiharun.blogspot.com/2014/05/muat-turun-rancangan-pelajaran-tahunan.html> =3

²⁰¹ *Kamus dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1495, entri "tunjuk".

²⁰² Kementerian Pendidikan Malaysia, "Rancangan Tahunan Pendidikan Islam" laman sesawang <http://www.moe.gov.my>, 9

melibatkan sebahagian kecil murid atau tidak menarik, ia akan menyebabkan kelas tidak terkawal dan objektif P&P tidak tercapai.

Kelebihan kaedah tunjuk cara ialah

- a) Ia merupakan kaedah pembelajaran yang berlainan dan kreatif serta dapat menarik perhatian murid. Oleh itu, murid tidak berasa bosan.
- b) Dapat memahamkan murid apa yang ingin dipelajari melalui gerak kerja dan amali yang ditunjukkan serta memudahkan murid mempraktikkannya.
- c) Konsep dan prinsip pembelajaran dapat difahami dengan lebih mudah.
- d) Meningkatkan daya ingatan dan keyakinan murid.
- e) Menggunakan deria penglihatan, pendengaran, sentuhan, pemikiran dan psikomotor sekaligus. Dapat menjadikan murid lebih aktif, cergas dan cerdas.

Kajian yang dibuat oleh penulis mendapati ramai guru Pendidikan Islam masih menggunakan kaedah konvensional berbanding kaedah moden dalam pengajaran mereka. Guru masih banyak menggunakan '*chalk and talk*' berbanding alatan moden yang dibekalkan di sekolah. Berdasarkan tinjauan dan temubual yang dijalankan oleh penulis, guru-guru yang beumur 40 tahun ke atas, lebih selesa dan berpuas hati dengan kaedah konvensional berbanding menggunakan alatan moden seperti komputer, internet, lcd dan sebagainya. Terdapat pelbagai alasan guru mengapa mereka lebih suka menggunakan kaedah konvensional. Antaranya ialah kurangnya kemahiran menggunakan komputer terutamanya dan cara mengakses internet yang kadang-kadang mengambil masa yang agak lama. Tambahan pula, jaringan *wifi* di sekolah yang kadang-kadang bermasalah, membantutkan proses pengajaran guru. Selain itu, jika murid menggunakan E-Book, guru terpaksa memastikan dan menunggu setiap daripada murid dapat membuka buku teks atau laman sesawang serta boleh mengikuti pembelajaran dan mengakses internet seperti

yang dikehendaki oleh guru. Bagi murid yang sudah biasa menggunakan komputer atau mengakses internet di rumah, ianya tidak memberikan masalah berbanding murid yang tidak atau kurang mendapat pendedahan tersebut, keadaan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada faktor kegagalan objektif pembelajaran yang hendak dicapai pada hari tersebut. Bagi pendidikan Islam tahap dua sekolah rendah, satu masa pengajaran dan pembelajaran adalah tiga puluh minit. Masa yang sedikit ini memerlukan kepada perancangan yang rapi oleh guru agar objektif yang ingin dicapai berhasil. E-Book yang rosak, faktor bateri yang tidak tahan lama, menyumbang kepada faktor terganggunya proses pembelajaran dan pengajaran.

Universiti Malaysia

BAB TIGA

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

3.1 Pengenalan

Bab tiga menjawab objektif kajian ke dua iaitu mengenal pasti pencapaian murid dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun berbantuan E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam.

Bab ini merupakan bab menganalisis, menghuraikan dan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada responden. Penganalisaan data dibuat berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada markah peperiksaan pertengahan dan akhir tahun para murid terlibat (kuantitatif) dan data yang diperolehi secara temu bual dan pemerhatian penulis semasa berada di kawasan kajian iaitu di Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong dan Sekolah Kebangsaan Payoh (kualitatif).

3.2 Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan 183 orang murid yang melibatkan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Telok Kalong (SKTK) yang menggunakan E-Book di kelas maya dan Sekolah Kebangsaan Payoh (SKP) yang menggunakan E-Book sahaja tanpa kelas maya. Kajian ini melibatkan murid-murid tahun 4 dan 5 pada tahun 2015 yang telah mendapat kemudahan E-Book pada tahun 2014 dan 2013. Kesemua murid berbangsa Melayu beragama Islam. Oleh itu, kesemuanya mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam. Latar belakang pekerjaan dan kadar pendapatan keluarga bagi murid-murid di kedua-dua buah sekolah juga tidak jauh beza. Bagi ibu bapa murid SKTK, rata-rata bapa mereka bekerja sendiri atau menjadi nelayan kerana kedudukan geografi berhampiran dengan laut. Bapa murid-murid SKP pula majoritinya bekerja di ladang sebagai peladang atau

pemandu lori ladang serta bekerja sendiri. Ianya menjadi salah satu sebab mengapa penulis memilih kedua buah sekolah tersebut sebagai bahan kajian.

3.3 Dapatan Kajian dan Analisis

Jadual 3.1. Bilangan Murid Berdasarkan Sekolah

Sekolah	Bilangan
SK Telok Kalong	98
SK Payoh	85
Jumlah	183

Berdasarkan Jadual 3.1, data menunjukkan bilangan murid di kedua-dua buah sekolah juga tidak jauh beza. Murid tahun 4 dan 5 di SKTK adalah seramai 98 (53.6%) dan murid SKP seramai 85 orang (46.4%). Jumlah keseluruhan sampel murid adalah seramai 183 orang (100%).

Jadual 3.2. Pembahagian Murid Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan
Lelaki	99
Perempuan	84
Jumlah	183

Jadual 3.2 menunjukkan responden kajian ini terdiri daripada 99 murid lelaki (54.1%) dan 84 murid perempuan (45.9%), dengan jumlah sampel 183 murid. Penulis mengambil kira dapatan kajian mengikut jantina kerana ia mempunyai perkaitan terhadap pencapaian murid.

Menurut data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia²⁰³ mengenai keputusan peperiksaan awam dari tahun 1996-1999 menunjukkan murid perempuan memperoleh prestasi akademik yang lebih baik berbanding murid lelaki dalam peperiksaan awam di peringkat UPSR, PMR dan SPM dalam kebanyakan mata pelajaran terutamanya Sains,

²⁰³ Zalizan Mohd Jelas et al., "Prestasi Akademik Mengikut Gender", Jurnal Pendidikan 30 (2005), 94-95.

Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Matematik. Ianya mempunyai kaitan dengan gaya pembelajaran murid perempuan yang lebih positif dan keseriusan murid perempuan terhadap kerja-kerja sekolah berbanding murid-murid lelaki.²⁰⁴ Kajian ini akan melihat sama ada keadaan tersebut berlaku atau tidak kepada tahap pencapaian para murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan E-Book di kelas biasa dan kelas maya.

Jadual 3.3. Pecahan Sampel Murid Berdasarkan Tahun Pembelajaran

Darjah	Bilangan
4	118
5	65
Jumlah	183

Jadual 3.3 menunjukkan responden terdiri daripada 118 orang murid dari tahun empat (64.5%) dan 65 murid dari tahun lima (35.5%). Jumlah 183 merangkumi jumlah murid di kedua-dua buah sekolah.

Jadual 3.4. Pecahan Penyerahan E-Book Mengikut Tahun Pembelajaran

Tahun	Bilangan
2013	47
2014	136
Jumlah	183

Jadual 3.4 menunjukkan jumlah E-Book yang diperolehi para murid pada tahun 2013 dan 2014 bagi kedua-dua buah sekolah. Pada tahun 2013, hanya 47 (25.7%) orang murid yang mendapat E-Book berbanding 136 (74.3%) orang pada tahun 2014. Peningkatan ini merujuk kepada peningkatan jumlah murid pada tahun yang berkenaan.

Jadual 3.5. Bilangan Murid-Murid yang Menggunakan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya

Kumpulan	Bilangan
E-Book Sahaja	85
E-Book dan Kelas Maya	98
Jumlah	183

²⁰⁴ *Ibid.*

Jadual 3.5 menunjukkan bahawa 46.4% (n = 85) responden menggunakan E-Book sahaja semasa proses PdP, manakala 53.6% (n = 98) menggunakan kedua-dua e-Pembelajaran iaitu E-Book di kelas maya. Keputusan ini merujuk kepada jumlah murid yang berada di kedua sekolah berkenaan yang melibatkan keseluruhan murid tahun empat dan lima.

Jadual 3.6. Markah Purata Perbezaan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun

Kumpulan	Markah Pertengahan Tahun (%)
E-Book Sahaja	51.44±20.44
E-Book dan Kelas Maya	54.62±22.16

Jadual 3.6 menunjukkan bahawa markah Peperiksaan Pertengahan Tahun menggunakan E-Book sahaja adalah (51.44± 20.44) berbanding markah Peperiksaan Pertengahan Tahun menggunakan E-Book dan kelas maya adalah (54.62± 22.16) di kedua-dua buah sekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa markah peperiksaan pertengahan tahun dengan kaedah pembelajaran menggunakan E-Book sahaja adalah lebih rendah berbanding penggunaan E-Book dan kelas maya. Ujian-t sampel bebas telah dijalankan bagi membandingkan markah pertengahan tahun bagi sekolah yang menggunakan E-Book sahaja berbanding E-Book dan kelas maya. Tiada perbezaan yang signifikan terhadap markah peperiksaan pertengahan tahun bagi sekolah yang menggunakan E-Book sahaja (M=51.44, SD=20.44) berbanding E-Book dan kelas maya (M=54.62, SD=22.16) keadaan; $t(181)=-1.01$, $p=0.090$. Keputusan ini menunjukkan penggunaan E-Book sahaja berbanding E-Book dan kelas maya tidak memberi kesan kepada peningkatan pencapaian markah murid-murid dalam peperiksaan pertengahan tahun. Oleh itu, sama ada murid-murid menggunakan E-Book sahaja atau E-Book dan kelas maya, markah pencapaian tersebut masih boleh meningkat.

Temu bual yang dibuat oleh penulis bersama salah seorang daripada guru Pendidikan Islam di SKTK menyatakan bahawa, minat yang mendalam dan pendedahan dunia masakini terhadap dunia siber telah menjadikan murid semakin minat untuk belajar menggunakan kemudahan teknologi maklumat. Malah kedatangan murid yang tidak suka hadir ke sekolah, telah hadir ke sekolah semata-mata ingin belajar di kelas maya menggunakan E-Book.²⁰⁵ Ia merupakan satu lonjakan paradigma dalam dunia pendidikan. Murid bersemangat untuk belajar dan hadir ke sekolah. Keadaan ini memberi kesan positif kepada pencapaian murid dalam peperiksaan dan peratus kehadiran murid ke sekolah. Murid-murid juga lebih aktif dan tidak hanya berada di tempat duduk masing-masing di kelas maya kerana mereka perlu bergerak ke hadapan kelas untuk menggunakan *smartboard*²⁰⁶. Selain itu, PdP berlaku secara dua hala dan berpusatkan murid.

Jadual 3.7. Markah Purata Perbezaan E-Book Sahaja Berbanding E-Book dan Kelas Maya dalam Peperiksaan Akhir Tahun

Peperiksaan Akhir Tahun	
Kumpulan	Markah Akhir Tahun (%)
E-Book Sahaja	58.99±22.28
E-Book dan Kelas Maya	66.20±19.38

Jadual 3.7 menunjukkan bahawa markah Peperiksaan Akhir Tahun menggunakan E-Book sahaja adalah (58.99±22.28) berbanding markah Peperiksaan Akhir Tahun menggunakan E-Book dan kelas maya adalah (66.20± 19.38) di kedua-dua buah sekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa markah Peperiksaan Akhir Tahun dengan kaedah pembelajaran menggunakan E-Book sahaja adalah lebih rendah berbanding penggunaan

²⁰⁵ Suriati Ali, “*Sasar Kelas Maya di Semua Sekolah*”, laman sesawang *teganukita*, dicapai 26 Ogos 2014, <http://teganukita.blogspot.com>

²⁰⁶ Nurul Ezzah bt Abidin Sulong (Guru Bahasa Arab dan Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong, Kemaman), dalam temubual penulis, 19 Januari 2015

kedua-dua E-Book dan kelas maya. Ujian-t sampel bebas telah dijalankan bagi membandingkan markah peperiksaan akhir tahun bagi sekolah yang menggunakan E-Book sahaja berbanding E-Book dan kelas maya. Tiada perbezaan yang signifikan terhadap markah peperiksaan akhir tahun bagi sekolah yang menggunakan E-Book sahaja ($M=58.99$, $SD=22.28$) berbanding E-Book dan kelas maya ($M=66.20$, $SD=19.38$) keadaan, $t(181)=-2.34$, $p=0.237$. Keputusan ini menunjukkan penggunaan E-Book sahaja berbanding E-Book dan kelas maya tidak memberi kesan kepada peningkatan pencapaian markah murid-murid dalam peperiksaan akhir tahun. Sama ada murid-murid menggunakan E-Book sahaja atau E-Book dan kelas maya, markah pencapaian tersebut masih boleh meningkat.

Jadual 3.8. Perbezaan Markah Pertengahan dan Akhir Tahun

Peperiksaan	Perbezaan Markah Pertengahan dan Akhir Tahun (%)
Markah Pertengahan Tahun	53.14±21.38
Markah Akhir Tahun	62.85±21.03

Jadual 3.8 menunjukkan bahawa markah min Peperiksaan Pertengahan Tahun adalah ($53.14±21.38$) berbanding dengan markah min Peperiksaan Akhir Tahun adalah ($62.85±21.03$) yang diperolehi di kedua-dua buah sekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa markah Peperiksaan Akhir Tahun adalah lebih tinggi dan berlaku peningkatan berbanding markah Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi kedua-dua buah sekolah tersebut. Ujian-t berpasangan telah dijalankan bagi membandingkan markah peperiksaan pertengahan tahun dengan markah peperiksaan akhir tahun bagi kedua-dua buah sekolah. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap markah peperiksaan pertengahan tahun ($M=53.14$, $SD=21.38$) dengan markah peperiksaan akhir tahun bagi kedua-dua buah sekolah ($M=62.85$, $SD=21.03$) keadaan $t(182)=-9.13$, $p=0.000$. Keputusan ini menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan E-Book kepada murid-murid sama

ada di kelas maya atau tidak di kedua-dua buah sekolah memberi kesan dan dapat meningkatkan nilai pencapaian markah murid dalam peperiksaan.

Antara faktor peningkatan prestasi markah Peperiksaan Akhir Tahun ialah:

- i) Sukatan pembelajaran yang sesuai dengan umur murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Kurikulum Pendidikan Agama Islam dan Kurikulum Pendidikan Moral telah bertungkus lumus merancang, membina, mengkaji dan membuat sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam sesuai dengan kohort umur murid dan persekitaran kehidupan rakyat Malaysia²⁰⁷. Ia bukanlah merupakan perkara yang mudah untuk dihasilkan. Para guru diamanahkan melaksanakan apa yang telah dibekalkan oleh pihak KPM. Sukatan yang sesuai amat penting bagi memastikan murid dapat menerima dan memahami sukatan, seterusnya dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian terutama yang berkaitan dengan ibadah.

- ii) Kesedaran murid untuk mendalami ilmu agama.

Sejak kebelakangan ini, para ibu bapa amat menekankan pendidikan agama dalam keluarga²⁰⁸. Ianya memberi kesan kepada para anak untuk bersungguh-sungguh belajar agama sama ada di sekolah harian atau di kelas-kelas kafa. Kesedaran ini memberi satu bonus buat guru-guru Pendidikan Islam untuk menarik minat para murid mempelajari Pendidikan Islam tambahan dengan terlaksanakan program E-Book di kelas maya. Ramai ibu bapa yang menghantar

²⁰⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)" (Artikel, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, 2013).

²⁰⁸ Rosalwani Che Soh dan Azura Mohamad, "Pondok Lahirkan Ramai Generasi Ulama", laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 8 November 2017, <http://www.sinarharian.com.my/rencana/pondok-lahirkan-ramai-generasi-ulama-1.754168>.

anak ke sekolah-sekolah agama apabila anak mereka meneruskan pembelajaran ke sekolah menengah.

- iii) Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang terkini mengikut kehendak dan minat murid.

Peredaran zaman telah merubah rutin harian dalam diri seseorang manusia. Begitu juga bagi kanak-kanak. Dunia tanpa sempadan telah menjadikan diri mereka sinonim dengan perubahan teknologi tersebut. Selain anugerah Allah SWT dikurniakan akal yang cerdas, suasana persekitaran yang kondusif serta ibu bapa yang memainkan peranan dan tanggungjawab mendidik, kemenjadian murid-murid juga banyak bergantung kepada kaedah PdP yang digunakan oleh para guru dlm mendalami ilmu pengetahuan. Kaedah konvensional seperti ceramah dan bercerita sudah agak kurang relevan dengan cara dan gaya hidup murid-murid masa kini. Mereka lebih berminat dengan komputer dan internet dan lebih cenderung untuk mencari, meneroka dan belajar dalam keadaan gembira. Kecenderungan ini harus diambil perhatian oleh para guru bagi memastikan objektif PdP dicapai dengan hasil yang maksimum. Namun perlu juga diambil perhatian tentang kawalan dan pemantauan daripada para guru semasa PdP dilaksanakan bagi mengelakkan murid bermain “game” atau melayari dan membuat kerja lain. Temu bual bersama seorang guru di Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Kemaman menyatakan bahawa kaedah PdP di kelas maya dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid dengan syarat mendapat perhatian dan pemantauan daripada guru dan ibubapa.²⁰⁹

- iv) Pembelajaran dua hala yang merangsang murid aktif dan sentiasa berfikir.

²⁰⁹ Puan Rusita bt Ismail(Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Kemaman),dalam temubual penulis, 25 Januari 2015

PdP menggunakan E-book di kelas maya memerlukan murid memberi maklum balas dan sentiasa berfikir. Banyak aktiviti yang dijana memerlukan murid meneroka, memberi maklum balas kepada guru, berbincang sesama rakan dan menggunakan “*smartboard*” di hadapan kelas. Aktiviti sebegini boleh merangsang minda para murid serta mengelakkan para murid bosan dan mengantuk. Menurut Edger Dale²¹⁰, media yang digunakan seperti komputer penting dalam menentukan kejayaan seorang guru memindahkan maklumat dan ilmu kepada anak muridnya. Penggunaan media dapat menarik minat para murid seterusnya memudahkan proses PdP berjalan dengan baik. Para guru seharusnya merujuk “Kon Pengalaman Pembelajaran Dale” untuk memilih bahan BBM yang sesuai bagi tahap murid. Pemerhatian penulis semasa berada di Kelas 5 Al Ghazali mendapati murid aktif dan berebut-rebut untuk menjalankan aktiviti di “*smartboard*” dalam keadaan kelas terkawal dengan pemantauan dan arahan daripada guru.²¹¹ Keadaan ini menunjukkan keberhasilan objektif yang digariskan oleh guru tersebut. Murid belajar dalam suasana gembira dan berkualiti.

- v) Kandungan silibus E-Book adalah sama dengan kandungan buku teks kerana kandungan tersebut diimbas berdasarkan buku teks²¹². Bahan-bahan yang turut dibekalkan ialah *Microsof Office*, Al-Quran digital, kamus, perisian audio dan video, permainan, doa-doa dan beberapa ilmu asas bagi seorang murid²¹³.

Berbanding murid yang menggunakan E-Book dan kelas maya, ianya menjadi

²¹⁰ Cv. Rajawali, *Media Pendidikan Pengertian, Pengembangan dan Manfaatnya* (Jakarta: Pustekkom Dikbud dan CV Rajawali,1986),8.

²¹¹Ustazah Suhana binti Sapie (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong, Kemaman),dalam temubual dan pemerhatian penulis di kelas, 19 Januari 2015

²¹² Nor Aziah Jaafar, ”Pelajar Terengganu guna e-Book”, laman sesawang *Perkhidmatan Pelajaran*, dicapai 27 Mei 2009, <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.my/2009/05/pelajar-terengganu-guna-e-book.html>

²¹³ Nafaidillah Nasir, “Kajian Kes Penggunaan e-book di sekolah di daerah Terengganu”,laman sesawang *Nafaidilah.blogspot.my*, dicapai 13 Disember 2016, <http://nafaidilah.blogspot.com/2010/10/kajian-kes-penggunaan-e-book-di-sekolah.html>

lebih menarik, fleksibel, interaktif dibandingkan dengan media lain. Para guru menjadi fasilitator dan pembelajaran tidak terikat pada satu waktu dan tempat²¹⁴. Bahan-bahan akan lebih mudah diakses daripada internet, melakukan aktiviti di 'smart board', memuat naik bahan-bahan daripada laman sesawang dan melakukan latihan secara terus menerus dalam talian.

vi) Kemahiran menggunakan komputer dan internet dalam kalangan para guru.

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dibuat penulis bersama beberapa orang guru di beberapa buah sekolah di daerah Kemaman mendapati guru-guru yang masih muda yang telah memperolehi diploma pendidikan dalam abad ke-21 ini, telah didedahkan dengan penggunaan mengendalikan komputer, melayari internet dan teknologi-teknologi yang berkaitan berbanding guru Pendidikan Islam sebelumnya. Kelebihan ini menjadikan para guru mudah untuk menjalankan PdP di kelas maya. Ianya berbeza dengan maklum balas daripada para guru yang telah mencapai umur 45 tahun ke atas²¹⁵. Mereka merasakan program E-Book dan kelas maya ini merupakan satu beban kerana beberapa faktor²¹⁶. Antaranya ialah:

- a) Guru tidak diberi pendedahan, taklimat dan kursus khusus untuk program tersebut. Ini kerana, guru perlu mahir dalam menentukan kesesuaian kehendak kurikulum untuk keberhasilan PdP yang berkesan²¹⁷.
- b) Masa agak terhad kerana perlu membuat persiapan penyelenggaraan alat-alat teknikal seperti laptop, lcd, bahan-bahan yang dimuat naik dan sebagainya.

²¹⁴ Arifia Kasasta, "Erti Kelas Maya", laman sesawang *Arka TKJ.blogspot.com*, dicapai 10 Mei 2015, <http://arka-tkj.blogspot.com/2014/11/pengei-2015ertian-keuntungan-dan-kelemahan.html>

²¹⁵ Kaji selidik terhadap para Guru di beberapa sekolah di Daerah Kemaman.

²¹⁶ *Ibid.*

²¹⁷ Azmi Ramli, "Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam P&P, Kursus Multimedia Pendidikan ILDAS", dicapai 27 Mei 2015, <http://www.slideshare.net/AzmiRamli/penggunaan-teknologi-maklumat-dan-komunikasi-ict-dalam-pp?related=1,msl>

Masa yang diperuntukkan bagi setiap mata pelajaran di sekolah rendah ialah 180 minit dalam seminggu²¹⁸. Satu masa hanya diperuntukkan selama 30 minit sahaja.

c) Jaringan internet kadang-kadang bermasalah menyebabkan para murid sukar untuk mendapat dan membuka laman sesawang yang dipelajari. Keadaan ini juga mengakibatkan masa terbuang begitu sahaja. Kesannya para murid menjadi bosan dan kelas menjadi bising kerana tiada tumpuan daripada murid.

d) Bateri E-Book yang mampu untuk digunakan selama satu jam sahaja²¹⁹. Apabila tiba masa untuk digunakan, bateri hampir atau sudah habis kerana murid bermain 'game' di luar waktu PdP iaitu sebelum persekolahan dimulakan dan di waktu rehat. Kemudahan plug yang sedikit di dalam kelas juga menyukarkan keadaan dan menyebabkan PdP terganggu dan banyak masa dihabiskan dengan perkara-perkara berkaitan masalah teknikal.

e) Bebanan tugas guru masa kini menyebabkan guru-guru yang kurang mahir menggunakan kemudahan TMK ini tidak sempat untuk menyiapkan dan menyediakan bahan-bahan PdP di kelas maya. Tugas-tugas pengkeranian dan luar-luar tugas asas sebagai seorang guru menyebabkan guru hilang fokus kepada tugas utama dan masa yang sepatutnya digunakan untuk persediaan bahan BBM dan persediaan pengajaran terganggu. Tambahan pula, jika guru ditugaskan untuk bertugas di luar pejabat, waktu PdP sudah pasti tidak dapat dilaksanakan. Pelbagai program kokurikulum dan ko akademik juga antara faktor waktu PdP tidak dapat dilaksanakan. Walaubagaimanapun, para guru akan mengambil inisiatif untuk menggantikan waktu tersebut pada masa yang berlainan. Kesemua program adalah penting dan baik bagi para murid.

²¹⁸ Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017), Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun, 2016, (KP/KPPM/Jld.2, (22).

²¹⁹ Jabatan Audit Negara Malaysia, "Laporan Ketua Audit Negara, Negeri Terengganu Tahun 2009" (laporan, Ketua Audit Negara, 2009).

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berhasrat untuk melahirkan

”.....insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelekt, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”.

Para guru perlu bijak menyusun masa dan kaedah PdP yang sesuai dan memberi impak yang maksima jika berlaku gangguan pada masa PdP sepatutnya berjalan.

Jadual 3.9. Dapatan Markah Murid Lelaki dan Perempuan

Jantina	Dapatan Markah (%)
Lelaki	105.25±40.83
Perempuan	128.65±34.95

Jadual 3.9 menunjukkan bahawa markah min peperiksaan bagi murid lelaki ialah (105.25± 40.83) berbanding dengan markah min murid perempuan adalah (128.65± 34.95) yang diperolehi di kedua-dua buah sekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa markah peperiksaan yang diperolehi oleh murid lelaki adalah lebih rendah berbanding markah peperiksaan yang diperolehi oleh murid perempuan. Ujian-t sampel bebas telah dijalankan bagi membandingkan markah peperiksaan bagi murid lelaki dan perempuan di kedua-dua buah sekolah. Tiada perbezaan yang signifikan terhadap markah peperiksaan bagi murid lelaki (M=105.25, SD=40.83) dan perempuan (M=128.65, SD=34.95) keadaan $t(181)=-4.12$, $p=0.109$ di kedua-dua buah sekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa penggunaan E-Book sahaja berbanding E-Book dan kelas maya

tidak memberi kesan kepada pencapaian markah murid lelaki atau perempuan di kedua-dua buah sekolah dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun.

Universiti Malaya

BAB EMPAT

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PELAKSANAAN E-BOOK DAN KELAS MAYA BERDASARKAN KEPADA PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM.

4.1 Pengenalan

Bab empat menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan E-Book dan kelas maya berdasarkan kepada pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam. Penulis telah menemu bual beberapa orang guru Pendidikan Islam di daerah Kemaman yang terlibat dengan PdP Pendidikan Islam menggunakan E-Book dan kelas maya. Antara guru yang ditemu bual ialah guru Pendidikan Islam Sek Keb Bukit Mentok 2, Sek Keb Mak Lagam, Sek Keb Bukit Kuang, Sek Keb Bukit Mentok, Sek Keb Teluk Kalong, Sek Keb Pusat dan Sek Keb Chukai. Lingkungan umur guru yang ditemu bual ialah bermula dari lingkungan 29-56 tahun dan terdiri daripada lelaki dan perempuan. 5 orang guru sahaja yang mempunyai kelulusan diploma, STPM dan SPM manakala 24 orang lagi mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Terdapat 4 orang guru opsyen Bahasa Arab mengajar Pendidikan Islam. Ia disebabkan oleh kekurangan guru yang mengajar Pendidikan Islam atau mereka memperoleh ikhtisas Pendidikan dalam Diploma Pendidikan Islam. Walaubagaimanapun, mereka layak dan boleh mengajar Pendidikan Islam kerana semua guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab berada di bawah panitia yang sama, bermesyuarat dan melaksanakan aktiviti panitia yang sama.

Berdasarkan temu bual bertulis yang dilaksanakan, 18 orang mempunyai pengalaman mengajar satu hingga 10 tahun, 2 orang berpengalaman 11 hingga 20 tahun dan seorang lebih daripada 30 tahun. Maklumat mengenai umur ini penting bagi penulis mendapatkan gambaran awal para guru tentang PdP menggunakan E-Book dan kelas

maya. Ini kerana faktor umur mempengaruhi cara PdP dilaksanakan berdasarkan pengalaman para guru. Penggunaan E-Book dan kelas maya merupakan satu inovasi dalam dunia pendidikan. Bagi guru-guru yang mempunyai pengalaman bawah daripada 10 tahun mengajar, mereka telah biasa menggunakan kemudahan teknologi maklumat sejak di zaman pembelajaran mereka lagi. Kemudahan E-Book dan kelas maya bukanlah sesuatu yang membebankan mereka malah menimbulkan minat dan suka dengan kemudahan tersebut diberikan kepada para murid.

Beberapa persoalan yang melibatkan persepsi para guru telah diambil kira bagi melihat persepsi guru terhadap program E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam. Persoalan tersebut merangkumi:

1. Kefahaman tentang apa itu E-Book
2. Kefahaman tentang apa itu kelas maya
3. Bilangan kursus/ taklimat yang pernah dihadiri berkaitan E-Book dan kelas maya.
4. Pelaksanaan E-Book dan kelas maya di dalam kelas.
5. Kesan E-Book di kelas maya
6. Bebanan kepada para guru?
7. Masalah-masalah yang dihadapi semasa PdP pendidikan Islam menggunakan E-Book dan kelas maya berjalan.
8. Cara/ cadangan mengatasi masalah-masalah berkaitan E-Book dan kelas maya dalam PdP Pendidikan Islam.

Penulis telah mengambil inisiatif mengadakan temu bual bertulis dengan mengedarkan borang yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan E-Book dan kelas maya ke beberapa buah sekolah rendah di daerah Kemaman. Borang tersebut ditinggalkan kepada ketua panitia di sekolah-sekolah yang terlibat. Guru-guru diberi masa selama

beberapa hari untuk menjawab soalan tersebut. Semua ketua panitia memberi kerjasama yang baik kepada penulis. Begitu juga guru-guru Pendidikan Islam. Maklum balas tersebut merangkumi semua guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab sama ada yang mengajar tahap satu atau dua, namun guru yang ditemu bual secara lisan tertumpu kepada guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam tahap dua sahaja. Penulis mengambil inisiatif sedemikian bagi memastikan data yang diperolehi tepat dan menjurus kepada kajian yang dibuat. Bagi guru-guru yang kurang berminat untuk menulis, penulis menggunakan telefon pintar samsung note 3 untuk membuat rakaman. Guru-guru telah memberikan kerjasama yang baik semasa temu bual tersebut dijalankan.

4.2 Persepsi Guru Pendidikan Islam mengenai E-Book

Penulis telah mengumpulkan semua maklum balas daripada guru-guru dan memasukkannya di dalam *microsof excell*. Beberapa kesimpulan telah dapat dibuat penulis berkaitan kefahaman para guru mengenai E-Book. Ada yang berpandangan, E-Book merupakan singkatan daripada *elektronik book* yang menggantikan buku teks murid yang mengandungi buku teks murid di dalamnya. Kedapatan juga guru yang berpendapat, E-Book merupakan komputer riba yang disumbangkan kepada murid untuk kemudahan pembelajaran murid. Seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong yang tidak mahu dikenali menyatakan, E-Book merupakan salah satu medium pembelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah untuk menyampaikan maklumat di dalam PdP.

4.3 Persepsi Guru Pendidikan Islam Tentang Kelas Maya

Berdasarkan kepada maklum balas kertas-kertas soalan yang diedarkan kepada 27 orang guru di daerah Kemaman menunjukkan para guru Pendidikan Islam memahami kelas maya secara keseluruhan. Kebanyakan mereka menyatakan kelas maya ialah sistem pembelajaran *online* antara guru dan murid dan boleh dilakukan semasa waktu

pembelajaran formal di sekolah atau di luar waktu sekolah. Bagi guru yang mempunyai kelas maya di sekolah, kelas maya difahami sebagai kelas yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam PdP yang menggunakan *smart board*. Kedapatan juga guru berpandangan, ianya merupakan kelas jarak jauh yang menggunakan perisian komputer dan internet sepenuhnya tanpa penggunaan buku teks.

Kesimpulan yang dapat dibuat, majoriti guru Pendidikan Islam memahami apa itu kelas maya. Ia merangkumi PdP yang dilaksanakan menggunakan komputer dan internet dan boleh dilakukan di dalam waktu pembelajaran formal atau di luar waktu kelas dan di mana-mana sahaja selagi kemudahan *wifi* diperolehi. Kelas maya merupakan sebuah kelas khas yang diwujudkan di sekolah-sekolah terpilih yang mempunyai kemudahan komputer guru, *smart board* dan kemudahan jaringan internet.

4.4 Bilangan Kursus/ Taklimat Yang Pernah Dihadiri Berkaitan E-Book dan Kelas Maya

Pada peringkat awal pelaksanaan E-Book dan kelas maya, hanya guru-guru di sekolah rintis serta pegawai teknologi maklumat sekolah (EIO) sahaja yang diberi taklimat dan kursus mengenai kaedah penggunaan E-Book dan kelas maya di sekolah. Taklimat yang diberikan agak ringkas dan guru yang dapat hadir sahaja yang berpeluang mendengar taklimat tersebut. Apabila guru baru bertukar ke sekolah tersebut terutamanya guru dari negeri luar Terengganu, masalah pengendalian kelas maya sedikit sebanyak mengganggu kelancaran proses PdP. Guru-guru perlu mengambil inisiatif sendiri dengan bertanya kepada pegawai EIO atau mempelajari secara sendiri kaedah pengendalian PdP di kelas maya. Bagi guru-guru yang mempunyai asas teknologi maklumat dan komunikasi, ianya tidaklah mendatangkan masalah berbanding para guru yang tidak mempunyai asas.

Seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2²²⁰ menyatakan ketidakpuasan hati dengan taklimat ringkas yang disampaikan. Pada pandangan peribadi beliau, kursus khas mengenai tatacara penggunaan E-Book dan kelas maya perlu diadakan secara terperinci memandangkan kedapatan sebahagian guru tidak terdedah kepada ilmu ICT secara meluas. Taklimat berkala juga perlu diadakan bagi melihat perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam dunia siber hari ini. Daripada maklum balas yang diterima, hanya 9 daripada 29 orang guru Pendidikan Islam yang menyatakan mereka mendapat taklimat daripada pegawai EIO. Walaubagaimanapun, guru Pendidikan Islam yang bertugas di sekolah rintis E-Book iaitu Sekolah Kebangsaan Telok Kalong menyatakan, mereka telah mendapat 6 atau 7 kali taklimat berkaitan kaedah pelaksanaan E-Book di sekolah. Ini kerana semua guru di SKTK yang terlibat mengajar di tahun 4,5 dan 6 akan menggunakan kelas maya sepenuhnya dalam PdP di kelas. Kelas maya di SKTK meliputi semua mata pelajaran.

4.5 Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kejayaan Pelaksanaan E-Book dan Kelas Maya.

Berdasarkan maklum balas dan temu bual yang dijalankan, penulis mendapati seramai 25 orang guru menyatakan program E-Book tidak berjaya sepenuhnya. Hanya 3 orang guru sahaja yang menyatakan program ini berjaya iaitu 2 orang dari SKTK dan seorang guru dari SK Bukit Kuang.

Bagi guru Pendidikan Islam di SKTK iaitu Ustazah Nurul Ezzah Abidin Sulong dan Ustazah Suhana Sapie, program E-Book berjaya disebabkan beberapa faktor.

²²⁰ Ustazah Rusita binti Ismail (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Kemaman), dalam temu bual dengan penulis, 25 Januari 2015

Antara faktornya ialah:

i) Minat mendalam terhadap ICT dan murid-murid merasa bangga mempunyai komputer riba sendiri. Keghairahan mempunyai E-Book sendiri melonjakkan kehendak mereka untuk belajar dengan lebih baik. Murid-murid berasa sungguh berminat untuk belajar dan hadir ke sekolah selepas mereka mendapat E-Book. Bagi pihak Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, peningkatan peratus kehadiran murid ke sekolah semakin baik selepas E-Book dibekalkan walaupun hakikatnya ramai di kalangan para murid ingin bermain *game* kerana terdapat kemudahan *wifi* di sekolah²²¹.

ii) Wujud kelas maya yang kondusif menambahkan minat murid untuk belajar. Tambahan kelas maya mempunyai penghawa dingin yang memberikan keselesaan kepada para murid. Peralatan lengkap yang disediakan kerajaan negeri Terengganu untuk kelas maya berjaya menarik minat murid hadir ke sekolah. Peratus kehadiran meningkat selepas murid-murid dibekalkan E-Book.²²²

Sebagai contoh, Kes yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Kuala Terengganu pada tahun 2011²²³.

“Sebelum pelaksanaan kelas maya, A seorang murid yang sangat malas dan tidak minat untuk belajar. Dalam seminggu, boleh dikatakan hanya sehari A datang ke sekolah sehingga guru terpaksa menjemput dia di rumah. Sikap bersungguh-sungguh guru yang tidak mahu A ponteng sekolah menyebabkan ibu bapanya tidak suka pada guru. Ibu bapanya mencari pendapatan dengan menjaja dan dia membesar di tepi jalan mungkin memberi kesan terhadap disiplin dirinya. Tetapi, selepas mengikuti pembelajaran kelas maya, A berubah 100 peratus kepada seorang murid yang rajin datang ke sekolah, malah mencatat kehadiran penuh kini. Kini, daripada seorang murid yang tidak pernah lulus

²²¹ Nurul Ezzah bt Abidin Sulong (Guru Bahasa Arab dan Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong, Kemaman), dalam temubual penulis, 19 Januari 2015

²²²“Penulis Tidak Diketahui”, “Kelas maya-e-Book, Terengganu Pengubah Lanskap Pendidikan,” laman sesawang *teganuku.blogspot.my*, dicapai 28 Mac 2011, <http://teganuku.blogspot.my/2011/03/kelas-maya-e-book-terengganu-pengubah.html>

²²³ *Ibid.*

dalam ujian dan peperiksaan, A sudahpun menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan apabila mencatatkan keputusan lulus dalam beberapa mata pelajaran.”

iii) Pemberian E-Book dan penyediaan kelas maya tepat pada waktunya. Murid-murid zaman kini terdedah dengan dunia siber dan kecenderungan mereka tertumpu kepada ICT. Dunia pendidikan juga harus selari dengan kehendak para murid agar mereka tidak bosan dengan kaedah PdP guru terutama dalam subjek Pendidikan Islam.

iv) Guru-guru Pendidikan Islam di SKTK merupakan guru-guru abad ke-21. Ramai di kalangan guru di SKTK sudah terdedah dengan dunia siber dan mendapat pendedahan di Institut Pendidikan Guru. Kelebihan ini merupakan satu bonus dan memudahkan proses PdP berjalan.

v) E-Book telah dapat menyelesaikan masalah bebanan beg sekolah murid yang berat ke sekolah²²⁴. Seterusnya, penyelesaian ini menambahbaik kesihatan murid terutama penjagaan tulang belakang. Masalah bebanan beg sekolah yang berat ini telah sekian lama dibincangkan tetapi tidak pernah mendapat penyelesaian. Penggunaan E-Book juga dapat menyelamatkan kertas-kertas dan pokok-pokok yang memerlukan jumlah yang banyak setiap tahun untuk mengeluarkan buku teks murid.

4.6 Kesan E-Book di Kelas Maya kepada murid.

Persoalan yang timbul berkaitan penggunaan E-Book di kelas maya ini ialah adakah PdP menggunakan E-Book memberi kesan yang baik kepada semua murid? Adakah proses PdP dapat meningkatkan prestasi murid di dalam pelajaran Pendidikan Islam?

²²⁴ Azelin Mohamed Noor dan Abd Mutalib Embong, “E-Books in Malaysian Primary Schools: The Terengganu Chapter”, World Academy of Science, Engineering and Technology, International Journal of Social, Education, Economics and Management Engineering Vol:6, No:6, (20 June 2012), 183-190

Temu bual yang dijalankan ke atas beberapa orang guru di sekitar Kemaman mendapati, tindak balas daripada para guru boleh disimpulkan kepada beberapa bahagian:

- i) E-Book hanya berjaya di sekolah yang mempunyai kelas maya
- ii) E-Book tidak berjaya
- iii) Tidak pasti
- iv) Bergantung kepada murid dan guru.

Bagi guru yang menyatakan E-Book berjaya di sekolah yang mempunyai kelas maya atas beberapa faktor iaitu fasiliti yang disediakan sesuai untuk proses PdP, terdapat wayar penyambung untuk murid mengecas E-Book mereka, papan *smart board* yang telah disediakan bersama penny. Di kelas maya, guru-guru dapat mengawal E-Book murid dan menetapkan apa yang sepatutnya dibuat oleh murid. Berbanding kelas biasa, penggunaan E-Book tidak dapat dikawal dan kebarangkalian untuk murid membuka laman sesawang lain seperti *game* adalah besar.

Penyelenggaraan PdP di kelas maya akan diselenggarakan pada awalnya oleh pegawai EIO. Guru memaklumkan kepada pegawai bahan-bahan yang diperlukan dlm PdP untuk dimuat naik ke komputer guru. Proses ini memudahkan dan menjimatkan masa guru untuk membuat persediaan PdP. Berbanding sekolah yang tidak mempunyai kelas maya di bilik khas, guru-guru perlu membuat sendiri persediaan PdP. Bagi guru abad 21, ianya tidaklah membebankan berbanding guru-guru lama yang kurang terdedah kepada dunia siber. Bagi guru yang menyatakan program E-Book dan kelas maya tidak berjaya, maklum balas yang diterima, kebanyakannya berpunca daripada masalah teknikal. Masalah-masalah yang timbul diperincikan dalam dapatan seterusnya.

Kedapatan sekolah-sekolah yang memberi keutamaan kepada subjek-subjek akademik/ UPSR untuk menggunakan kemudahan kelas maya. Bagi guru di Sekolah Kebangsaan Bukit Kuang, keutamaan diberikan kepada subjek Bahasa Ingeris, Sains,

Matematik dan Bahasa Melayu. Subjek Pendidikan Islam hanya boleh menggunakan bilik tersebut jika terdapat kekosongan dalam jadual penggunaan kelas maya atau kelas tersebut tidak mahu menggunakannya. Kejayaan E-Book dan kelas maya juga bergantung kepada tatacara penyelenggaraan guru dan murid. Bagi guru yang sudah biasa dengan dunia teknologi, ianya bukanlah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Begitu juga dengan murid yang sudah biasa menggunakan internet dan komputer, pembelajaran menggunakan E-Book adalah sesuatu yang menyeronokkan. Guru hanya menjadi pemudahcara dan murid banyak meneroka ilmu secara sendiri. Peranan guru hanyalah menjadi pemudahcara dan pemantau aktiviti murid. Secara keseluruhannya, majoriti guru-guru yang ditemubual menyatakan, program E-Book sangat baik dan sesuai dengan zaman murid, namun cara penyelenggaraannya perlu cekap dan masalah teknikal perlu diselesaikan²²⁵.

4.7 Bebanan Kepada Para Guru?

Kaji selidik dan temu bual yang dijalankan memberikan maklum balas seperti persoalan-persoalan di atas. Guru yang mempunyai kelas maya dan mempunyai kemahiran dalam teknologi maklumat menyatakan E-Book dan kelas maya tidak membebankan sama sekali malah boleh menambah ilmu guru dalam bidang teknologi maklumat. Ia memberi kemudahan kepada guru untuk lebih fokus dalam tajuk yang hendak diajar. Masa kini, sudah terdapat banyak bahan di dalam internet dan kumpulan perkongsian dari rakan-rakan guru mengenai bahan-bahan pengajaran di dalam kumpulan Telegram, *WhatsApp* dan sebagainya. Seorang guru menyatakan, guru hanya perlu menyediakan sekali sahaja bahan pengajaran kepada murid. Bahan tersebut boleh digunakan berulang-ulang kali malah boleh dikongsi dengan rakan guru yang lain. Berbanding dengan bahan maujud,

²²⁵ “Kelas Maya-e-Book, Terengganu Pengubah Lanskap Pendidikan” laman sesawang teganuku.blogspot.my, dicapai 28 Mac 2011, <http://teganuku.blogspot.my/2011/03/kelas-maya-e-book-terengganu-pengubah.html>

kertas mahjong, kad manila dan lain-lain, bahan tersebut boleh pudar,rosak atau hilang. Untuk tahun hadapan atau kelas lain, guru-guru perlu menyediakan sekali lagi bahan tersebut. Bagi guru yang mahir dan mempunyai kemahiran teknologi, kelas maya adalah bonus bagi mereka kerana bahan sudah banyak tersedia dan murid sangat berminat dengan kaedah tersebut. Walaupun guru tidak dapat masuk ke kelas atas urusan tugas luar seperti sukan, kursus dan sebagainya, murid-murid masih dapat meneruskan pembelajaran maya hanya dengan pemantauan guru ganti sahaja. Masalah sukatan pelajaran tidak sempat dihabiskan pada akhir tahun tidak timbul kerana murid dapat belajar seperti biasa. Apa yang harus dilakukan selepas ketiadaan guru ialah mengulangkaji dan memantau tugas yang telah ditinggalkan.

Bagi guru yang kurang mahir pula, E-Book dan kelas maya ini membebankan guru. Tambahan jika terdapat murid yang tidak mahir menggunakan E-Book, menjadi satu bebanan kepada guru untuk menyelenggara E-Book murid tersebut. Apabila kekurangan masa dan berlaku masalah teknikal seperti *server* lambat, bekalan elektrik terputus, bateri E-Book habis, murid terlupa bawa, risiko rosak dan lain, guru terpaksa menangguhkan pelajaran dan menyelesaikan masalah-masalah teknikal tersebut. Masalah juga timbul apabila terdapat segelintir murid yang membuka laman sesawang lain seperti *game* dan *you tube*. Pengawasan kelas yang tidak dikawal dengan rapi akan menyebabkan objektif PdP pada hari tersebut tidak tercapai.

Kesimpulan yang dapat dibuat penulis, guru-guru memberi pandangan E-Book dan kelas maya memang baik dan bertepatan dengan kehendak pembelajaran murid, namun masih terdapat banyak kelemahan yang perlu diperbaiki agar PdP menggunakan E-Book dan kelas maya berjalan lancar dan mencapai objektif yang sepatutnya. Bagi murid-murid yang ibu bapa berpendapatan sederhana dan rendah, pemberian E-Book adalah satu hadiah berharga dari kerajaan negeri kepada mereka. Walaupun murid-murid miskin terutamanya tidak mampu membeli komputer riba, mereka masih berdiri sama

tinggi, duduk sama rendah dengan murid-murid yang berkemampuan. Mereka juga mendapat pendedahan dan dapat belajar menggunakan komputer.

4.8 Masalah-masalah yang dihadapi semasa PdP Pendidikan Islam menggunakan E-Book dan Kelas Maya

Bagi guru yang menyatakan bahawa E-Book dan kelas maya tidak berjaya, terdapat beberapa alasan atas komen mereka. Pada keseluruhannya, E-Book dan kelas maya adalah baik dan sesuai dengan kaedah pendidikan masa kini. Apa yang menjadi masalah adalah dari segi teknikal sahaja dan bukan isi kandungan E-Book itu sendiri. Antara masalah-masalah yang timbul ialah:

- a) *Server* lambat.

Maklum balas daripada Guru penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Kebangsaan Payoh, beberapa pihak telah turun padang ke sekolah beliau bagi menyelesaikan masalah isu *server* yang terlalu lemah. Sehingga temu bual bersama penulis berlangsung, masalah tersebut masih belum dapat diatasi. Penggunaan E-Book banyak memerlukan kepada *server* yang laju agar setiap murid boleh mengakses internet dengan baik. Apa yang menyedihkan, murid asyik mengadu tidak dapat mengakses internet dan membuka laman sesawang yang ditugaskan guru mereka semasa PdP. Kesannya murid berasa bosan dan timbul masalah pengawalan kelas yang tidak terkawal. Murid bising dan terdapat murid-murid yang bermain *game* yang sudah dimuat turun ke dalam E-Book mereka. Murid-murid yang mempunyai kemudahan internet di rumah memuat turun *game* dan kawan-kawan yang lain menyalin *game* tersebut ke dalam *pen drive* mereka. Keadaan ini amat mendukacitakan dan lari daripada tujuan sebenar E-Book dibekalkan kepada murid.

Keadaan ini berbeza dengan dapatan dan persepsi guru-guru Pendidikan Islam SKTK. Kemudahan bilik khas untuk kelas maya mengujakan murid-murid untuk hadir ke sekolah dan belajar dengan bersemangat. Keadaan kelas maya yang kondusif

dilengkapi dengan wayar penyambung untuk mengecas bateri dan *server* yang laju melancarkan proses PdP dilaksanakan. Tambahan pula, kelas dilengkapi penghawa dingin menjadikan murid amat selesa belajar.

b) E-Book murid yang kehabisan bateri akibat bermain *game*²²⁶.

Masalah ini ialah masalah terbesar yang berlaku kepada majoriti sekolah yang ditemu bual oleh penulis. Positifnya keadaan sekolah dalam suasana yang tenang dan senyap walaupun tidak ada guru di dalam kelas, namun di sebalik perkara tersebut ialah majoriti murid memuat turun *game* dan bermain sama ada di dalam kelas atau di luar waktu persekolahan. Temu bual bersama seorang guru di Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Ustazah Amelda bt Ideris²²⁷ menyatakan jika terdapat guru yang tidak hadir pada hari tersebut, tidak ada masalah bagi guru ganti untuk masuk ke kelas. Jika guru mempunyai tugas dan agak lewat masuk ke kelas sekalipun, murid tidak akan datang mengadu berlaku perbalahan dan sebagainya. Suasana kelas tenang seperti peperiksaan sedang dijalankan kerana masing-masing asyik bermain *game*.

c) Guru tidak sempat menyediakan bahan pengajaran kerana tidak mahir dengan teknologi.

Masalah ini berlaku bagi guru-guru Pendidikan Islam yang kurang kemahiran menyelenggara alatan teknologi dan menggunakannya. Ianya berlaku terutama bagi guru-guru yang sudah mencapai umur 40 tahun ke atas. Guru-guru tidak didedahkan dengan penggunaan teknologi dan sering juga menghadapi masalah mengisi data-data *online* yang kini banyak digunakan. Ada guru yang meminta pertolongan guru-guru yang agak

²²⁶ Suria0384, "Pelaksanaan Program E-Book menggantikan Buku Teks Konvensional Sekolah", laman sesawang www.Scrib.com, dicapai 16 Mac 2012, <https://www.scribd.com/doc/85577928/Pelaksanaan-E-Book-Menggantikan-Buku-Teks-Konvensional-Sekolah> =11

²²⁷ Ustazah Amelda bt Ideris, (Guru Bahasa Arab, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Kemaman Terengganu) dalam temu bual penulis 25 Januari 2015 .

muda untuk mengisi data-data tersebut. Perkara ini tidak dapat diaplikasikan dalam PdP kelas maya kerana semua guru mempunyai tugas dan masa yang berbeza. Guru-guru Pendidikan Islam yang menghadapi masalah ini menyatakan, mereka lebih selesa menggunakan kaedah konvensional kerana Pendidikan Islam memerlukan banyak amali dan praktikal murid itu sendiri. Sebagai contoh perlakuan solat dan tayammum, setiap murid harus melakukan praktikal solat dan tayammum dan bukan sekadar melihat video solat di dalam E-Book dan laman sesawang.

- d) Tempat pengajaran hanya dikhaskan di sebuah bilik khas atau makmal komputer dan lain-lain lagi.

Masalah ini berlaku di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kelas maya khas seperti di Sekolah Kebangsaan Bukit Kuang (SKBK). Bagi SKTK, pada awalnya mempunyai kelas maya yang dilengkapi dengan peralatan yang lengkap, tetapi selepas berlaku rombakan bilik di mana semua murid tahap dua dikumpulkan setempat di bangunan baru yang agak jauh dari kedudukan asal, kelas maya tersebut tidak dapat digunakan lagi. Makluman daripada seorang guru di SKBK, PdP menggunakan E-Book di kelas maya berjalan lancar pada tahun 2012, 2013, 2014 dan 2015. Namun selepas itu, bilik tersebut terpaksa digunakan bagi tujuan lain. Perpindahan tempat menyebabkan alat-alat yang telah dipasang di bilik asal tidak dapat dipindahkan ke bilik yang baru. Keadaan ini menyebabkan kelas maya tidak dapat dijalankan dengan baik.

Makmal komputer sekolah dijadikan kelas maya dan dikongsi penggunaannya dengan semua murid di satu sekolah. Bagaimana mungkin kelas maya yang efektif boleh dilaksanakan dengan satu bilik dikongsi dengan semua kelas di sekolah tersebut. Bagi sekolah Kebangsaan Pusat pula, berlaku musibah pada tahun 2013 di mana daerah Kemaman menghadapi banjir besar yang menyebabkan bandar Kemaman hampir

lumpuh.²²⁸ Sekolah Kebangsaan Pusat terlibat dengan banjir dan bilik yang dikhaskan untuk kelas maya telah dijadikan bilik pemindahan buku-buku teks yang berada di tingkat bawah. Sehingga kini buku-buku masih ditempatkan di bilik tersebut untuk mengurangkan risiko berlaku banjir pada masa akan datang. Akibatnya, kemudahan kelas maya tidak dapat digunakan lagi.

e) Kemudahan elektrik terhenti atau berlaku apa-apa kerosakan *server*.

Peralatan kelas maya dan E-Book memerlukan bekalan elektrik untuk digunakan. Proses PdP tidak dapat dijalankan jika ketiadaan elektrik. Masalah kerosakan komputer guru, *smartboard* juga merencatkan proses PdP. Bagi SKTK pula, PdP tidak dapat dijalankan jika penghawa dingin di dalam kelas rosak atau tiada bekalan elektrik.

f) E-Book rosak

Sikap murid yang suka memuat turun *game* ke dalam E-Book mengundang masalah E-Book. Penyalinan *file game* atau apa-apa sahaja boleh menyebabkan terkena *virus* dan E-Book rosak. Pembaikan E-Book mengambil masa yang agak lama jika terpaksa dihantar ke kilang. Dalam tempoh tersebut, tidak ada E-Book yang lebih untuk dipinjamkan kepada murid. Jika ada barang-barang yang rosak perlu ditukar, bayaran dikenakan. Keadaan ini membebankan ibu bapa yang terpaksa menanggung kos tersebut.

g) Ketidakhadiran Pegawai Teknologi Maklumat Sekolah

Ketidakhadiran pegawai teknologi maklumat ke sekolah juga mengganggu sedikit sebanyak masalah perjalanan PdP. Guru-guru yang kurang mahir dengan

²²⁸ “Bernama”, “Penduduk: Banjir di Kemaman paling buruk”, laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 4 Disember 2013, https://ms.wikipedia.org/wiki/Banjir_di_Pantai_Timur_Semenanjung_Malaysia_2013

teknologi tidak dapat menyediakan bahan-bahan dan perkara teknikal seperti ingin mengunci E-Book murid, memuat naik atau memuat turun bahan-bahan²²⁹.

4.9 Persepsi Para Murid Mengenai E-Book dan Kelas Maya

Penulis telah menjalankan pemerhatian di kelas maya di tahun 5 Al- Ghazali dan menjalankan temu bual dengan beberapa orang murid mengenai pandangan mereka mengenai E-Book dan kelas maya. Maklumbalas yang diterima adalah berdasarkan soalan-soalan berikut:

- 1 Apakah yang anda faham mengenai E-Book dan kelas maya?
- 2 Adakah E-Book memberi kebaikan kepada pembelajaran anda?
- 3 Adakah E-Book meningkatkan prestasi pembelajaran anda?
- 4 Adakah anda suka belajar di kelas maya?
- 5 Apa pandangan anda tentang guru yang mengajar di kelas maya?
- 6 Adakah pembelajaran menggunakan E-Book di kelas maya menyeronokkan anda?
- 7 Adakah E-Book menyelesaikan masalah bebanan beg sekolah berat?

Penulis menemu bual 5 orang murid tahun 5 untuk mengetahui pandangan mereka terutama mengenai pembelajaran yang dijalankan pada hari tersebut yang bertajuk sunat haiyah dan sunat ab'ad. Murid-murid tersebut diberi nama M1,M2,M3,M4 dan M5 terdiri daripada 3 murid perempuan dan dua murid lelaki.

4.9.1 Apakah yang anda faham mengenai E-Book?

Bagi persoalan yang pertama, kelima-lima orang murid tahu apa itu E-Book. M1 mengatakan E-Book ialah komputer kecil yang ada buku teks, M2 mengatakan E-Book

²²⁹ Top IT Industries, "Skop Tugas Pegawai Teknologi Maklumat (EIO)", laman sesawang *Top IT Industries*, dicapai pada 1 April 2015, <http://www.top-it.com.my/top-it/pegawai-it/>

ialah komputer riba untuk murid, M3 mengatakan komputer yang boleh belajar di kelas maya, fahaman M4 ialah komputer murid dan M5 ialah komputer yang ada buku teks dan boleh menggunakan internet. Secara keseluruhannya, mereka faham dan tahu menggunakan E-Book secara teknikalnya kerana murid-murid tersebut sudah terdedah kepada pembelajaran menggunakan komputer di makmal sekolah sebelum adanya E-Book dan kelas maya. Begitu juga fahaman mengenai kelas maya. Majoriti murid memberikan maklum balas yang lebih kurang sama. Kelas maya difahami dengan sebuah kelas khas yang menggunakan komputer dan internet untuk belajar dan ianya sangat canggih dan teruja dengan kaedah pembelajaran tersebut.

4.9.2 Adakah E-Book memberi kebaikan kepada pembelajaran anda?

Maklum balas yang diterima juga menunjukkan jawapan positif dari kelima-lima orang murid. Apabila ditanya apa kebaikan yang mereka perolehi, M3 mengatakan banyak sangat ilmu baru yang diperolehi daripada keadah PdP kelas maya. Guru hanya memberi cara mencari bahan-bahan di dalam laman web. Hanya dengan memasukkan kata kunci di *Google Search*, banyak laman web yang diperolehi. kaedah ini memudahkan beliau dan kawan-kawan mencari maklumat dan menyiapkan tugas yang diberikan. Maklum balas yang diperolehi daripada M3 mengenai kebaikan E-Book ialah E-Book memudahkan beliau mencari bahan terutama daripada internet. Panduan yang telah diajar oleh ustazah beliau di sekolah tentang tatacara dan undang-undang menggunakan E-Book dan internet memudahkan beliau belajar sendiri di rumah. Perbandingan yang dibuat M3 berkaitan bahan di perpustakaan dan E-Book ialah, mencari bahan di perpustakaan mengambil masa yang lebih lama berbanding mencari bahan menggunakan internet. Kekurangan buku di perpustakaan sekolah dan kedudukan perpustakaan awam daerah yang jauh dari rumah beliau juga menjadi sebab mengapa beliau lebih berminat untuk belajar

menggunakan E-Book dan internet. Bahan-bahan yang dimuat naik juga boleh disimpan di dalam *pendrive* untuk digunakan di sekolah sewaktu pembelajaran.

Bagi M2, E-Book boleh juga dikongsi bersama ahli keluarga yang lain. Sebagai contoh, kakak M2 menggunakan E-Book untuk mencari bahan kerja kursus Sejarah dan Geografi tingkatan 3. Tambahan pula, M2 berasal daripada keluarga yang kurang pendapatan dan masih belum mampu membeli komputer. Pemberian E-Book sememangnya sesuatu yang amat berharga bagi keluarga M2.

Perkongsian dengan M4 bagaimana beliau dapat memberi penerangan kepada guru di dalam kelas berkaitan tajuk tayammum. Kebetulan beliau membuka laman sesawang dan membaca mengenai tayammum. Pada waktu itu, M4 berasa sungguh gembira mendapat pujian daripada guru dan kawan-kawan. Ini menunjukkan pembelajaran sendiri sangat sesuai dan murid berasa gembira dan ceria belajar dengan kaedah yang menyeronokkan. M1 dan M5 tidak memberi maklumbalas dan hanya mengiyakan apa yang diperkatakan kawan-kawan mereka.

Selain itu, kebaikan E-Book juga ialah ia merangkumi semua buku teks tahap dua. Sebagai contoh, murid-murid tahun 5 dan 6 mudah untuk mengulangkaji pelajaran tahun 4 atau 5. Sememangnya buku teks dipulangkan pada setiap akhir tahun dan murid tidak dapat mengulangkaji pelajaran lepas tanpa rujukan.

4.9.3 Adakah E-Book meningkatkan prestasi pembelajaran anda?

Ya, E-Book meningkatkan prestasi pembelajaran murid-murid. M4 mengatakan beliau sebelum belajar di kelas maya pernah mendapat markah rendah dalam subjek Pendidikan Islam. Pengakuan M4 dan M2 yang agak kurang membaca buku dan mengulangkaji pelajaran serta membuat latihan, mungkin merupakan salah satu sebab tidak dapat mendapat markah tinggi. Latihan yang dibuat hanyalah tugas yang diberi dan tidak ada latihan penambahan. Alasannya ialah letih menulis banyak. M5 menambah, kadang-

kadang beliau mengantuk dengan teknik penceritaan dan syarahan sahaja, tambahan jika waktu Pendidikan Islam di waktu tengahari.

Keadaan dan minat mempelajari Pendidikan Islam berubah semenjak kelas maya diperkenalkan. Kelima-lima orang murid memang berminat belajar menggunakan E-Book atas alasan menyeronokkan dan mudah faham. Sebagai contoh perlakuan solat dapat dibuat dan ditiru secara langsung berbanding melihat gambar di dalam buku teks.

4.9.4 Adakah anda suka belajar di kelas maya?

Ya, serentak jawapan yang diberikan oleh kelima-lima orang murid.

4.9.5 Apa pandangan anda tentang guru yang mengajar di kelas maya?

Guru-guru memudahkan dan cepat memberi kefahaman tentang apa yang dipelajari. Mereka hanya menyenaraikan laman web untuk dilawati dan menghantar tugas kepada murid. Walaupun ustazah memasang video, nasyid dan sebagainya, ustazah masih memberi penerangan kepada apa yang diajar dan tidak bergantung kepada bahan dalam E-Book sahaja. Ustazah juga bersemangat dan berkongsi maklumat dengan apa yang murid perolehi. Berlaku PdP dua hala dengan penggunaan E-Book dan kelas maya.

4.9.6 Adakah pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan E-Book di kelas maya menyeronokkan dan menyelesaikan masalah bebanan beg sekolah berat?

Ya, sememangnya menyeronokkan dan beg tidak berat tambahan kelas tahun 5 berada di tingkat 3.

Penulis telah membuat pemerhatian pelaksanaan PdP di dalam kelas sebelum temu bual dijalankan. Kelima-lima orang murid berada di dua kumpulan berlainan. Aktiviti kumpulan yang dijalankan mencari contoh-contoh sunat haiyah dan sunat ab'ad di dalam

internet. Semua ahli kumpulan mengakses internet dan mencari bahan-bahan berkaitan. Lebih kurang 5 minit kemudian, murid M2 mendapat maklumat. Laman web yang dibuka ialah <http://jawionline.blogspot.my/2010/04/sunat-abad-dan-sunat-haiyah.html>. Murid M1 menyalin di dalam kertas dan mereka berbincang untuk memastikan jawapan yang diperolehi betul.

Setelah masa yang diperuntukkan oleh guru habis, murid-murid ke hadapan kelas untuk menyenaraikan sunat haiyah dan sunat ab'ad. Kelima-lima orang murid mengambil bahagian. Setelah diperiksa oleh guru, kesemua jawapan yang diberikan adalah betul.

Temu bual bersama murid M1 dan M2 yang merupakan murid lelaki yang dipilih menyatakan mereka memang tidak pernah mendengar istilah sunat haiyah dan sunat ab'ad sebelum ini. Penerokaan dan pembelajaran menggunakan internet sememangnya meningkatkan minat mereka untuk belajar dan hadir ke sekolah. Pengalaman M2 yang bapanya seorang nelayan dan jarang berada di rumah serta ibu yang sibuk bekerja menjadikan M2 kurang mendapat pendidikan solat di rumah. Setelah E-Book dan kelas maya diperkenalkan, M2 sangat suka hadir ke sekolah berbanding sebelumnya. Ketiadaan komputer di rumah juga merupakan salah satu sebab M2 suka ke sekolah. Makluman daripada guru yang mengajar M2, sebelum ini M2 tidak berapa mahir dalam solat dan selalu tidak menunaikan solat subuh. Minat M2 terhadap ICT menjadikan M2 sudah pandai solat dengan bimbingan guru-guru. M2 merupakan salah seorang murid yang suka melayari internet selepas waktu persekolahan.

Persoalan yang ditimbulkan dalam PdP oleh M1 berkaitan murid yang tidak menghafaz doa qunut, adakah dibolehkan bagi orang yang tidak menghafaz doa qunut melakukan sujud sahwi setiap kali solat subuh? Menjawab persoalan tersebut, ustazah meminta murid-murid membaca semula maksud sunat ab'ad.

“Sunat Ab'ad ialah perkara-perkara sunat yang dilakukan semasa solat yang *jika tertinggal untuk melakukannya*, disunatkan melakukan sujud sahwi sebagai ganti.”

Barulah murid-murid faham bahawa hanya bacaan atau perlakuan yang tertentu sahaja apabila terlupa untuk melakukannya, baharulah diganti dengan sujud sahwi dan bukan sentiasa melakukan sujud sahwi kerana tidak menghafaz atau sengaja meninggalkannya. Oleh itu, ustazah mengingatkan murid-murid agar berlumba-lumba untuk menghafaz agar solat lebih sempurna.

Penulis menemu bual M3, M4 dan M5 yang merupakan murid perempuan di dalam kelas tersebut. Seorang daripadanya mempunyai kemudahan internet di rumah. Peluang tersebut digunakan sebaik-baiknya untuk mengakses internet, menyiapkan kerja sekolah dan bermain *game*. M4 ialah murid yang mendapat tempat pertama di dalam kelas pada akhir tahun lepas. Ibu M4 menyediakan jadual menggunakan E-Book dan internet di rumah. M4 hanya dibenarkan bermain *game* pada hujung minggu. Sekiranya M4 melanggar peraturan yang telah dipersetujuinya, ibunya akan mengambil E-Book dan menutup kemudahan internet di rumah. Pada pandangan penulis, M4 seorang yang mendapat pendidikan agama di rumah dan seorang yang sudah diajar berdisiplin. Oleh sebab itu, M4 tidak merasa tertekan dengan peraturan yang sudah dibuat ibunya.

M3 dan M5 berasal daripada keluarga yang sederhana. Tidak terdapat kemudahan internet di rumah tetapi mereka berdua kebiasaannya pulang lewat daripada sekolah untuk menunggu ibu bapa pulang dari kerja. Apabila ditanya tentang

E-Book dan kelas maya, mereka sangat teruja belajar di kelas maya. Begitu juga pandangan penulis melihat gelagat M3 dan M5 meneroka bahan-bahan di dalam internet.

Salah satu laman web yang dibuka ialah

<http://marilahsolat.blogspot.my/2012/10/sunat-abad-dan-sunat-haiat.html>.

Penulis memaklumkan kepada guru, jika ada apa-apa perubahan terhadap lima orang murid tersebut untuk memaklumkan kepada penulis. Seminggu selepas pemerhatian penulis di dalam kelas, ustazah Nurul Ezzah memaklumkan bahawa M1 berjumpa dengan beliau. Semasa menunaikan solat subuh, M1 terlupa untuk membaca doa qunut dan beliau terus sujud sahwi sebelum memberi salam. Minggu tersebut juga, pada hari Selasa, sekolah telah mengadakan program solat zohor berjemaah. Solat zohor ditunaikan sebelum murid-murid mengikuti aktiviti kokurikulum iaitu unit beruniform. Semua murid tahap dua terlibat menunaikan solat zohor di surau sekolah. Semasa solat ditunaikan dan diimamkan oleh ketua murid tahun enam, beliau terlupa duduk tahiyat awal. Selepas selesai solat, keadaan menjadi hingar bingar. Ramai murid yang mengatakan solat tidak sah sebab tidak duduk tahiyat awal. Ustaz menenangkan keadaan surau dan memberitahu murid tatacara yang sebenarnya apabila kita terlupa duduk tahiyat awal.

Kesilapan kedua yang berlaku dalam solat tersebut juga ialah imam menyebut 'Allahu akbar' semasa iktidal. Tetapi keadaan tersebut tidak menarik perhatian murid-murid. Selepas keluar daripada surau, M3 dan M5 yang berjumpa dengan Ustazah Suhana. Mereka bertanya tentang bolehkah iktidal menyebut 'Allahu akbar'. Ustazah menerangkan hal yang sepatutnya dan mengingatkan semula tentang apa yang dipelajari minggu lepas. Sunat haiyah tidak membatalkan solat dan tidak perlu sujud sahwi. Ustazah menyatakan akan memanggil ketua murid untuk menerangkan kesilapan tersebut. M3 dan M5 berasa puas hati dengan penerangan ustazah mereka.

4.10 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat penulis, pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan audio visual dengan 3 dimensi memberi impak yang lebih berkesan kepada murid untuk memahami apa yang diajar. Walaupun semua penerangan sudah diterangkan di dalam

buku teks beserta gambar-gambar berkaitan, visual yang ditonton murid dan penerokaan murid sendiri tentang ilmu tersebut lebih memberi kesan kepada mereka. Murid boleh terus melihat pelakuan solat (sujud sahwi) dan mempraktikkannya dalam amalan solat mereka. Berbeza dengan penggunaan buku teks, bahan-bahan bukan maujud seperti kad manila, carta solat dan lain-lain, ingatan dan aplikasi murid adalah kurang berbanding penggunaan E-Book dan kelas maya. Minat murid juga perlu diambil kira bagi memastikan murid berkehendak, suka dan berminat untuk mengetahui sesuatu yang dipelajari.

Apa yang perlu diperhatikan ialah penggunaan E-Book walaupun secara praktikalnya berkesan dalam proses PdP di sekolah, ianya memerlukan pemantauan ibu bapa di rumah agar murid tidak tersasar dan membuka laman sesawang yang tidak sesuai. Apa yang dibimbangkan murid-murid meniru apa yang mereka lihat di laman web tanpa pengetahuan guru dan ibu bapa. Penulis bangga dengan ibu M3 yang menyediakan jadual penggunaan E-Book di rumah dan hanya membenarkan M3 bermain *game* pada hujung minggu sahaja. Ibu M3 juga hanya membenarkan M3 menggunakan E-Book di ruang tamu dan bukannya di dalam bilik. Ini merupakan langkah terbaik yang diambil ibu M3 bagi mengawal anaknya dari menggunakan dan melayari bahan-bahan yang tidak sepatutnya.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab yang terakhir ini, dirumuskan kesemua dapatan kajian berkaitan Pelaksanaan E-Book dalam Subjek Pendidikan Islam Sekolah Rendah Kemaman, Terengganu iaitu:

1. Mengenal pasti kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) guru Pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti pencapaian murid dalam peperiksaan berbantuan E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam.
3. Mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan E-Book dan kelas maya berdasarkan kepada pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam.

5.2 Rumusan Dapatan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat mencapai objektif pertama yang digariskan iaitu mengenal pasti kaedah PdP menggunakan E-Book dan kelas maya oleh guru Pendidikan Islam. Para guru menggabungkan kaedah konvensional dan kaedah inovasi menggunakan E-Book dan internet dalam pengajaran mereka. Pemerhatian penulis di SKTK mendapati walaupun guru menggunakan E-Book di kelas maya, kaedah konvensional masih digunakan seperti syarahan, latih tubi dan soal jawab. Perbezaannya ialah kaedah konvensional banyak menggunakan *chalk and talk* berbanding kelas maya, banyak bahan yang digunakan diperolehi dari sumber internet atau di muat naik guru untuk tugas murid. Bagi kaedah konvensional, murid menyiapkan tugas di dalam buku tulis atau buku kerja berbanding kemudian dihantar kepada guru untuk diperiksa. Bagi kelas maya pula, murid-murid tetap mempunyai tugas, latihan, kuiz dan

sebagainya tetapi cara penghantaran adalah melalui *online*. Setiap kelas mempunyai kumpulan yang telah disediakan oleh pegawai EIO. Guru setiap mata pelajaran akan membina *wall* setiap mata pelajaran untuk diakses murid sama ada semasa waktu pembelajaran formal atau di luar waktu persekolahan. Tempoh masa akan diberikan untuk murid menghantar kembali tugas tersebut.

Kaedah PdP menggunakan E-Book dan kelas maya ini dapat mengisi masa lapang murid di sekolah selepas waktu pulang dari sekolah atau sewaktu guru tidak dapat masuk ke kelas. Temu bual²³⁰ yang dijalankan bersama guru penolong kanan Sekolah Kebangsaan Payoh mengatakan, suasana sekolah menjadi tenang dan senyap setelah murid dibekalkan E-Book. Masing-masing teruja dengan bahan-bahan yang terdapat di dalam E-Book atau yang diambil dari sumber internet semasa di rumah. Ini kerana, SKP menghadapi masalah jaringan internet yang sangat teruk. Bagi murid-murid yang mempunyai kemudahan internet di rumah, mereka telah mengakses dan menyimpan bahan-bahan di dalam E-Book. Apa yang dikagumi guru penolong kanan SKP ini, murid-murid mempunyai *pendrive* sendiri untuk menyalin bahan-bahan daripada E-Book kawan yang mempunyai kemudahan internet di rumah. Namun, di sebalik kemahiran yang diperolehi, murid-murid lebih gemar menyalin *game* ke dalam E-Book mereka berbanding bahan-bahan pembelajaran.

Objektif kedua mengenal pasti pencapaian murid dalam peperiksaan berbantuan E-Book dan kelas maya dalam subjek Pendidikan Islam. Dapatan mendapati markah peperiksaan murid di kedua-dua buah sekolah meningkat dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun setelah murid-murid mendapat E-Book. Pencapaian murid perempuan juga didapati lebih tinggi berbanding pencapaian murid lelaki. Ini kerana murid perempuan lebih cakna dan bertanggungjawab serta mempunyai sifat ingin

²³⁰ Ustazah Fatimah (Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Sekolah Kebangsaan Payoh) dalam temu bual dengan penulis, 8 Disember 2015.

berjaya²³¹. Mereka akan belajar bersungguh sungguh mencapai cita-cita yang mereka impikan.

Pencapaian SKP dan SKTK juga menunjukkan perbezaan walaupun dari segi latar belakang keluarga dan suasana sekolah yang hampir sama. Kedua-duanya merupakan sekolah luar bandar dan rata-rata murid dari keluarga yang sederhana. Kelebihan yang terdapat pada SKTK yang mempunyai kelas maya dan kemudahan jaringan internet yang baik menjadi salah satu punca pencapaian prestasi Pendidikan Islam murid lebih baik. Penerokaan dan pembelajaran sendiri memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman murid.

Pelbagai persepsi guru berkaitan penggunaan E-Book dan kelas maya yang diperolehi dalam kajian ini. Tahap pencapaian dan latar belakang guru juga memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan objektif yang dicapai. Temu bual bertulis dan pemerhatian yang dilaksanakan menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam memahami fungsi dan kaedah menggunakan E-Book. Kedapatan guru yang menyatakan mereka lebih gemar menggunakan kaedah konvensional, namun bilangan ini tidak menunjukkan keputusan majoriti daripada semua guru yang di temu bual. Di antara masalah yang timbul di kalangan guru dalam melaksanakan E-Book ialah kurangnya kursus kemahiran kepada guru terutama bagi guru-guru yang sudah berumur 50-an ke atas dan guru yang bertukar dari negeri lain ke negeri Terengganu. Selain itu, masalah server lambat, kemudahan prasarana kelas maya dan internet yang tidak memuaskan dan E-Book rosak menjadi sebab kepada kegagalan objektif pembelajaran dan pengajaran guru di dalam kelas.

²³¹ Zalizan Mohd Jelas et al., "Prestasi Akademik Mengikut Gender", *Jurnal Pendidikan* 30 (2005), 94-95.

Terdapat pelbagai kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi sama ada pihak pentadbir, guru, murid dan ibu bapa. Setiap ciptaan manusia pastinya ada lebih dan kurangnya kerana kita sebagai hambaNya memiliki serba kekurangan. Dunia masa kini sudah terdedah kepada dunia tanpa sempadan dan maklumat di hujung jari. Suasana kehidupan dan gaya hidup berbeza berbanding zaman dahulu. Zaman kini manusia didedahkan dengan perkembangan teknologi yang memberi impak positif dan negatif kepada penggunaanya. Dari segi luarannya, murid zaman mutakhir dilihat sebagai murid yang semakin cerdas, mempunyai banyak peluang mendapat ilmu pengetahuan dan mempunyai banyak kelebihan dan kemudahan. Namun dari segi dalamnya, kedapatan murid-murid yang ketandusan kasih sayang, kurang jasmani dan spritual. Ianya berlaku kerana suasana kehidupan sudah berubah. Murid-murid kini lebih mudah memperolehi apa yang mereka mahu dan menjadi agak 'manja' dengan pelbagai kemudahan yang ada di sekeliling mereka. Jiwa mereka juga agak lemah dan mudah mengalah kerana sudah dibiasakan dengan suasana yang menyenangkan. Mereka kurang menghadapi kesusahan dan kesukaran dalam hidup lantaran suasana kehidupan dan kemudahan yang melimpah ruah.

Pemberian E-Book memberi impak positif dan negatif kepada beberapa pihak . Bagi pihak pentadbir dan guru, ia merupakan satu kemudahan inovasi dalam proses PdP dan memudahkan guru-guru tertentu. Dari segi bahan-bahan pengajaran kelas maya, guru hanya perlu membuat sekali sahaja dan disimpan di dalam *wall* guru secara *online*. Bahan tersebut boleh digunakan berulang-ulang kali dan tidak rosak. PdP juga boleh diteruskan walaupun guru berkenaan tiada di sekolah atau perlu menyelesaikan tugas luar. Kawalan murid juga terkawal kerana mereka tidak berlari ke sana sini terutama selepas waktu persekolahan. Guru-guru dapat memahirkan diri dalam pengendalian teknologi maklumat sekaligus memudahkan kerja-kerja pengisian data dan pengkeranian.

Penggunaan kertas juga boleh diminimalkan dan tidak mengundang kepada masalah sampah sarap di kawasan sekolah.

Walaupun bagaimanapun, dari sudut negatifnya pemberian E-Book mengundang masalah disiplin dan sahsiah murid terutamanya yang beragama Islam. Penggunaan internet tanpa kawalan boleh menyebabkan murid melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan lari dari batas-batas agama. Murid-murid gemar bermain *game* daripada melayari perkara-perkara yang berfaedah. Bateri E-Book juga tidak tahan lama, mengundang kepada masalah E-Book kehabisan bateri apabila hendak digunakan. Bagi murid-murid yang tidak mempunyai kemudahan internet di rumah, murid-murid menggunakan *pen drive* untuk menyalin *game* dan menyebabkan virus masuk pada E-Book. Kerosakan yang berlaku membantutkan proses PdP. Tugas individu tidak dapat diselesaikan. Proses membaiki E-Book mengambil masa yang agak lama dan perlu dibawa ke kilang IT Top di Kuala Terengganu.

Bagi guru-guru Pendidikan Islam yang tidak mempunyai kemahiran mengendalikan alatan teknologi, PdP menggunakan E-Book dan kelas maya menimbulkan masalah dan membebankan. Apabila berlaku masalah-masalah teknikal, *server* lambat, bekalan elektrik terputus, murid tidak membawa E-Book, PdP tidak dapat berjalan dengan baik seterusnya membawa masalah kawalan murid. Bagi guru yang kurang kemahiran pengendalian E-Book merasa beban apabila murid yang tidak mahir menggunakan E-Book meminta bantuan. Kehilangan E-Book murid juga menjadi masalah kepada pihak pentadbir dan guru-guru. Guru terpaksa mengendali, menyasat dan menyelesaikan masalah tersebut.

Temu bual yang dijalankan bersama 5 orang murid yang dipilih di SKTK menyatakan mereka amat teruja dan berterima kasih dengan pemberian E-Book serta pembelajaran di kelas maya. E-Book memudah dan meringankan beban bebanan beg

sekolah yang berat. Pembelajaran sendiri berlaku dan murid-murid banyak mendapat ilmu baru. Penerokaan ilmu menjadikan murid lebih terkehadapan dan kreatif.

Makluman daripada ibu salah seorang murid yang dipilih yang merupakan guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2²³² menyatakan E-Book menjadikan anak beliau rajin belajar. Sebagai kawalan dalam memastikan E-Book tidak disalah gunakan, beliau akan memastikan E-Book digunakan di ruang tamu rumah. Beliau membenarkan anak beliau bermain *game* hanya di hujung minggu sahaja. Pesanan beliau kepada para ibu bapa, pemantauan perlu ada kerana anak-anak masa kini lebih terkehadapan berbanding ibu bapa mereka. Pengaruh *ganget* sangat bahaya terutama apabila murid meniru apa yang mereka tonton di dalam *you tube*, *face book* dan sebagainya. Ibu bapa perlu pandai mengawasi anak-anak tetapi tidak seharusnya menyekat perkembangan teknologi dalam dunia mereka.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Secara umumnya, beberapa cadangan berikut disarankan sebagai kajian lanjutan:

5.3.1 Pemberian E-Book Kepada Murid

Pada pandangan penulis, pemberian E-Book kepada murid-murid sekolah rendah mempunyai risiko yang agak besar dari sudut penjagaan keselamatan dan nilai E-Book itu sendiri. Murid-murid masih kurang faham nilai E-Book itu berharga dan membawa masalah kepada ibu bapa yang kurang berkemampuan untuk membayar harga pembaikan dan penukaran barang-barang jika rosak. Pemerhatian penulis di sebuah sekolah mendapati, kedapatan murid yang hanya menyandarkan E-Book di koridor sekolah

²³² Ustazah Rusita Ismail (Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2), dalam temu bual dengan penulis, 25 Januari 2015

sementara menunggu ibu bapa datang menjemput mereka. Dalam masa yang sama, murid-murid lain berlari-lari di koridor tersebut dan ada yang melangkah begitu sahaja E-Book. Murid-murid sekolah rendah juga masih tidak matang untuk menjaga keselamatan E-Book dari dicuri atau hilang. Cadangan penulis, satu kajian perlu dibuat bagi menilai sama ada E-Book sesuai diberikan kepada murid-murid sekolah rendah dari sudut penjagaan dan penggunaan berbanding dengan murid sekolah menengah yang sudah matang dan pandai menjaga barang-barang. Mereka juga sudah boleh mengawal dan membezakan apa yang baik dan buruk yang boleh mereka layari dari laman sesawang. Pihak berwajib seharusnya mengkaji semula kesesuaian kohort umur yang wajar untuk mendapat pemberian tersebut.

5.3.2 Pemantauan Pihak Berwajib

Pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak pentadbir sekolah harus membuat pemantauan berkala di sekolah-sekolah dan berbincang dengan guru-guru serta murid-murid keperluan yang sewajarnya diberikan bagi memastikan objektif PdP tercapai. Perkembangan teknologi, penerapan PdP berasaskan kemahiran aras tinggi (KBAT) meliputi semua mata pelajaran terutamanya Pendidikan Islam. Majoriti murid di Malaysia beragama Islam dan memerlukan perhatian dan pendidikan agama yang mantap bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam. Guru-guru Pendidikan Islam perlu mahir dan bertanggungjawab memahirkan diri mereka untuk menarik minat murid-murid era globalisasi mempelajari subjek Pendidikan Islam. Penghayatan Islam yang mantap akan dapat menyelesaikan masalah keruntuhan akhlak masa kini yang semakin meruncing. Guru Pendidikan Islam perlu kreatif dan inovatif seiring guru-guru lain agar pendidikan selari duniawi dan ukhrawi. Satu kajian wajar dibuat bagi mengetahui keberkesanan pemantauan yang dibuat, bilangan pegawai EIO di

sekolah, alat-alat penyelenggaraan dan semua perkara yang berkaitan kerana boleh dikatakan semua urusan dan PdP masa kini menggunakan kemudahan ICT. Pemantauan perlu diperkasa bagi menjamin keberhasilan yang optimum dalam dunia pendidikan terutamanya Pendidikan Islam. Ini kerana pengetahuan, kefahaman dan penghayatan murid-murid terhadap Islam akan melahirkan seorang murid, seorang muslim yang baik dari segi tingkah laku, sikap dan segala-galanya.

5.3.3 Kursus Pengendalian Teknologi Maklumat

Pada pandangan penulis, pihak berwajib sentiasa merancang, menyusun dan melaksanakan kursus-kursus kepada semua guru di Malaysia bagi memastikan hasrat KPM tercapai. Kursus berkala perlu dilaksanakan kepada semua guru dan tidak terhad kepada guru-guru mata pelajaran teras sahaja. Guru-guru Pendidikan Islam perlu mahir dan sebaris dengan guru-guru lain dalam mengaplikasikan teknologi dalam Pendidikan Islam. Penguasaan solat murid perlu diterapkan dengan sebaik-baiknya agar murid mantap solat sejak di sekolah rendah lagi.

5.3.4 Pelaksanaan *Chromebook*

a) Komputer Riba - *Chromebook*.

Pemberian E-Book pada tahun 2015 telah diberhentikan dan kerajaan negeri akan mengkaji semula.²³³ Walaubagaimanapun, program kelas maya diteruskan seperti biasa. Kementerian Pendidikan Malaysia telah membekalkan *chromebook* kepada setiap sekolah untuk kegunaan murid di sekolah sejak daripada 18 Mac 2013 sehingga 17 Mac 2014 (satu tahun) selaras dengan konsep 1BestariNet dan halatuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.. Projek pembekalan *Chromebook* merupakan

²³³ Wartawan BO, "Kerajaan Akhirnya Akui Projek e-Book Ratusan Juta Gagal ", laman sesawang *buletin online*, dicapai 28 Julai 2015, <http://www.buletinonline.net/v7/index.php/kerajaan-akhirnya-akui-projek-e-book-ratusan-juta-gagal/>

pembekalan peralatan teknologi maklumat di bawah projek penyediaan peralatan Makmal Komputer secara konsep mudah alih yang dibekalkan kepada murid²³⁴ tetapi tidak menjadi hak milik murid. Ia adalah hak milik KPM sebagai peranti sokongan untuk mengakses bahan PdP melalui internet dengan menggunakan *Virtual Learning Environment (VLE)*. Ia menggunakan perkakasan *Notebook* dengan sistem operasi *Google Chrome*. Semua *chromebook* disimpan di dalam almari khas yang dilengkapi wayar cas bagi setiap *chromebook*. Ianya disusun mengikut nombor siri yang telah ditetapkan. Bilangan *chromebook* yang dibekalkan bagi setiap sekolah mencukupi untuk bilangan murid sebuah kelas.

Penggunaan teknologi *Chromebook* akan dapat membantu guru dan murid bergerak dan melaksanakan PdP di mana-mana kawasan liputan 1 BestariNet termasuk di dalam bilik darah atau di mana-mana sahaja kawasan yang meliputi akses 1BestariNet diperolehi. Dasar KPM untuk murid-murid di Malaysia mengaplikasi dan mendapatkan bahan PdP secara *online* dan menggunakan akses internet. Oleh itu, peralatan yang sesuai diperlukan dan kerajaan membekalkan peralatan *Chromebook* dengan konsep “*cloud computing*”²³⁵

b) Perbezaan E-Book dan *Chromebook*

E-Book dan *Chromebook* pada dasarnya ialah komputer riba yang hampir sama dari segi fizikalnya. Ia kecil, ringan dan sesuai dibawa murid sekolah rendah.

A) Perbezaan E-Book dan *Chromebook* adalah perisian yang terdapat di dalamnya. Seperti yang kita telah ketahui, E-Book mengandungi buku teks murid, al-Quran, doa-doa, kamus dan lain-lain bahan pembelajaran. Bahan yang perlu dimuat naik hanyalah

²³⁴Kementerian Pendidikan Malaysia, “Garis Panduan Pembekalan Peralatan Makmal Komputer Mudah Alih *Chromebook* KPM 2013”(Programme Management Office (Inisiatif ICT), Kementerian Pendidikan Malaysia,2013),2

²³⁵ *Ibid.*

bahan-bahan yang diperolehi daripada internet. *Chromebook* pula menggunakan perisn *Google Chrome* dan tidak diisi dengan buku teks, al Quran dan lain-lain. Murid-murid perlu mengakses internet sepenuhnya untuk mendapatkan bahan pembelajaran. Setiap kelas sudah disediakan ruang *wall* dan setiap guru akan memuat naik atau memuat turun bahan ke dalam *wall* kelas tersebut. Segala tugasan, perbincangan, bahan PdP diletakkan di dalamnya. Murid masih perlu membawa buku teks seperti biasa.

B) E-Book dimiliki murid manakala *Chromebook* milik kerajaan Malaysia. Oleh itu, murid tidak boleh membawa balik *Chromebook* ke rumah. *Chromebook* perlu disimpan dan dicas untuk tempoh sekurang-kurangnya 4 jam di *charging cart* yang disambung ke punca kuasa elektrik pada setiap masa kecuali atas tujuan keselamatan selepas digunakan bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan sedia guna.

C) E-Book hanya dibekalkan kepada murid tahap dua manakala *Chromebook* diguna pakai kepada semua murid tahap satu dan dua.

D) E-Book merupakan projek Kerajaan Negeri Terengganu dan hanya terdapat di negeri Terengganu untuk murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah seluruh Terengganu.. Semua pembiayaan dari persediaan kilang, pemberian E-Book adalah di bawah tanggungan kerajaan negeri. Salah satu punca diberhentikan adalah kerana E-Book memerlukan modal besar setiap tahun. Kos setiap tahun selama 10 tahun E-Book dibekalkan menelan belanja hampir rm50 juta²³⁶. *Chromebook* adalah projek mega Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia selama setahun sahaja.

E) E-Book tidak menggunakan konsep “*cloud computing*” dan boleh di akses di mana-mana sahaja yang mempunyai capaian *wifi*. *Chromebook* pula menggunakan platform VLE dengan perkakasan *Notebook* dengan sistem Operasi *Google Chrome* dan tertakluk kepada Projek Perkhidmatan 1BestariNet.

²³⁶ Wartawan BO, “Kerajaan Akhirnya Akui e-Book Ratusan Juta Gagal”.

F) Kelas maya menggunakan E-Book hanya dijalankan di dalam kelas maya khas yang disediakan pihak kerajaan negeri kepada sekolah-sekolah tertentu sahaja. Ia merangkumi komputer guru, *smart board* dan E-Book murid dan guru boleh mengawal E-Book murid jika ingin berbuat demikian. *Chromebook* berkonsepkan makmal komputer mudah alih. Kemudahan internet boleh dicapai dalam lingkungan 1BestariNet boleh diakses sahaja.

5.4 Kesimpulan

Pemberian E-Book dan program kelas maya sangat baik bagi pembelajaran murid-murid dan guru Pendidikan Islam di negeri Terengganu tetapi masih terdapat banyak kelemahan di pihak pengendalian program, guru, murid dan terdedah kepada kritikan. Antara punca E-Book ditamatkan adalah kerana ianya mencecah kos yang sangat tinggi iaitu sebanyak RM50 juta setahun. Pada tahun 2008, pembinaan kilang '*design & build*' sebanyak RM7.95 juta, bajet pembelian E-Book tahun 2009 sebanyak RM30 juta, bajet pembelian E-Book 2010 sebanyak RM25 juta dan bajet tambahan pembelian E-Book Ogos 2010 sebanyak RM25 juta.²³⁷ Kajian dan perbincangan yang panjang telah dibuat oleh kerajaan negeri dan akhirnya keputusan diambil untuk menamatkan E-Book.

Walaupun, program kelas maya (*Virtual Class*) masih berjalan seperti biasa dan guru-guru menyambut baik kemudahan *Chromebook* yang dibekalkan KPM bagi semua sekolah setelah kajian KPM terhadap keberkesanan dan peningkatan prestasi serta maklum balas dari guru-guru di negeri Terengganu E-Book kepada murid di negeri Terengganu.

²³⁷ *Ibid.*

BIBLIOGRAFI

Al Quran Al Kareem

Al-Sunnah al-Nabawiyyah

Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairil Aman Ajuhary. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*. Journal of Islamic and Arabic Education 2(1).

Abdul Khaliq, *Teknologi dalam Islam*, laman sesawang slideshare.net, 9 Julai 2015.

Abdul Mutalib Embong et all. *What do teachers and pupils say about using e-books in the classrooms?*. International Journal of Social Science and Humanity Volume 4,1 November 2014.

_____ *Teacher's Perceptions on The Use of E-Books as Textbooks in The Classrooms*. World Academy of Science, Engineering and Technology, International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economics, Business and Industrial Engineering Vol:6, No:10 ,25 Oktober 2012.

Abdullah Nasih Ulwan: *Tarbiyyatul aulad fil Islam*, Jeddah: Dar as-Salam littiba'ah wan Nasyr wat Tauzi',1994.

Admin,*e-Book*, laman sesawang Top Industries, dicapai 15 Mac 2018

Ahmad Mohd Salleh. *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Fajar Bakti Sdn. Bhd,Selangor, 1997.

Ahmad Razif Bin Abd Rahman, *Transformasi Terengganu Baharu*,laman sesawang Agensi Transformasi Rakyat Terengganu, 16 Disember 2015.

Akta Pendidikan, laman sesawang Jamalit.tipod.com.

Amir Nazif, *Ciri-ciri Guru yang Berkualiti dan Berkesan dalam proses P&P*, laman sesawang Slideshare ,28.9.2015.

Arifia Kasasta, *Erti Kelas Maya*. laman sesawang Arka TKJ.blogspot.com, dicapai 29 Nov 2014.

Arkib, *500 EIO jayakan e-Book*, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai pada 27 Mei 2009

Arkib, *Terengganu Perkenal Kelas Maya di Sekolah Rendah*, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 9 Feb 2012.

Arkib, *500 EIO jayakan e-Book*, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai pada 27 Mei 2009.

Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin, *Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran*, *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 4(2),2012.

Asnuurien Najma binti Ahmad. *Kesan Penekanan Terhadap Pendidikan Sekular*. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka, laman sesawang www.ppm.edu.my, 18 November 2016.

Azani Ismail & Azman Che Mat, *Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab.*, laman sesawang GEMA Online tm *Journal of Language Studies*, 29 Julai 2015.

Azelin Mohamed Noor dan Abd Mutalib Embong. *E-Books in Malaysian Primary Schools: The Terengganu Chapter*, World Academy of Science, Engineering and Technology, *International Journal of Social, Education, Economics and Management Engineering* Vol:6, No:6, 20 June 2012.

Azmi Ramli. *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam P&P*. Kursus Multimedia Pendidikan ILDAS, laman sesawang slideshare.net. 29 Ogos 2010.

Bahagian Kurikulum Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007, *op.cit.*, iv

Bernama, *Penduduk: banjir di Kemaman Paling Buruk*, laman sesawang *Sinar Online*, 4 Disember 2013.

-
- Program E-Book dilancar di Terengganu*”, laman sesawang Alam Akademik dicapai 12 Januari 2009
- Caroll Lynn. *Ciri-ciri Pelajar Cemerlang*. laman sesawang Slideshare.net, 29.9.2015.
- Chua Yan Piaw, *Kaedah penyelidikan Edisi Kedua McGraw-Hill*, Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Penilaian dan Kemajuan Kanak-kanak, Open Universiti Malaysia, 2007.
- Cv. Rajawali, *Media Pendidikan Pengertian, Pengembangan dan Manfaatnya*. Jakarta: Pustekkom Dikbud dan CV Rajawali, 1986.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan, laman sesawang <http://www.moe.gov>, 2015.
- ELMO, “ *ICT dalam Pendidikan* “, laman sesawang elmoglobal.com, Kuala Lumpur, 1988. Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008.
- Faktor-faktor Yang Menghalang Penggunaan ICT dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam, laman sesawang slideshare.net”, 9. Julai 2015.
- Haris Bin Yahya. *Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Beberapa buah Sekolah Rendah di Kuala Lumpur*, tesis sarjana pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007
- Hasnudin bin Abd. Rahman dan Norfaizuyana binti Zainal, “*Keberkesanan Penggunaan ICT di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur*”, Proseding of IC_ITS 2015 e-ISBN:978-967-0850-07-8, International Conference on Information Technology & Society, Kuala Lumpur, MALAYSIA, 8-9 June 2015.

- Hj Huzili Hussin dan Shuhairimi Abdullah. *Menangani Penetrasi Budaya Hedonisme di Kalangan Mahasiswa: Satu Penyelesaian Menurut Perpektif Islam dan Kaunseling*. Kertas Kerja, Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, 2006.
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn.Bhd., 2009
- Imam At-Tirmizi huraian Ahmad Adnan Fadzil. *Kenali Rasul Kita Muhammad SAW Menyingkap dan Mengenal Keperibadian & Cara Hidup Insan Mulia*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2014.
- Imam Barnadip, *Arti Metodee Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1982
- Jabatan Audit Negara Malaysia, *Laporan Ketua Audit Negara, Negeri Terengganu Tahun 2009*, laporan, Ketua Audit Negara, 2009.
- Jabatan Penyelidikan dan Rekayasa Penemuan, *Bagaimana Menganalisis Data Kualitatif*, 16 Januari 2008.
- Kamarudin b Mat Akib, *Kelas Maya Terengganu Lebih Baik Daripada Model Luar*, laman sesawang teganukita.blogspot.com. 2011.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam Mengikut Shor2 Penyata Raza k 1965, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*, Selangor: Cepat Cetak Sdn. Bhd, 2014

- _____ Dasar Pendidikan Kebangsaan, 1 September 2015.
- _____ *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*, laman sesawang Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, 19 Mac 2016
- _____ Garis Panduan Pembekalan Peralatan Makmal Komputer Mudah Alih *Chromebook* KPM 2013, Programme Management Office (Inisiatif ICT), Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013
- _____ Garis Panduan Pembekalan Peralatan Makmal Komputer Mudah Alih *Chromebook* KPM 2013, KPM
- _____ Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR3-18. Laman sesawang Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia
- _____ Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Laman sesawang www.moe.gov.my
- Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial* , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984
- Ketua Pengarang, *Pembentangan Penuh Bajet Terengganu 2017 Oleh MB Razif*, laman sesawang Bicara 1 Suara Kepimpinan, 21 November 2016
- Kompetensi Khusus Fungsi (Pengurusan PP), Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 2003.
- Kurikulum Pendidikan Islam KBSR, laman sesawang moe.gov.my
- Laman Sesawang <http://sktelokkalong.edu.my/>
- Laman Sesawang <http://www.pmm.edu.my>
- Laman Sesawang <http://www.slideshare.net/ctfironika/definisi-komunikasi>
- Laman Sesawang teganuku.blogspot.my
- Laman Sesawang: <http://emisportal.moe.gov.my/>
- Laman Sesawang: <http://pmb.terengganu.gov.my>
- Laman Sesawang: <http://prpm.dbp.gov.my>

Laman Sesawang: <http://www.dorar.net>.

Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam mengikut Skor 2 Penyata Razak 1965, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972.

Malaysia Spearheading Transformation. *Pengintegrasian kandungan bahan-bahan berasaskan ICT di dalam P&P Pendidikan Islam*, laman sesawang <http://www.mscmalaysia.my> 6 April 2015.

Mardzela Makhsin dan Mohamad Fadhli Ilias. *Amalan Hisbah Kendiri Dalam Pendidikan Islam: Kajian Terhadap Murid-Murid Sekolah Menengah di Kedah*. The Journal of Islamic Education, Volume 2 Issue, 1 Januari 2014.

Martyn Dencombe, *The Good Research Guide*, Buckingham: Open University Press, 1998.

Mashitah Sulaiman. *Islam dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu, Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, 2013.

Michael Quinn Patton, *Practical Evaluation*, Beverly Hills: SAGE Publications, 1982.

Mohamad Najib Abdul Ghafor, *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2001.

Mohamad Syahmi Harun, *RPT thn 5 Penggal 2*, laman sesawang mohamad syahmi harun.blogspot.com, 4 Ogos 2015.

Mohd Kamal Hassan. *Pendidikan dan pembangunan Satu Perspektif Bersepadu* Kuala Lumpur, Nurin Enterprise, 1988.

Mohd Roslan Mohd Nor, et. al., "Madrasah System in Malaysia: Its Contribution and Challenges", Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Area Studies, anjuran National Institute of

Humanities, Japan & Asia-Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008.

Mohd Yusri Ibrahim, *Bimbingan Cepat Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan & Sains Sosial* Kuantan:Bandar Ilmu,2010.

Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur,Universiti Malaya,2002.

Mohd Zaini Nasri, *Pelajar Semakin Hilang Minat Belajar*, laman sesawang Utusan Online, dicapai 7 Jun 2000

Nafaidillah Nasir, “ Kajian Kes Penggunaan e-Book di Sekolah di Daerah Kuala Terengganu”, laman sesawang nafaidillah.blogspot.com, dicapai 9 Ogos 2015.

_____. *Isu-Isu ICT dalam Pendidikan*, laman sesawang nafaidillah.blogspot, dicapai 5 Jun 2015.

Nizha Periasamy dan Nadzarul Amir Zainal Azam, *e-book bukan sekadaringankanbeg*,laman sesawang <http://www.kosmo.com.my/>,2010.

Nor Aziah Jaafar, “*Pelajar Terengganu guna e-Book*”,laman sesawang Utusan Online,27 Mei 2009 .

Noreless Ismail dan Siti Nor Aiinaa Ismail, *Tahap Amalan dan Pengintegrasian e-Book Kolej Komuniti dalam pengajaran dan pembelajaran*,. laman sesawang politeknik.gov.my.

Norliza Hussin dan Muhamad Sattar Rasul. *Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, The Online Journal of Islamic Education, Jun 2013, Vol. 1 Issue 2.

Nur Hanani Hussin dan Mohd Aderi Che Noh. *Elemen Mengenal Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam*, The Online Journal of Islamic Education, June 2013, Vol 1 Issue 2.

- Nurul Hidayu Abd Halim. *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Malaysia (1600-1900)*, laman sesawang slideshare.net, 2 Mei 2015.
- Nurul Izzah Sidek, *Remaja dan Perubahan Zaman*, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 14 April 2011
- Othman b Md. Johan dan Lukman b Dinyati, *Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan ICT Untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang*.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori dan Metodee*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris,2012.
- Othman Talib, *Asas Penulisan Teks Penyelidikan & Statistik*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia,2013.
- Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Pejabat Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugam Islam Mengikut Shor 2 Penyertaan 1965 , dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelaksanaan Program e-Book Menggantikan Buku Teks Konvensional Sekolah,Sosiologi Persekolahan PAET 4101.
- Penulis Tidak Diketahui, *Faktor-faktor yang Menghalang Penggunaan ICT dalam kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam*”, laman sesawang slideshare.
- Penulis Tidak Diketahui, *Kelas Maya -e-Book, Terengganu Pengubah Lanskap Pendidikan*, laman sesawang teganuku.blogspot.my,28 Mac 2011.
- Perbezaan Antara Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik dalam P&P Bahasa Melayu,dicapai pada 20 Oktober 2014, [http:// siscppdk. blogspot.com /2014/10/perbezaan-antara-strategi-pendekatan.html](http://siscppdk.blogspot.com/2014/10/perbezaan-antara-strategi-pendekatan.html)

Prof. Madya Dr. Zulkifl Abd. Ghani. *Pendekatan Dakwah Melalui Penggunaan ICT*. Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa, Menghurai Permasalahan Isu Semasa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 2006.

Program e-book dilancar di Terengganu, laman sesawang Alam Akademik, dicapai 20 Oktober 2015.

Rosalwani Che Soh dan Azura Mohamad, *Pondok Lahirkan Ramai Generasi Ulama*, laman sesawang Sinar Online, 8 November 2017

Roslan Abdul Rahman. *Soal jawab mengenai e-book*, laman sesawang <http://teganuku.blogspot.com>, June 29, 2009.

Ruslan Abdul Rahman. *Intel iktiraf Terengganu Perintis Penggunaan e-Book*, laman sesawang *bateri kita*, 16 Februari 2014

Shamsina, *Kajian Tindakan (kemas kini): Panduan Menganalisis Data Berbentuk Teks atau Transkrip (kualitatif)*, laman sesawang *guru pendidikan Islam.blogspot.my*, 11 Disember 2013.

Sayyid Qutb. *Tafsir Fi Zilalil Quran*, terj. Dato' Yusoff Zaky Haji Yaacob. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd., 2010.

Sektor Data Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, "Modul Pengurusan Sekolah", laman sesawang Modul Pengurusan Sekolah, KPM, dicapai 3 Mei 2017

Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa. *Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimin*. The Online Journal of Islamic Education, Universiti Malaya, July 2014, Vol. 2 Issue 2.

Smktelokkerang", laman sesawang smktelokkerang.blogspot.com, dicapai 24 Disember 2017, <http://smktelokkerang.blogspot.com/2013/04/bilik-darjah-yang-kondusif-merangsang.html>=1

Sohana Abdul Hamid, "Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat", *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, Special Issues 1 (October 2016), ISSN:1823-884x.

Suria0384, *Pelaksanaan Program e-Book Menggantikan Buku Teks Konvensional Sekolah*, Sosiologi Persekolahan (PAET 4101), laman sesawang www.Scrib.com

Suriati Ali. *Sasar Kelas Maya di Semua Sekolah*. laman sesawang <http://teganukita.blogspot.com>, 28 Mac 2012.

Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1992.

Syeikh Sofiyurahman Al Mubarakfuri. *Ar-Rahiq Al-Makhtum Sirah Nabi ﷺ Perjalanan Hidup Insan Agung*, terj. Kemilau Publika Selangor. Kemilau Publika Sdn. Bhd, Disember 2013

Tengku Sarina Aini Tengku Kasin dan Yusmini Md. Yusoff. *Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak,* " dalam *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, ed. Mohd Fauzi Hamat dan Joni Tamkin Borhan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian islam, Universiti Malaya, 2007.

The Terengganu E-Book Scandal (Part 1: Statement By The Terengganu Menteri Besar), *Malaysia Today Online News*, 4 September 2010

Top IT Industries, *Skop Tugas Pegawai Teknologi Maklumat (EIO)*, laman sesawang Top IT Industries, 1 April 2015

Wan Roslina et al. *The Effect of e-Book on Student's Learning Styles A Study in Terengganu, Malaysia* : International Conference on Advanced Information and Communication Technology for Education, ICAICTE, 2013.

Wartawan BO, “Kerajaan Akhirnya Akui Projek e-Book Ratusan Juta Gagal”, laman sesawang buletin online, 28 Julai 2015.

Yuvarani a/p Subramaniam, *Teori Perkembangan Manusia: Teori Kecerdasan Pelbagai*. laman sesawang slideshare.net, 28 Julai 2015.

Zainor Said, “Respons: Antara isu beg berat, pelajar enggan bawa buku”, laman sesawang, *Respons Pendidikan*, 13 Februari 2009.

Zalinawati Abdullah dan Norudin Mansor, “School Teachers Acceptance of e-Book”, *World Applied Sciences Journal* 23, Enhancing Emerging Market Competitiveness in the Global Economy: (01-07, 2013) ISSN 1818-4952.

Zalizan Mohd Jelas et al. *Prestasi Akademik Mengikut Gender*. *Jurnal Pendidikan* 30, 2005.

TEMUBUAL

Ustazah Amelda binti Ideris, Guru Bahasa Arab, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Kemaman, Terengganu.

Ustazah Fatimah, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Sekolah Kebangsaan Payoh, Kemaman, Terengganu.

Ustazah Nurul Ezzah binti Abidin Sulong, Guru Bahasa Arab, Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong, Kemaman.

Ustazah Rusita Binti Ismail, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok 2, Kemaman.

Ustazah Suhana binti Sapie, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Teluk Kalong, Kemaman

Puan Hasnida, Pegawai EIO, Sekolah Kebangsaan Chukai, Kemaman.

SURAT PEKELILING

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017), Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun, 2016, (KP/KPPM/Jld.2, (22).

Universiti Malaya